

BAB LIMA

PROGRAM PEMBANGUNAN MASYARAKAT ISLAM DI ACEH DARI PERSPEKTIF DAKWAH

Kajian dalam bab ini untuk mencapai objektif yang ke empat iaitu untuk menganalisis pelbagai program pembangunan masyarakat Aceh mengikut perspektif dakwah. Program pembangunan yang dikaji dari perspektif dakwah dalam bab ini adalah program pembangunan akidah, syariah, akhlak, intelektual (ilmu pengetahuan), sosial dan ekonomi. Program pembangunan tersebut dilakukan oleh institusi keluarga, Masjid dan *Meunasah*, institusi dakwah, pendidikan dan pemerintah. Di antara program pembangunan dilakukan antaranya:

5.1 Program Pembangunan Melalui Keluarga

Institusi keluarga merupakan landasan dan sendi asas yang memikul tanggungjawab membangun rumah tangga sejahtera dan mendidik anak dengan menanamkan nilai-nilai Islam, membentuk karakter dan keperibadian yang baik sentiasa dimulai dalam keluarga. Keluarga memainkan peranan penting dalam mengasuh, membimbing dan memberikan pendidikan awal kepada anak, di mana sikap, perilaku, kebiasaan orang tua menjadi contoh yang ditiru dan teladan yang diamalkan oleh anak. Program membangun nilai-nilai Islam bagi anak untuk melahirkan masyarakat yang sejahtera dan bahagia harus dimulai dari institusi keluarga. Program pembangunan masyarakat Aceh yang dimulai dari institusi keluarga, antaranya:

5.1.1 Program Membangun Akidah Melalui Keluarga

Kebijaksanaan pemerintah Aceh melahirkan kanun dan peraturan daerah tentang pembinaan akidah dalam keluarga amat tepat, sangat bernilai dan sesuai dengan situasi yang sedang mengalami kedangkalan akidah sehingga memberi motivasi dan semangat bagi orang tua untuk menanam akidah kepada anak supaya sesuai dengan konsep Islam untuk membangun keluarga berakidah tangguh dan memiliki keimanan yang kukuh bagi mencapai kesejahteraan hidup di dunia dan kebahagiaan di akhirat. Mewujudkan kanun akidah sangat baik dan sesuai dengan keperluan masyarakat yang sedang dilanda krisis akidah disebabkan kelemahan keluarga dalam membina keimanan kerana pengaruh dunia moden yang penuh cabaran dan tantangan sehingga merosakkan dan mengabaikan akidah. Isi yang terkandung dalam kanun ini membawa nilai yang positif, sangat bermakna untuk memberi penekanan dan keyakinan kepada keluarga supaya lebih bertanggungjawab kepada anak dan anggota keluarga dalam membangun akidah.

Mengikut kanun akidah, Pemerintah Aceh dan institusi masyarakat berkewajiban menanam akidah bagi setiap muslim sejak kanak-kanak sampai dewasa amat sesuai untuk memperkukuh akidah masyarakat. Isi kanun dan peraturan daerah tentang pembinaan akidah yang mengutamakan keluarga dan menjadi kewajiban pemerintah membina akidah sangat baik sesuai keperluan semasa dan memberi nilai tinggi yang sangat bererti dalam usaha memantapkan akidah dalam keluarga.¹

Akidah merupakan landasan asas dan teras dari ajaran Islam yang wajib di yakini oleh setiap muslim tentang kepercayaan kewujudan Allah s.w.t dan menyakini

¹ Abdurrahman TB, Ketua Departemen Agama Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, Temubual 16 Disember 2009.

asas akidah yang ditetapkan dalam rukun iman sebagaimana yang sering dilakukan oleh keluarga dalam masyarakat Aceh. Masyarakat Aceh yang sangat fanatik terhadap Islam dan sentiasa memanan akidah kepada anak-anak sejak usia masih kecil lagi sesuai dengan matlamat dakwah untuk melahirkan anak yang beriman dan beramal. Akidah yang diperkenalkan oleh orang tua kepada anak selaras dengan konsep Islam yang dimulakan dengan mengucapkan dua kalimah syahadah sebagai ikrar beriman kepada Allah s.w.t, beriman kepada rasul dan mendalami kepercayaan mengikut iman rukun iman. Keluarga terutama orang tua sering memperkenalkan keberadaan Allah kepada anak dengan menunjukkan bukti kewujudan alam, ada langit dan bumi yang dapat menyakinkan anak tentang kepercayaan dan beriman kepada Allah s.w.t.²

Keluarga dalam masyarakat Aceh sentiasa mengajar, memberi tahu dan menyakinkan anak tentang beriman dengan alam gaib mengikut ajaran Islam untuk memperkuat akidah seperti beriman kepada Allah, kepada rasul, kitab al-Qur'an malaikat, hari akhirat dan menerangkan adanya hidup setelah mati, adanya siksa kubur, kebangkitan di hari kiamat, dihisab amalan yang baik dan buruk di hari akhirat. Pendidikan akidah yang diberikan orang tua kepada anak sejak kecil akan tertanam dalam jiwa secara utuh dan teguh kepercayaan kepada Allah sesuai dengan misi dakwah yang mengikat dirinya dengan keimanan dan terdorong untuk berbuat kebajikan dan takut melakukan kesalahan kerana adanya pembalasan di hari akhirat nanti.

Kewajiban orang tua dalam masyarakat Aceh untuk mengajarkan akidah kepada anak sentiasa dilakukan mengikut prinsip Islam, di mana akidah dibangun secara utuh dan mendalam sebagai kekuatan untuk menghayati Islam sehingga anak membesar

² Mustafa Tahir, Pegawai Dinas Syari'at Islam Kabupaten Aceh Timur, Temubual 9 July 2009.

dalam keadaan mengenal asal usul keimanan yang ditanam dengan dalil yang kukuh dan sempurna. Orang tua sentiasa mengambil berat dalam memberi pendidikan ilmu tauhid selaras dengan matlamat dakwah untuk membangun akal fikiran yang membawa kepada ketetapan akidah dan kemantapan iman. Membangun akidah keluarga yang mantap dan kukuh selaras dengan konsep Islam akan melahirkan anak beriman kuat dan teguh yang sentiasa taat kepada Allah s.w.t dengan mengerjakan ibadah, berbuat kebajikan dan mencegah kemungkaran.³

Membangun akidah dalam sebahagian keluarga masyarakat Aceh sekarang sudah mulai menurun dan lemah sudah kurang sesuai dengan prinsip Islam di mana iman sebagai kekuatan untuk menghayati Islam mulai pudar. Kelemahan dalam menanam akidah akibat dari pengaruh perkembangan zaman dan arus globalisasi yang membawa dampak negatif terhadap nilai-nilai kehidupan masyarakat mulai terhakis dan terjadi penggeseran nilai keimanan. Pengaruh globalisasi yang serba moden telah memudar nilai Islam dalam masyarakat Aceh, maka muncul gejala lemah iman seperti kurang menghayati kewajiban Islam. Akidah tidak lagi tercermin dalam ibadah dan pengamalan ajaran Islam, di mana terlihat banyak belia dan pemuda meninggalkan ibadah yang wajib untuk mereka lakukan.

Kini tanggungjawab sebahagian orang tua dalam membangun akidah yang benar dan murni dalam keluarga terutama di kampung berada dalam keadaan rendah dan lemah, kurang kemampuan mendidik keimanan sebagai cahaya dalam jiwa nampak mulai kurang sesuai dengan teori membangun akidah dalam Islam untuk melahirkan anak yang beriman kukuh dan berpegang teguh pada ajaran Islam.

³ Muhammad Alami, Ketua Partai Persatuan Pembangunan Kabupaten Pidie Jaya, Temubual 21 Disember 2008.

Pengamalan ajaran Islam dalam keluarga di kampung berada dalam posisi rendah dan lemah, hal ini dapat dilihat lebih separuh masyarakat meninggalkan ṣalāt wajib kerana lemah keimanan dan kurang menghayati kewajiban tentang ajaran Islam. Kurang pengamalan ajaran Islam, mengabaikan kewajiban agama membawa pengaruh dan menunjukkan pembinaan akidah belum selaras dengan konsep Islam untuk mendidik keluarga seperti terlihat akidah anak belum dibangun secara utuh, teguh dan mendalam sebagai kekuatan untuk menghayati dan mengamalkan ajaran Islam. Akidah tidak bererti tanpa disertai pengamalan ajaran Islam secara utuh, menyeluruh dan sempurna.⁴

Kelemahan pembinaan akidah dalam keluarga telah mendorong pemerintah Aceh mengeluarkan kanun pelaksanaan Syariat Islam di bidang akidah, ibadah dan syi'ar Islam dan peraturan daerah untuk memperkuat akidah dalam keluarga. Dalam pelaksanaan kanun dan peraturan daerah tentang akidah untuk meningkatkan keimanan keluarga dalam masyarakat belum berfungsi dengan baik, belum ada tindakan yang nyata dilakukan, belum ada petunjuk yang jelas dan belum ada panduan sebagai pegangan keluarga untuk mengambil inisiatif dan tindakan bagi mendidik akidah kepada anak mereka. Penerapan kanun dan peraturan daerah untuk memperkasa akidah dalam keluarga belum dilakukan secara tersusun dengan program yang jelas belum selaras dengan matlamat dakwah untuk membangun masyarakat yang beriman kepada Allah secara baik dan meyakinkan.⁵

Hal ini dapat dilihat, pemerintah belum melakukan program pembinaan akidah yang nyata dan khas dalam membangun keluarga, belum ada penyuluhan, belum

⁴ Muhammad Ali Yusuf, Bekas Ketua Pejabat Urusan Agama Kecamatan Bandar Dua Kabupaten Pidie Jaya, Temubual 20 November 2007.

⁵ Hasanuddin Yusuf Adan, Ketua Dewan Da'wah Islamiyah Indonesia (DDII) Cawangan Aceh, Temubual 10 Disember 2007.

mengadakan bimbingan akidah bagi keluarga sehingga dapat melahirkan akidah yang kukuh untuk membentuk ibadah yang baik dan berkesan. Kewajiban dan tanggungjawab pemerintah dalam membangun akidah keluarga mengikut kanun belum sesuai dengan teori membangun akidah dalam Islam yang menjadi elemen penting dan asas utama bagi setiap muslim, keadaan ini terlihat masih banyak keluarga dan masyarakat yang meninggalkan ibadah wajib kerana lemah iman. Pelaksanaan kanun akidah belum berjalan seperti yang diharapkan, maksud dari isi kanun belum berhasil dengan baik, belum ada fungsi pembinaan akidah sesuai dengan matlamat dakwah untuk membangun masyarakat yang kuat beriman, berakidah kukuh dan utuh.⁶

Dari hasil kajian mendapati kebanyakan responden berpendapat, pemerintah dan pihak bertanggungjawab kurang melakukan usaha untuk meningkatkan akidah, jarang mendatangi masyarakat untuk mengadakan bimbingan, melakukan tunjuk ajar, memberi pendidikan dan bimbingan bagi membangun akidah yang kuat dan benar dalam institusi keluarga. Pemerintah kurang mengadakan program pembangunan akidah dan belum membentuk pelan tindakan nyata untuk meningkatkan keimanan dalam masyarakat. Kanun dan peraturan pemerintah tentang akidah kurang berfungsi, belum dibuat petunjuk teknik dan pedoman penerapan belum dilakukan untuk dapat direalisasikan dalam keluarga sehingga masyarakat tidak lemah iman.⁷

Situasi ini dapat dilihat kelemahan keluarga dalam memantapkan akidah dan mendidik keimanan kepada anak yang berkait rapat dengan ibadah yang dilakukan oleh orang tua dan keluarga seperti didapati dalam masyarakat masih banyak keluarga dan anak yang meninggalkan ibadah wajib yang menunjukkan tanda lemahnya pembinaan

⁶ Nasruddin Hasan, Bekas Calon Bupati Kabupaten Pidie Jaya, Temubual 12 November 2009.

⁷ Syukri Nur Gani, Pensyarah Fakulti Dakwah Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Ar-Raniry Banda Aceh, Temubual 7 Disember 2007.

keimanan. Mengikut hasil kajian mendapati, kebanyakan orang tua terutama di kampung belum mampu membangun akidah yang kuat dan menonjol sebagai modal utama yang menjadi cermin keperibadian anak dengan keimanan yang tinggi, kukuh, tetap penderian dan berdisiplin sehingga melahirkan kekuatan ketakwaan dan tidak meninggalkan ibadah belum dapat direalisasikan secara utuh dalam kehidupan keluarga.

Tanggungjawab sebahagian orang tua dalam masyarakat Aceh terutama di kota untuk membangun akidah nampaknya lebih baik, mereka melakukan selaras dengan matlamat dakwah bagi melahirkan anak yang berpegang teguh terhadap keyakinan dan kepercayaan kepada Allah s.w.t. Membangun akidah oleh kebanyakan institusi keluarga dalam masyarakat kota telah dilakukan selaras dengan konsep Islam, biasanya ibu bapa menerangkan kepada anaknya tentang kewjudan alam ini dan dijadikan manusia oleh Allah sebagai bukti adanya Tuhan yang wajib disembah iaitu Allah s.w.t. Keluarga yang kurang mampu mendidik akidah biasanya menyerahkan anaknya kepada pengajian *Meunasah*, dayah dan sekolah untuk memperkuat akidah.⁸

Akidah yang dibangun oleh sebahagian institusi keluarga dalam masyarakat Aceh terutama di kota sesuai dengan prinsip Islam, hal ini dapat dibuktikan dengan membina keimanan yang benar, jelas dan bersih tanpa pengaruh syirik, tahayul, khurafat dan mistik. Dulu banyak pengaruh tradisi, kepercayaan lokal, percaya roh nenek moyang dan dipengaruhi oleh unsur Hindu dan Buddha yang bercanggah dengan akidah Islam menjadi kepercayaan, kini sudah dapat dihapus dan dihilangkan dalam keluarga kerana unsur kurafah dan tahyul kurang mendapat kepercayaan lagi

⁸ Said Ali Musa, Tokoh Masyarakat Kecamatan Bandar Dua Kabupaten Pidie Jaya, Temubual 15 Disember 2008.

disebabkan pengaruh perkembangan ilmu pengetahuan dan penerapan pemikiran yang murni mengikut ajaran Islam sebenar.⁹

Menurut pengamatan penulis, tanggungjawab institusi keluarga dalam membangun akidah untuk anggota keluarga masih lemah, belum sesuai dengan matlamat dakwah dan kanun pemerintah Aceh tentang pelaksanaan Syariat Islam untuk membangun akidah dalam institusi keluarga, nampaknya belum dapat dilakukan dan ditingkatkan sehingga menunjukkan iman masyarakat masih lemah. Pemerintah sendiri kurang bertindak untuk menerapkan kanun dan peraturan daerah bagi membangun akidah masyarakat yang lebih berkesan dan sempurna sesuai ajaran Islam.

5.1.2 Program Membangun Syariah Melalui Keluarga

Program membangun syariah dalam masyarakat Aceh dititik beratkan pada orang tua yang dimulai dari institusi keluarga yang kini telah dikeluarkan kanun dan peraturan daerah tentang kewajiban dan tanggungjawab orang tua untuk membimbing pengamalan ibadah dalam keluarga adalah amat tepat dan sesuai dengan ajaran Islam. Melihat isi peraturan daerah dan kandungan maksud kanun yang dikeluarkan pemerintah Aceh untuk membina ibadah dalam keluarga sangat baik, membawa nilai yang positif dan memberi motivasi untuk meningkatkan ibadah sesuai dengan keperluan penerapan Syariat Islam di Aceh yang memerlukan pengamalan ibadah yang kuat dalam keluarga dan masyarakat. Pengamalan ibadah sangat penting dan diutamakan dalam masyarakat sehingga pemerintah mengeluarkan peraturan supaya setiap muslim mengamalkan ibadah seperti mengeluarkan kanun untuk memakmurkan Masjid dan

⁹ Abdullah Muhammad, Ketua Bidang Bina Hukum Dinas Syariat Islam Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, Temubual 8 Jun 20210.

Meunasah dengan ṣalāt berjama'ah serta ibadah sunat supaya masyarakat mengamalkan ibadah sesuai dengan tuntutan ajaran Islam.¹⁰

Keluarga merupakan teras utama dalam membangun anak mengamalkan hukum syariah dalam masyarakat Aceh yang biasanya dilakukan selaras dengan prinsip Islam tentang bagaimana menyembah Allah, berinteraksi dengan keluarga, kerabat, tetangga dan masyarakat. Orang tua sentiasa memperkenalkan Syariat Islam dengan konsep ibadah mengikut rukun Islam seperti mengucapkan dua kalimah syahadah, melakukan ṣalāt, melaksanakan puasa, membayar zakat dan menunaikan ibadah haji bagi yang mampu. Hukum Syariat Islam dilakukan dalam keluarga sesuai dengan teori membangun syariah Islam bagi memenuhi matlamat manusia dijadikan untuk mengabdikan, beribadah dan menyembah Allah yang wajib ditunaikan oleh setiap orang Islam yang *mukallaf* mengikut kemampuan dan kekuatan yang dimiliki.¹¹

Peranan sebahagian orang tua kini dalam memberi pengajaran dan mendidik anak seperti melaksanakan ṣalāt, memberi nasihat, peringatan, menyeru kepada kebenaran, mendidik untuk melakukan amalan kebaikan kepada anak-anak nampaknya mulai menurun dan mulai terabai dari prinsip ajaran Islam. Kewajiban orang tua dalam melaksanakan hukum syariah belum sesuai dengan tuntutan ajaran Islam yang sebenar dan belum selaras dengan matlamat dakwah untuk membentuk anak yang baik, menghayati, mengamalkan ajaran Islam secara tetap dan konsisten. Keadaan ini dapat dilihat tindakan keluarga belum sesuai dengan aturan Islam, banyak orang tua dewasa ini yang dinilai kurang serius dalam melaksanakan kewajiban terhadap anaknya, bahkan ada

¹⁰ Jamaluddin Idris. Pensyarah Fakulti Tarbiyah Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Ar-Raniry Banda Aceh, Temubual 17 Disember 2008.

¹¹ Abdul Gani Aji, Tokoh Masyarakat Kecamatan Peudada Kabupaten Bireun, Temubual 12 September 2009.

yang kurang mengetahui kewajiban dan tugasnya sebagai orang tua. Sehingga anak-anak menjadi tidak segan lagi kepada orang tuanya dan bahkan terjadi kedurhakaan kepada orang tuanya.¹²

Tanggungjawab dan kewajiban orang tua dalam memberikan petunjuk untuk mengamalkan hukum syariah dalam keluarga masyarakat Aceh sudah mulai nampak menurun sehingga telah mendorong pemerintah Aceh mengeluarkan kanun untuk meningkatkan pemahaman dan pengamalan ajaran syariah dalam institusi keluarga. Dalam kanun pelaksanaan Syariat Islam dibidang akidah, ibadah dan syi'ar Islam menyebutkan bahawa, setiap keluarga/ orang tua bertanggungjawab untuk membimbing pengamalan ibadah kepada anak-anak dan anggota keluarga yang berada di bawah tanggungjawabnya. Setiap orang Islam yang tidak mempunyai uzur syar'i wajib menunaikan ṣalāt jumaat. Kanun yang dikeluarkan pemerintah Aceh sesuai dengan konsep Islam dan selaras dengan matlamat dakwah untuk membangun institusi keluarga bagi meningkatkan pengamalan ajaran syariah kepada anak dan anggota keluarga.¹³

Kewajiban sebahagian besar orang tua terutama di kampung dalam menanam pengamalan ibadah kepada anak-anak belum sesuai dengan teori membangun Syariat Islam untuk melahirkan keluarga sejahtera, bahagia lahir dan batin. Tanggungjawab orang tua dalam melakukan hukum syariah seperti ṣalāt masih diabaikan, keluarga harus melatih anak mereka melakukan ṣalāt selambatnya pada umur tujuh tahun dan sedikit lebih keras pada usia 10 tahun, belum mampu dilakukan mengikut konsep ajaran Islam dan perintah hukum syariah. Kewibawaan orang tua nampak kurang konsisten dalam

¹² Muslim Ibrahim (2008), *Op. Cit.*, h.173.

¹³ Muhammad Alami, Ketua Partai Persatuan Pembangunan Kabupaten Pidie Jaya, Temubual 21 Disember 2008.

mendidik anak untuk mengamalkan ajaran Islam, kurang memberi motivasi dan kurang perhatian akibat pengaruh zaman moden yang mengabaikan nilai agama dan ibadah.¹⁴

Sikap keluarga dalam memerintahkan mengamalkan syariat ṣalāt tidak tegas, kurang bertanggungjawab dan belum sesuai dengan matlamat dakwah sehingga banyak anak meninggalkan dan mengabaikan ibadah wajib. Kemampuan orang tua dalam membangun sikap anak untuk menghayati nilai syariah belum selaras dengan prinsip pelaksanaan Syariat Islam di Aceh bagi mewujudkan anak yang saleh dan taat mengamalkan ibadah mengikut ajaran Islam. Peranan dan tanggungjawab orang tua belum selaras dengan seruan dakwah dan belum terpenuhi tuntutan kanun pelaksanaan Syariat Islam di Aceh supaya setiap orang tua bertanggungjawab menanamkan ajaran syariah dalam keluarga.¹⁵

Pelaksanaan dan perlakuan kanun tentang tanggungjawab orang tua dalam pengamalan ibadah belum dilakukan secara serius oleh keluarga secara berencana, pemerintah belum melakukan tindakan yang nyata, pemimpin kurang datang ke masyarakat untuk memberi motivasi bagi meningkatkan pengamalan hukum syariah terutama pelaksanaan ibadah dalam keluarga dan masyarakat. Menurut hasil kajian mendapati, terdapat banyak anak yang berumur sudah wajib ṣalāt tidak menunaikan ṣalāt wajib lima waktu dan tidak melakukan ṣalāt jumaat tidak mendapat perhatian, tindakan dari keluarga dan pemerintah. Banyak anggota masyarakat yang telah wajib ṣalāt tidak melakukan ṣalāt wajib jumaat belum diambil tindakan oleh pemerintah

¹⁴ Muhammad Nur Idris, Khatib Masjid Kumba Kecamatan Bandar Dua Kabupaten Pidie Jaya, Temubual 20 Disember 2008.

¹⁵ Bakhtiar Husen, Tokoh Masyarakat Banda Aceh, Temubual, 4 Disember 2007

menunjukkan kelemahan aturan kanun sehingga masyarakat masih banyak yang mengabaikan kewajiban hukum syariah.¹⁶

Tanggungjawab orang tua dalam melaksanakan hukum syariah terutama di kampung belum sesuai dengan misi dakwah untuk membangun masyarakat yang taat dalam beribadah, hal ini terlihat banyak keluarga terutama di kampung-kampung masih meninggalkan ṣalāt lima waktu dan tidak melaksanakan ṣalāt jumaat. Banyak keluarga yang meninggalkan kewajiban ibadah sehingga belum mampu menjadi contoh teladan, sebagai pedoman dan ikutan bagi anak mereka untuk melaksanakan hukum syariah terutama ṣalāt secara lebih baik dan sempurna. Peranan orang tua sebagai pendakwah, pembimbing dan ketua keluarga yang berkewajiban menyeru anak untuk mengamalkan Syariat Islam supaya sentiasa beribadah, bertakwa dan memperhambakan diri kepada Allah belum sesuai dengan konsep Islam untuk memenuhi tuntutan menjaga diri dan keluarga dari api neraka. Fungsi ketua keluarga sebagai pemimpin dalam rumah tangga belum bertindak sesuai mengikut konsep Islam dan seruan dakwah untuk membangun keluarga yang sejahtera dan bahagia di dunia dan akhirat.¹⁷

Menurut pengamatan penulis, kurang tanggungjawab dan pengawasan orang tua yang lemah terhadap anak mereka telah menjadi punca utama belia kurang beramal, kurang tertarik pada ibadah dan pengaruh teknologi maklumat seperti televisyen dengan parabola di setiap kampung telah melalaikan generasi muda dan belia, mereka lebih tertarik menonton film, mendengar muzik rock atau dangdut dari pada mendengar, membaca al-Qur'ān dan melaksanakan ṣalāt lima waktu.

¹⁶ Nasruddin Hasan, Bekas Calon Bupati Kabupaten Pidie Jaya, Temubual 12 November 2009.

¹⁷ Zainuddin Puteh, Pendakwah Bebas Kabupaten Aceh Timur Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, Temubual, 2 November 2009.

5.1.3 Program Membangun Akhlak Melalui Keluarga

Peranan orang tua dalam memberi pendidikan akhlak kepada anak sudah mulai menurun dan sudah nampak gejala kerusakan moral dalam keluarga dan masyarakat. Untuk mengatasi kerusakan akhlak pemerintah Aceh telah mengeluarkan peraturan dan kanun adalah amat penting dan sangat baik sesuai keperluan semasa untuk mendokong dan memperkuat keluarga membangun akhlak yang mulia kepada anak dan anggota keluarga. Pemerintah daerah Aceh dan institusi masyarakat berkewajiban mewujudkan tata pergaulan hidup menurut tutunan Syariat Islam, baik dalam pemerintahan mahupun dalam kehidupan keluarga dan masyarakat, serta mencegah segala sesuatu yang dapat mengakibatkan kerusakan akhlak dan keruntuhan moral. Tindakan pemerintah mengeluarkan aturan dan kanun untuk meningkatkan pembinaan akhlak dalam kehidupan keluarga sesuai dengan konsep Islam, mengandung nilai-nilai yang baik dan positif untuk membangun akhlak yang terpuji dan mulia dalam keluarga.¹⁸

Penerapan isi kanun tentang akhlak dalam keluarga yang dicetuskan pemerintah Aceh belum ada penguatkuasaan yang tegas dan jelas sehingga orang tua tidak mengambil berat tentang pembinaan akhlak untuk anak dalam keluarga sesuai maksud kanun. Sebahagian keluarga terutama di kampung masih mengabaikan pendidikan akhlak dalam keluarga. Peranan orang tua dalam mendidik akhlak belum selaras dengan prinsip Islam dan matlamat dakwah untuk memperkasa modal insan yang berakhlak terpuji dan mulia. Kurang peranan dan lemah tanggungjawab orang tua dalam mendidik akhlak yang baik disebabkan pengaruh dunia globalisasi dan teknologi moden tanpa batasan yang mengabaikan kepentingan akhlak sehingga terjadi gejala

¹⁸ Said Ali Musa, Tokoh Masyarakat Kecamatan Bandar Dua Kabupaten Pidie Jaya, Temubual 15 Disember 2008.

keruntuhan akhlak yang mengakibatkan belia kurang bermoral dan mengambil tindakan yang kurang sesuai dengan ajaran Islam.

Program menanam akhlak yang terpuji kepada anak belum berhasil dilakukan oleh pemerintah, keluarga dan institusi kemasyarakatan secara lebih baik dan sempurna sesuai dengan kanun tentang akhlak, belum sesuai mengikut agenda dakwah untuk melahirkan anak yang berakhlak terpuji dan mulia mengikut ajaran Islam. Hal ini dapat dibuktikan, banyak belia dan pelajar yang terlibat kemungkaran, melakukan tindakan kriminal, pencurian, perompakan, melakukan hubungan seks diluar nikah, terlibat dadah, menyalah-gunakan ubat-ubat terlarang dan sebagainya.¹⁹

Mengikut hasil kajian mendapati, kurang peranan dan tanggungjawab orang tua sebagai pemimpin dalam keluarga dipengaruhi oleh situasi krisis moral yang melanda masyarakat Aceh dan kondisi gejala sosial yang kini telah berubah mengikut arus pembangunan dunia moden dan mengikut inapik kemajuan zaman tanpa batasan yang kini telah mengabaikan kepentingan agama, hilang hubungan sosial dan menyetepikan nilai akhlak. Terdapat banyak orang tua sudah kurang memberi perhatian dan bertanggungjawab terhadap anaknya terutama dalam menanam nilai-nilai Islam supaya selaras dengan tujuan dakwah ternyata masih jauh dari harapan untuk membangun keluarga Islam yang tangguh dan kukuh akhlak mengikut Syariat Islam.

Kebanyakan orang tua di kampung belum memiliki kesedaran yang tinggi, kurang pengetahuan agama, belum mampu mengembangkan mesej dakwah untuk memberi pengajaran kepada keluarga, di mana mereka belum mampu mengajak,

¹⁹ Jamil Yusuf (2008), Kebijakan Penerapan Konseling Islami Dalam Setting Pendidikan Sekolah di Provinsi NAD, dalam Darwis A. Sulaiman *et al.* (eds.), *Seminar Internasional Pendidikan Berbasis Nilai-Nilai Islam*, Banda Aceh: Majlis Pendidikan Daerah, h. 202.

memberi petunjuk, menjadi pendidik, kurang contoh teladan yang baik, kurang berperanan sebagai idola, tidak mampu menjadi panutan dan ikutan serta panduan bagi melahirkan anak yang saleh dan berakhlak mulia. Orang tua belum berperanan dalam menunjukkan akhlak terpuji, belum dapat menyampaikan misi dakwah seperti memberi nasihat yang baik, menyeru kepada kebajikan, mencegah kemungkaran, memberi pedoman dan peringatan yang baik kepada anak mereka. Kelemahan dan kurang bertanggungjawab orang tua dapat dilihat pada sikap, moral belia yang rendah, timbul gejala sosial di kalangan belia, membelakangi nilai agama dan kurang konsisten dalam beribadah seperti meninggalkan ṣalāt wajib lima waktu.²⁰

Menurut pengamatan penulis, kurang tanggungjawab dan pengawasan orang tua yang lemah terhadap anak mereka telah menjadi punca utama belia kurang bermoral, kurang tertarik pada ibadah dan pengaruh teknologi maklumat telah mulai meruntuhkan akhlak generasi muda. Dalam usaha mengatasi problema belia pelbagai langkah telah diambil pemerintah Aceh seperti mengadakan Taman Pendidikan al-Qaur'ān di setiap *Meunasah*, pengajian bagi orang tua, pendidikan belia dan membentuk kelompok remaja Masjid untuk diselaraskan dengan pelaksanaan Syariat Islam. Usaha ini belum mendapat hasil seperti yang diharapkan disebabkan penguat kuasa yang lemah, pemerintah belum mampu meningkatkan kesedaran orang tua, kurang pengawasan dan pemantauan serta kelemahan dalam pelaksanaan pendidikan keluarga sehingga dalam masyarakat dan dalam pemerintah masih tinggi terjadi penyalah guna kuasa dan korupsi kerana kurang akhlak dan moral yang sangat bertentangan dengan matlamat dakwah.

²⁰ Said Ridwan, Anggota Dewan Perwakilan Rakyat (DPR) Kabupaten Pidie Jaya, Temubual 10 Disember 2008.

5.1.4 Program Membangun Intelektual (Ilmu Pengetahuan) Melalui Keluarga

Menuntut dan menguasai ilmu pengetahuan merupakan suatu kewajiban menurut konsep Islam yang terpondak ke atas orang muslimin, muslimat dan orang tua dalam keluarga. Kewajiban menuntut ilmu telah dilakukan oleh masyarakat Aceh sesuai dengan matlamat dakwah di mana keluarga telah mendidik anak dengan membekalkan nilai ajaran Islam mengikut kemampuan untuk mengembangkan ilmu pengetahuan dan membangun intelektual. Menguasai ilmu yang dapat memperkasa modal insan dan membangun intelektual dalam masyarakat Aceh bermula dari institusi keluarga dengan peranan yang dimainkan orang tua untuk memberi motivasi anak dalam belajar. Membangun intelektual atau ilmu pengetahuan dalam keluarga masyarakat Aceh sesuai dengan prinsip Islam, di mana orang tua memberi pendidikan awal kepada anak di mulai dari rumah dengan memperkenalkan akidah, ibadah, akhlak, mengajar membaca al-Qur'ān kemudian melanjutkan ke majlis taklim atau tempat pengajian di Masjid dan *Meunasah* selepas itu mengantar ke sekolah.²¹

Orang tua dalam masyarakat Aceh berkewajiban mengajar dan mengarah anak untuk mendapat ilmu pengetahuan sesuai dengan perkembangan dan bakat anak sejak kecil lagi. Keluarga berperanan dan menjalankan tugas sebagai pendidik yang sentiasa memberi dorongan, mengadakan bimbingan, menimbulkan semangat supaya anak dapat belajar ke peringkat lebih tinggi untuk menguasai pengetahuan dan menjadi intelektual. Bantuan, bimbingan dan memberikan semangat dari keluarga telah dapat menimbulkan keinginan dan dorongan sesuai dengan misi dakwah untuk memenuhi kewajiban menuntut ilmu sehingga menjadi motivasi yang berkembang sebagai minat

²¹ Muhammad Ali Yusuf, Bekas Ketua Pejabat Urusan Agama Kecamatan Bandar Dua Kabupaten Pidie Jaya, Temubual 20 November 2007.

yang menarik bagi anak untuk mencapai cita-cita bagi mendapat pengetahuan dan memiliki intelektual yang biasanya menjadi realiti dalam alam kehidupan.

Keluarga dalam masyarakat Aceh sudah dapat memainkan peranan sebagai orang yang lebih bijaksana dalam mencetus idea, memberi semangat dan membantu untuk melahirkan anak yang berilmu pengetahuan sebagai intelektual yang dapat merobah kedudukan dalam keluarga dan masyarakat. Membangun intelektual dalam masyarakat Aceh kini telah menampakkan hasil terutama golongan yang kurang mampu telah dapat membimbing dan memberi motivasi kepada anak untuk belajar ke peringkat menengah dan pengajian tinggi dengan memperoleh pengetahuan khas yang sangat berguna bagi keperibadian seorang anak. Orang tua atau keluarga telah berperanan mendorong, membangkitkan semangat dan memberi inspirasi kepada anak untuk lebih berdisiplin, bertanggungjawab dan bersungguh-sungguh dalam belajar sehingga dapat memiliki sejumlah pengetahuan dan meraih intelektual.²²

Perkembangan intelektual yang lebih meningkat dapat dilihat, banyak anak dalam keluarga masyarakat Aceh yang kurang mampu telah menimbulkan minat belajar yang tinggi bagi memiliki ilmu pengetahuan yang dibangun semangat dan cita-cita oleh orang tua untuk memperoleh kepakaran dan intelektual di peringkat menengah seperti banyak terdapat pelajar tamatan sekolah menengah umum, sekolah vocational dan mereka yang mendapat ijazah diploma. Pelajar lepasan pelbagai sekolah vocational telah menguasai sejumlah ilmu pengetahuan khas peringkat menengah seperti menjadi juru rawat, elektrik, elektronik dan lain-lain yang sangat berguna bagi kehidupan

²² Muhammad Kasem Yahya, Guru Sekolah Menengah Atas (SMA) Negeri No. 8 Banda Aceh, Temubual 10 Disember 2009.

keluarga dan masyarakat dalam penerapan ilmu pengetahuannya didorong oleh dokongan dan semangat keluarga.²³

Dalam masyarakat Aceh sekarang terdapat banyak keluarga yang mampu membimbing, memberi motivasi, membangkitkan inspiasi dan dapat membiayai anak untuk belajar sampai ke pengajian tinggi dan universiti dengan mendapat ijazah pertama dengan gelar Drs. dan master (MA), dan DR, yang memiliki kepakaran sebagai intelektual yang menguasai teknologi maklumat dan berkedudukan tinggi. Semangat belajar untuk mendapat pengetahuan didorong oleh keluarga dan terdapat kemudahan pengajian tinggi yang sudah ditumbuhkan di setiap daerah dengan pelbagai kepakaran yang ditawarkan telah memudahkan orang tua membangun semangat memperoleh intelektual dan menambah pengetahuan bagi setiap anak untuk bersungguh-sungguh dalam belajar.²⁴

Menurut pengamatan penulis, motivasi dan minat keluarga dalam masyarakat Aceh untuk mendidik, memberi semangat dan untuk melihat anak supaya belajar sampai ke menara gading sesuai dengan matlamat dakwah banyak sudah tercapai hasil yang baik dan memuaskan keluarga. Keluarga menjadi pendokong dan pendorong untuk melahirkan intelektual yang mampu membangun masyarakat dan negara seperti melahirkan ulama, cendakiawan, tokoh politik, pemimpin negara, ahli koprat dan tokoh masyarakat. Keluarga memainkan peranan yang sangat ampuh dalam mendidik dan memberi motivasi kepada anak untuk belajar sejak kecil sampai dewasa untuk membangun intelektual dan menguasai pengetahuan.

²³ Sulaiman Ibrahim, Guru Besar Sekolah Kejuruan (SMK) Bandar Dua Kabupaten Pidie Jaya, Temubual 19 November 2008.

²⁴ Syarwan Ahmad, Pensyarah Fakulti Tarbiyah Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Ar-Raniry Banda Aceh, Temubual 10 November 2009.

5.1.5 Program Membangun Fizikal atau Material Melalui Keluarga

Manusia sebagai khalifah di bumi diberi tanggungjawab untuk membangun dan memakmurkan bumi dengan membangun fizikal atau material di samping moral yang diwujudkan dengan bangunan-bangunan untuk melengkapi keperluan hidup. Pembangunan material yang sangat penting dan merupakan asas dalam kehidupan manusia adalah keperluan material keluarga iaitu memiliki rumah, kenderaan dan membangun fizikal tubuh badan yang sentiasa sihat dan panjang usia. Masyarakat Aceh dalam membangun material untuk keluarga terutama rumah sesuai dengan prinsip Islam untuk perlindungan, keselamatan, sebagai tempat istirahat, menjadi kediaman yang terwujud rasa aman, berteram dan harmoni sehingga membawa kesejahteraan dalam rumah tangga dan rumah dijadikan sebagai tempat beribadah kepada Allah s.w.t.²⁵

Membangun material dan fizikal dalam keluarga masyarakat Aceh seperti rumah adat yang masih dikekalkan terutama di kampung selaras dengan konsep Islam, di mana rumah dibangun dengan bumbungnya harus membujur dari timur ke barat yang bermaksud menghadap kiblat. Rumah adat Aceh dibangun sesuai dengan matlamat dakwah untuk kesejahteraan masyarakat Islam dengan dibentuk tiga serambi iaitu serambi depan, serambi tengah dan serambi belakang untuk memisahkan tetamu lelaki dengan perempuan dan memisahkan anak lelaki dengan anak perempuan bila sudah dewasa serta memisahkan keluarga jika rumah didiami lebih satu keluarga.²⁶

²⁵ Mirza Fitra, Asisten Fasilitator Pembangunan Kecamatan Bandar Dua Kabupaten Pidie Jaya, Temubual 2 Jun 2009.

²⁶ Azhar Muntasir, Ketua Bidang Adat dan Nilai Budaya Dinas Kebudayaan dan Pariwisata Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, Temubual 7 September 2009.

Setiap serambi rumah difungsikan mengikut ajaran Islam, misalnya serambi depan sebagai tempat menerima tamu lelaki, serambi belakang tempat menerima tamu perempuan sedangkan serambi tengah dijadikan bilik tidur ketua keluarga dan bilik tidur anak perempuan, bagi anak lelaki yang sudah dewasa tidur di serambi depan. Dalam masyarakat Aceh terutama di kampung anak lelaki yang sudah baliq tidak tidur di rumah mereka biasanya tidur di *Meunasah*. Rumah adat Aceh digunakan misi dakwah, di mana keluarga yang menghuni rumah penuh dengan adab, sopan santun dan saling menghormati sehingga mereka hidup dalam suasana aman damai.²⁷

Pembangunan material keluarga masyarakat Aceh kini dengan rumah lebih moden telah bina dalam pelbagai bentuk dan bervariasi yang masih mengekalkan prinsip Islam, di mana rumah dibangun beberapa bilik untuk memisahkan keluarga antara ketua keluarga, anak lelaki dengan perempuan yang sudah dewasa dan bilik untuk tamu. Menurut pengamatan penulis, terdapat rumah yang dibangun bilik khas untuk *ṣalāt* dan terdapat bilik untuk memandikan mayat bila anggota meninggal dunia.

Keperluan material telah tersedia dalam masyarakat Aceh selaras dengan kepentingan semasa seperti memiliki kenderaan yang lebih moden antaranya kereta dan motor sikal untuk keperluan harian. Keperluan material kenderaan yang lebih moden dalam keluarga digunakan sesuai dengan prinsip Islam untuk memudahkan anggota keluarga membuat hubungan perjalanan bersilatullahim, kunjungan menziarahi ahli famili, kerabat, kenalan pada setiap hari raya, bila diundang dan kunjungan kematian.

²⁷ Abdul Gani Aji, Tokoh Masyarakat Kecamatan Peudada Kabupaten Bireun, Temubual 12 September 2009.

Menurut pengamatan penulis, pembangunan fizikal tubuh badan dalam keluarga telah dilakukan sesuai dengan matlamat dakwah untuk melahirkan anak yang sihat, di mana kesihatan anak telah dijaga sejak kecil lagi di bawah usia lima tahun dengan diberikan imunisasi untuk kekebalan terhadap pelbagai penyakit sehingga pertumbuhan fizikal anak dalam keadaan sihat, berkembang dengan baik dan sempurna. Perkembangan fizikal anak dalam masyarakat Aceh kini lebih sihat dengan penjagaan kesihatan yang rapi dan tersedia cukup makanan yang bervitamin dan berkhasiat serta tersedia cukup pakaian dan dibekali dengan keperluan asas yang mendukung pertumbuhan fizikal yang sihat.

5.1.6 Program Membangun Sosial Melalui Keluarga

Program pembangunan sosial adalah program bantuan mengenai kesejahteraan, suka berbuat baik dan tolong menolong berkenaan dengan kepentingan keluarga, keperluan bersama dan masyarakat yang merupakan bahagian dari konsep Islam untuk mencapai kesejahteraan dan kebahagiaan bagi sasaran. Pembangunan sosial dalam keluarga masyarakat Aceh dilakukan selaras dengan matlamat dakwah, di mana sifat sosial sudah dibangun sejak anak kecil lagi dengan mengutamakan rasa saling bantu membantu dan tolong menolong antara adik beradik dan ibu bapa dalam keluarga dengan nilai belas kasihan dan kasih sayang. Suka berbuat baik sebagai sifat sosial sudah mulai ditanam dalam keluarga sesuai dengan matlamat dakwah dengan sifat penyantun, suka menolong, suka berkata benar, berani atas kebenaran, membuat hubungan erat yang harmonis dengan famili, berbuat baik dengan tetangga dan keluarga terdekat.²⁸

²⁸ Ridwan Madyah, Timbalan Ketua Dinas Sosial Kabupaten Pidie, Temubual 15 Disember 2008.

Membangun sifat sosial merupakan kewajiban orang tua dalam keluarga telah dilakukan sesuai dengan matlamat dakwah untuk melahirkan kesejahteraan, menubuhkan rasa kasih sayang, membentuk sifat lemah lembut, memberi teladan yang baik, saling menghormati, menghargai terhadap anggota keluarga dan ibu bapa. Menurut hasil kajian mendapati, orang tua sentiasa mendidik anak dengan rasa sosial dan nilai kasih sayang supaya menghormati orang yang lebih tua, menyayangi yang lebih kecil, berbudi bahasa dan bersopan santun dalam masyarakat. Sifat sosial dalam keluarga masyarakat Aceh dibangun sesuai dengan prinsip Islam, hal ini dapat dilihat keluarga menyeru dan mengajak anak mengikat tali persaudaraan seperti membantu kawan, mengunjungi kaum kerabat, saudara mara dan menolong fakir miskin. Nilai sosial dalam keluarga terbina sangat baik dan akrab selaras dengan misi dakwah terutama hubungan antara jiran tetangga yang erat, saling membantu, tolong menolong, memenuhi keperluan, melaksanakan kewajiban dan menjaga hak tetangga.

Hubungan sosial telah dibangun dalam setiap keluarga sesuai mengikut prinsip Islam di mana mereka menjalin hubungan persaudaraan yang kuat, saling berbuat baik antara tetangga, bersikap melindungi, sentiasa membantu dari kesusahan, menyelamatkan dari bahaya dan saling menjaga kehormatan tetangga sehingga hidup berada dalam keadaan sejahtera dan bahagia. Kehidupan sosial yang akrab dalam keluarga masyarakat Aceh dibina sesuai dengan matlamat dakwah, di mana mereka sentiasa saling memberi nasihat, membimbing, memberi tunjuk ajar yang mendatangkan kebaikan terutama dalam urusan rumah tangga dan hal ehwal agama. Hubungan sosial antara keluarga dan tetangga dibina sangat baik dan harmonis sesuai dengan prinsip Islam, hal ini dapat dilihat mereka sentiasa melawat dan saling mengunjungi setiap hari raya, datang bila diundang, mengunjungi bila keluarga atau tetangga sakit dan membaca

doa supaya cepat sembuh, menyampaikan ta'ziah dan mengantar janazah sampai ke kubur jika tetangga meninggal dunia.²⁹

Nilai sosial tertanam jauh dalam jiwa setiap keluarga masyarakat Aceh terutama di kampung kerana dibangun dari unsur Islam yang biasanya terlihat pada anak disuruh mengantar makanan atau buah-buahan untuk membantu saudara dan rasa sosial jiran tetangga yang menimbulkan sifat kasih sayang dan membawa nilai penghargaan. Nilai dan sifat sosial telah tumbuh berakar dalam setiap keluarga masyarakat Aceh sesuai dengan matlamat dakwah, hal ini terlihat masyarakat saling membantu jika diperlukan, menjaga hak dan kewajiban, sentiasa memberi, meminjam barang-barang keperluan harian seperti perkakas rumah, keperluan memasak dan bahan untuk bekerja.

Keluarga merupakan asas yang utama yang sangat ampuh dalam membentuk nilai-nilai sosial bagi setiap anggota keluarga selaras dengan teori membangun kesejahteraan sosial mengikut ajaran Islam sehingga terbentuk masyarakat yang memiliki rasa persaudaraan yang kuat dan utuh. Semangat kerjasama sebagai sifat sosial dalam keluarga terbina sangat kukuh seperti suka bergotong royong dan sedia berbuat apa yang terdaya untuk kepentingan tetangga dan masyarakat. Kerja sosial yang mereka lakukan sesuai dengan prinsip Islam dengan menghulurkan tenaga dan apa saja bantuan untuk masyarakat atau meringankan penderitaan bila tetangga terkena musibah dan mengalami bencana. Masyarakat Aceh sentiasa berbuat baik dan memiliki rasa sosial yang tinggi sesuai anjuran Islam, mereka tidak menyakiti tetangga, tidak memandang

²⁹ Ridwan Usman, Ketua Mukim Ulee Gle Dalam Kecamatan Bandar Dua Kabupaten Pidie Jaya, Temubual 9 Jun 2009.

rendah, menghina, tidak menganiaya tetapi saling melindungi dan menjaga kehormatan antara jiran tetangga.³⁰

Menurut pengamatan penulis, nilai sosial yang terbentuk dari ajaran Islam telah melahirkan masyarakat Aceh yang menunjukkan teladan yang baik, sopan, patuh, saling membantu, menghormati dan menghargai dalam kehidupan sosial keluarga, tetangga dan masyarakat.

5.1.7 Program Membangun Ekonomi Melalui Keluarga

Membangun ekonomi dalam keluarga masyarakat Aceh dilakukan sesuai mengikut prinsip Islam dengan berpegang di atas landasan akidah dengan kepercayaan bahawa rezki dan harta adalah milik dan pemberian dari Allah s.w.t. Perekonomian keluarga di bangun mengikut matlamat dakwah yang diasakan atas keyakinan kepada Allah yang menentukan dalam memperoleh dan mendapat harta kekayaan, manusia wajib berusaha dan sikap ikhlas menerima apa adanya mengikut kemampuan keluarga dalam berusaha untuk memenuhi keperluan hidup dan membangun ekonomi keluarga. Dalam masyarakat Aceh suami menggalas kewajiban membangun ekonomi dengan berusaha mencari nafkah sesuai konsep Islam untuk memenuhi keperluan keluarga bagi membiayai isteri dan keperluan anak di bawah tanggungjawabnya. Anak-anak dalam keluarga sentiasa diajarkan berhemat dalam menggunakan ekonomi, pembelanjaan mengikut kemampuan dan penghasilan orang tuanya.

Perekonomian keluarga masyarakat Aceh dibangun menganut prinsip Islam untuk memenuhi keperluan yang seimbang antara keperluan material dan spiritual, di

³⁰ Abdurrahman Puteh, Asisten I Pejabat Bupati Kabupaten Pidie Jaya, Temubual 10 September 2009.

mana memenuhi keperluan material dapat meningkatkan kemakmuran, membawa kesejahteraan dan keperluan ekonomi untuk spiritual dapat melakukan ibadah yang lebih baik dan sempurna. Berusaha dan bekerja untuk memenuhi keperluan ekonomi atau mencari nafkah merupakan suatu ibadah mengikut ajaran Islam dan misi dakwah yang sentiasa menjadi asas pegangan keluarga.

Penggunaan ekonomi dalam keluarga dilakukan sesuai dengan prinsip Islam di mana diutamakan untuk memenuhi kepentingan primer sebagai keperluan asas yang terpenting, kemudian baru memenuhi keperluan sekunder mengikut keperluan pelengkap sesuai dengan kemampuan ekonomi dan pendapatan dalam usaha yang dilakukan. Prinsip penggunaan ekonomi masyarakat Aceh terutama di kampung sesuai konsep dakwah dengan pola hidup sederhana mengikut kemampuan, lebih banyak bersabar, berhemat, tabah bila krisis ekonomi melanda rumah tangga dan menerima apa adanya setelah berusaha.³¹

Membangun ekonomi keluarga masyarakat Aceh mengandung mesej dakwah, di mana orang tua berpegang teguh pada usaha kerja keras, mencari nafkah yang sah dan halal dalam usaha meningkatkan kemakmuran, memperoleh kesejahteraan, tidak bersifat tamak dan sarakah dalam mendapat harta kekayaan. Menurut hasil kajian mendapati, keluarga menjunjung tinggi aspek halal dalam mencari nafkah, membangun ekonomi yang di usahakan berasaskan konsep Islam dan hukum syariah dengan menjauhi harta yang tidak sah dan haram walaupun terdapat masyarakat yang hidup dalam keadaan miskin dan serba kekurangan. Membangun ekonomi dalam keluarga selaras dengan matlamat dakwah yang sentiasa berpedoman pada al-Qur'ān dan sunnah

³¹ Sabri Abdul Majid, Pensyarah Fakulti Ekonomi Universiti Syiah Kuala Banda Aceh, Temubual 18 Jun 2009.

nabi untuk membezakan antara halal, haram dan harta syubhat. Kemakmuran dalam keluarga biasanya sebahagian harta disedekahkan kepada fakir miskin dan diwakafkan untuk kepentingan tempat ibadah seperti membangun Masjid dan *Meunasah*.³²

Pengurusan perekonomian dalam keluarga masyarakat Aceh terutama di kampung dilakukan sesuai prinsip Islam dengan pola hidup sederhana mengikut perolehan pendapatan dalam berusaha, sentiasa berhemat tidak ada gaya hidup mewah dan berfoya-foya. Ekonomi diurus secara baik, berakhlak dan tidak boros sesuai ajaran Islam dalam memenuhi keperluan keluarga yang dianggap terpenting. Penggunaan dan pembahagian ekonomi dilakukan secara jujur dan adil untuk penggunaan anak lelaki dan perempuan mengikut kepentingan dan keperluan masing-masing yang sesuai. Perekonomian keluarga di bangun selaras dengan matlamat dakwah dilakukan secara baik dan berhemah yang sentiasa memelihara hak anak dan harta warisan sebagai kepentingan generasi akan datang dengan tidak mengabaikan masa depan mereka.³³

Menurut pengamatan penulis, keluarga telah menggalas kewajiban memberi nafkah dan bertanggungjawab membangun ekonomi keluarga, memelihara harta, memberi hak harta pusaka bagi anak lelaki dan perempuan dengan pembahagian mengikut hukum syariah untuk mengembangkan ekonomi bagi masa depan setiap anak mengikut kemampuan.

³² Rusli Mahmud, Imam Meunasah Alue Keutapang Kecamatan Bandar Dua Kabupaten Pidie Jaya, Temubual 10 July 2009.

³³ Nazaruddin Abdul Wahid, Dekan Fakulti Syari'ah Institut Agama Islam (IAIN) Ar-Raniry Banda Aceh, Temubual 5 Disember 2008.

5.1.8 Pemantauan dan Pengawasan

Pengawasan dan pemantauan untuk melaksanakan kewajiban agama terhadap diri dan keluarga sebahagian masyarakat Aceh dilakukan sesuai sebagaimana diperintahkan mengikut konsep Islam supaya mengawasi diri dan wajib membimbing keluarga ke jalan yang baik dan mencegah dari perbuatan mungkar dan kejahatan. Pengawasan dari suami atau ketua keluarga masyarakat kurang bersikap tegas, belum melaksanakan fungsi dengan baik dan kurang tanggungjawab seperti kewajiban untuk mendidik anak sejak usia tujuh tahun dan lebih keras pada usia 10 tahun sesuai anjuran Islam belum dilakukan oleh kebanyakan keluarga terutama di kampung.

Tanggungjawab keluarga dalam melakukan pengawasan terhadap anak berada dalam keadaan lemah dan terabai belum selaras dengan matlamat dakwah untuk menjaga diri dan keluarga dari api neraka. Kebanyakan ketua keluarga di kampung belum mampu memantau dan mengawasi secara tegas, bertindak dengan bijaksana dalam menilai keluarga dan mengajak anak kepada kebaikan sesuai seruan ajaran Islam untuk mewujudkan keluarga beriman yang dapat direalisasikan dengan amal seperti mengerjakan *ṣalāt* wajib belum mampu dilakukan secara teratur dan sempurna. Konsep pengawasan menurut ajaran Islam kurang mendapat perhatian dan belum diamalkan dalam keluarga secara konsisten untuk menjaga diri dan keluarga dari azab api neraka.

Pemantauan dan pengawasan keagamaan seperti akidah dan ibadah berada dalam keadaan lemah di mana terlihat banyak belia dan pemuda di peringkat kampung tidak dilakukan *ṣalāt* dan terdapat keluarga yang tidak melakukan *ṣalāt* wajib lima waktu dan jumaat sebagaimana anjuran Islam menunjukkan tanda lemah iman. Seruan

menjaga diri dan keluarga dari api neraka sebagai landasan pengawasan terbaik mengikut al-Qur'ān yang perlu dijadikan pegangan dan pedoman oleh umat Islam untuk dilaksanakan dan direalisasikan dalam kehidupan sehari-hari belum dapat diamalkan sepenuhnya. Pengawasan yang diserukan al-Qur'ān untuk menjaga diri dan keluarga supaya tidak melakukan kemungkaran dan sentiasa berbuat kebajikan terutama untuk meningkatkan ibadah belum mampu dilakukan oleh kebanyakan keluarga dalam masyarakat Aceh terutama di kampung kerana rendahnya pengetahuan agama.

Pengawasan dan pemantauan keluarga dalam aspek kehidupan beragama yang bersifat mendidik belum mampu membangun jiwa anak yang menghayati kewajiban agama dan mewarnai kehidupan yang berpegang teguh pada keimanan mengikut pandangan Islam. Kelemahan orang tua dalam mengawasi perilaku anak seperti akhlak dapat dilihat secara umum, di mana kini lebih banyak anak yang sudah baliq meninggalkan ibadah wajib yang menunjukkan kurang beriman dan keluarga kurang melaksanakan kewajiban memantau anak mengikut ajaran Islam. Pengawasan dan pemantauan keluarga yang lemah terhadap pengamalan ajaran Islam dapat dilihat sikap belia dan pemuda pada pelanggaran hukum syariah dalam beribadah sentiasa didapati keperibadian anak kurang berpegang teguh dalam beriman, kurang bersikap jujur, lemah dalam kepercayaan, kurang bertanggungjawab disebabkan lemah pemantauan dan pengawasan dari keluarga.

Konsep pengawasan dan pemantauan mengikut ajaran Islam perlu dijadikan pedoman, sebagai rujukan dan menjadi pegangan bagi ketua keluarga kerana manusia dijadikan sebaik-baik umat untuk menyeru yang makruf dan mencegah yang mungkar menjadi suatu kewajiban dan tanggungjawab. Pengawasan dan pemantauan yang

dianjur Islam untuk menjaga diri dan keluarga dari api neraka sangat bernilai, menjadi contoh, sebagai pegangan, memiliki kriteria yang sangat baik untuk melaksanakan koreksi terhadap penyimpangan dan melakukan pembetulan dalam keluarga.

5.2 Program Pembangunan Melalui Masjid dan *Meunasah*

Masjid merupakan institusi tempat ibadah yang suci, paling dihormati dan lebih unggul dalam Islam. *Meunasah* sebagai tempat ibadah sama dengan surau yang terdapat di setiap kampung di Aceh. Masjid dan *Meunasah* yang menjadi tempat ibadah dalam masyarakat Aceh sentiasa melakukan program keagamaan, mengembangkan dakwah dan melaksanakan aktiviti sosial dalam membangun kepentingan masyarakat. Program pembangunan yang dilakukan melalui Masjid dan *Meunasah* antaranya:

5.2.1 Program Membangun Akidah Melalui Masjid dan *Meunasah*

Masjid dan *Meunasah* telah diwujudkan di persekitaran masyarakat dengan bangunan gaya moden sesuai dengan perkembangan semasa dan selaras dengan pelaksanaan Syariat Islam di Aceh yang dapat menyerap dan membawa misi dakwah yang mampu memupuk sikap dan menarik minat masyarakat untuk membangun akidah dan keimanan sebagai asas ketaatan dan ketakwaan. Membangun akidah dalam masyarakat Aceh sesuai dengan konsep Islam yang dilakukan melalui institusi Masjid terutama dalam khutbah jumaat. Dalam melaksanakan khutbah jumaat, khatib sentiasa memberi peringatan dan wasiat kepada jama'ah supaya tetap beriman, sentiasa bertakwa, beribadah dan takut kepada Allah s.w.t.

Mengikuti hasil kajian mendapati, dalam khutbah jumaat di mana khatib sentiasa memberi wasiat untuk memperingatkan jama'ah dengan seruan kepada orang yang beriman supaya sentiasa bertakwa dan beribadah kepada Allah. Khatib sentiasa menyeru supaya hendaklah kamu beriman kepada Allah dengan cara yang benar dan percaya hanya kepadaNya tanpa keraguan, jangan kamu mati kecuali dalam keadaan beriman, berpegang teguh pada tali Allah, jangan kamu mati kecuali dalam Islam dan Allah tidak menerima agama selain Islam. Peringatan dalam khutbah untuk memperkuat akidah sangat berkesan dan bernilai tinggi yang dilakukan sesuai dengan prinsip Islam bagi meningkatkan akidah yang mantap untuk membangun cahaya iman dalam jiwa jama'ah bagi mencapai kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat. Pesan khutbah sesuai dengan matlamat dakwah untuk membangun masyarakat beriman yang biasanya sangat menyentuh perasaan jama'ah sehingga dapat mengukuhkan keimanan dan lebih bertakwa kepada Allah s.w.t.³⁴

Membangun akidah melalui Masjid menimbulkan nilai yang baik dan positif, hal ini dapat dilihat di mana setiap jumaat khatib sentiasa menyeru jama'ah supaya meningkatkan keimanan dan percaya hanya kepada Allah saja. Peringatan khatib untuk memperkuat akidah dapat memberi pengajaran dengan berkesan, bimbingan yang mendalam, sebagai nasihat yang baik bagi para jama'ah supaya sentiasa menyerah diri kepada Allah s.w.t dan dapat memperkuat keimanan kepadaNya. Khatib juga sering menyampaikan isi khutbah mengenai kepentingan membangun akidah yang kukuh dan mantap sesuai dengan misi dakwah untuk mempertebal keimanan, di mana orang yang kuat beriman akan semakin baik amalannya, amalan yang baik adalah hasil dari keimanan yang kukuh dan utuh dalam kehidupan. Membina keimanan yang kuat dan

³⁴ Abdul Gani Aji, Tokoh Masyarakat Kecamatan Peudada Kabupaten Bireuen, Temubual 12 September 2009.

mendalam selaras dengan prinsip Islam untuk dapat menyelamatkan manusia dalam mengharungi kehidupan di dunia dan dapat melepaskan dari mara bahaya di akhirat.³⁵

Khutbah jumaat merupakan salah satu sarana yang cukup penting dan ampuh dalam membangun keimanan masyarakat sesuai dengan matlamat dakwah kerana setiap jama'ah wajib mendengar khutbah yang membawa pesan akidah kepada jamaah. Walau bagaimanapun, seruan dan peringatan khutbah jumaat yang sangat ampuh dalam membina akidah hanya dinikmati oleh jamaah yang hadir ke Masjid saja. Sedangkan masyarakat yang tidak hadir ke Masjid terutama di kampung masih banyak sehingga pesan khutbah jumaat untuk membangun akidah tidak sampai kepada mereka kerana masyarakat kurang kesedaran dan lemah iman untuk melaksanakan ṣalāt. Khutbah yang disampaikan setiap jumaat di Masjid sesuai dengan konsep Islam untuk membangun ketinggian akidah umat Islam. Masjid dapat memainkan peranan utama dalam membangun akidah masyarakat selaras dengan matlamat dakwah dengan mengadakan khutbah, menyampaikan kuliah dan ceramah yang boleh memperkuat iman, dan memperdalam kepercayaan kepada Allah s.w.t.³⁶

Masjid dan *Meunasah* yang kini sudah dibangun dengan seni bina yang indah dan menarik menjadi mercu dan kebanggaan masyarakat Aceh digunakan sesuai teori membangun akidah dalam Islam untuk mempertinggi nilai keimanan bagi menjadikan masyarakat Islam yang berkualiti keperibadiannya dan dapat memurnikan akidah dari ajaran yang merusakkannya. Akidah masyarakat Islam di Aceh pada masa lalu sering juga dipengaruhi oleh ajaran sesat seperti ajaran Bantakiah, Ahmadiyah Qadian, Darul

³⁵ Muhammad Nur Idris, Khatib Masjid Kumba Kecamatan Bandar Dua Kabupaten Pidie Jaya, Temubual 20 Disember 2008.

³⁶ Teungku Abdullah Ibrahim, Pimpinan Dayah Babul Ulum Kecamatan Bandar Dua Kabupaten Pidie Jaya, Temubual 16 Jun 2009.

Arqam dan Millata Abraham, semua ajaran ini telah berhasil dihapuskan melalui pengajian, kuliah, ceramah dan khutbah di Masjid dan *Meunasah*.

Masjid dan *Meunasah* sebagai institusi Islam yang unggul dalam masyarakat Aceh dapat membangun landasan akidah umat yang kukuh sesuai dengan teori manusia dijadikan untuk mengabdikan kepada Allah s.w.t. Hal ini dapat dibuktikan Masjid terutama di perkotaan dihadiri dan dipenuhi oleh jama'ah pada waktu jumaat dan waktu ṣalāt wajib yang menunjukkan sebagai tanda keimanan yang kuat dan mantap dalam jiwa masyarakat. Pembinaan akidah di Masjid dan *Meunasah* sering juga dilakukan dengan diadakan pengajian orang dewasa dan remaja di mana di dalam pengajian terdapat pelajaran tentang akidah sehingga mereka dapat belajar memperdalam akidah melalui ilmu tauhid.³⁷

Berdasarkan hasil kajian mendapati, pengajian keislaman di Masjid dan *Meunasah* di Aceh dilakukan selaras dengan prinsip Islam terutama dalam mengajar anak-anak mengenai ilmu akidah, di mana mereka sentiasa mempelajari tentang keimanan, menghafal rukun iman, menghafal nama para Nabi, nama para Malaikat dan nama kitab yang wajib dipercayai mengikut ajaran Islam. Mereka menghafal sifat yang wajib dan mustahil pada Allah serta menghafal sifat yang wajib dan mustahil pada Rasul. Dalam pengajian anak-anak diajarkan tentang akidah sesuai dengan matlamat dakwah untuk memahami rukun iman yang wajib dipercayai oleh setiap muslim dan belajar sifat 20 yang wajib pada Allah dan yang mustahil padaNya dan sifat pada Rasul.

³⁷ Rusli Mahmud, Imam Meunasah Kampung Alue Keutapang Kecamatan Bandar Dua Kabupaten Pidie Jaya, Temubual 10 July 2009.

Institusi Masjid dan *Meunasah* terutama di kota sentiasa mengembangkan misi dakwah dengan melakukan pengajian, mengadakan kuliah dan ceramah tentang akidah untuk membangun masyarakat yang beriman dan menghayati Islam dengan meningkatkan ibadah. Aktiviti Masjid dan *Meunasah* dalam masyarakat Aceh dilakukan selaras dengan hala tuju dakwah dalam membangun akidah untuk melahirkan masyarakat yang sejahtera lahir dan batin. Akidah yang kuat, dibina melalui institusi tempat ibadah dapat melahirkan masyarakat yang berpegang teguh pada agamanya dan kekuatan iman perlu disempurnakan dengan amal ibadah yang dilakukan di Masjid dan *Meunasah*.³⁸

Menurut pengamatan penulis, pembangunan akidah dari Masjid dan *Meunasah* telah dilakukan sesuai dengan matlamat dakwah terutama dalam membina dan menyelamatkan akidah masyarakat. Walau bagaimanapun, khutbah, pengajian Masjid dan *Meunasah* belum mampu mendidik seluruh masyarakat kerana yang hadir kurang separuh dari jumlah masyarakat. Masih banyak masyarakat kampung yang lemah iman belum dapat dididik oleh institusi Masjid dan *Meunasah*. Pengajian, dakwah dan khutbah di Masjid belum tersentuh secara lebih jauh ke tengah masyarakat, terutama masyarakat yang tidak pernah datang ke Masjid dan *Meunasah*. Masyarakat yang lemah iman masih meninggal ibadah wajib menjadi tanggungjawab pendakwah untuk mendidik dan diperbaiki tingkat keimanan mereka.

³⁸ Said Ridwan, Anggota Dewan Perwakilan Rakyat Daerah (DPRD) Kabupaten Pidie Jaya, Temubual 10 Disember 2008.

5.2.2 Program Membangun Syariah Melalui Masjid dan *Meunasah*

Membangun tempat ibadah sangat diutamakan untuk merealisasi aturan syariah selaras dengan prinsip Islam yang dicetuskan sejak dari awal Islam berkembang, di mana Nabi Muhammad pada masa hijrah ke Madinah, kerja yang paling awal dan utama dilakukan adalah membina Masjid sebagai tempat ibadah untuk membangun Syariat Islam, menjadi tempat bermusyawarah dan pusat pengembangan dakwah Islamiah sehingga amalan seperti itu masih dilakukan berterusan sampai kini. Membangun tempat ibadah yang lebih baik merupakan suatu dakwah yang dapat memberi motivasi untuk menarik minat masyarakat meningkatkan ibadah dan menghayati hukum syariah.

Pembangunan Masjid dan *Meunasah* yang terus bertambah dan mencukupi di pelbagai kawasan dalam masyarakat Aceh telah dapat tersedia peluang yang lebih banyak untuk beribadah, mengadakan aktiviti hal ehwal agama Islam seperti khutbah, pengajian, dan ceramah yang dapat membangun syariah. Aktiviti Masjid dan *Meunasah* yang sentiasa memperdengarkan bacaan al-Qur'ān, melaungkan suara azan dan melakukan ṣalāt berjama'ah yang menampakkan syi'ar Islam sesuai dengan matlamat dakwah bagi meningkatkan ibadah, memperbanyak pengabdian dan pengamalan selaras dengan konsep manusia diciptakan untuk mengabdikan kepada Allah s.w.t. Program pembangunan syariah dalam masyarakat Aceh sentiasa dilakukan di institusi Masjid dan *Meunasah* antaranya:

a. Program Ṣalāt Berjama'ah di Masjid dan *Meunasah*

Program pelaksanaan ṣalāt berjama'ah di Masjid dan *Meunasah* merupakan tugas dakwah yang sentiasa dilakukan sesuai dengan prinsip Islam untuk memenuhi kewajiban beribadah yang mengandungi nilai ketakwaan, menunjukkan simbol keimanan, menampakkan tingkat pengamalan, meningkatkan pengabdian, membentuk ketaatan, melahirkan keyakinan dan keikhlasan dalam beribadah kepada Allah s.w.t. Pelaksanaan ṣalāt berjama'ah yang sentiasa dipusatkan di Masjid seperti ṣalāt lima waktu, ṣalāt jumaat, hari raya, dan diperingkat di *Meunasah* ṣalāt berjama'ah wajib sentiasa dilakukan termasuk ibadah sunat selaras dengan matlamat dakwah untuk melahirkan masyarakat yang beribadah, beramal secara baik dan sempurna. Walau bagaimanapun ṣalāt berjama'ah terutama di peringkat *Meunasah* di kampung masih lemah dan lesu, ṣalāt berjama'ah belum dapat dilakukan setiap waktu, hanya waktu magrib saja diadakan ṣalāt berjama'ah dan masyarakat yang hadir masih sedikit.

Program ṣalāt berjama'ah untuk memakmurkan Masjid dan *Meunasah* masih lemah belum dapat dibanggakan sehingga telah diperkuat kembali dan ditingkatkan setelah pelaksanaan Syariat Islam di mana pemerintah Aceh telah mengeluarkan kanun tentang kewajiban memakmurkan Masjid, *Meunasah* dengan ṣalāt berjama'ah. Masjid dan *Meunasah* nampak makmur selama bulan ramadhan, di mana masyarakat dianjurkan menegakkan ṣalāt tarāwīh dan mengerjakan amalan sunat lainnya. Tindakan pemerintah mewajibkan memakmurkan Masjid dan *Meunasah* dengan ṣalāt berjama'ah sesuai

dengan prinsip Islam dan selaras dengan matlamat dakwah untuk membangun masyarakat yang lebih taat dan patuh pada syariat ṣalāt sebagai kewajiban beribadah yang utama dalam Islam. Perlakuan ṣalāt berjamaah lima waktu terutama di peringkat *Meunasah* di kampung belum berjalan mengikut kanun kewajiban memakmurkan Masjid dan *Meunasah* kerana kesedaran beragama masih rendah dalam masyarakat.³⁹

Perlaksanaan ṣalāt berjama'ah terutama di kota dilakukan sesuai dengan matlamat dakwah untuk mempertinggi ketakwaan, memperbaiki pengamalan dan pemahaman terutama dilakukan pada waktu ṣalāt sebagai kewajiban yang harus dilaksanakan mengikut ajaran Islam. Perlakuan ṣalāt berjama'ah sesuai dengan prinsip Islam untuk membangun masyarakat yang memperhambakan diri, taat dan sujud kepada Allah s.w.t. Aktiviti ṣalāt berjama'ah yang dilakukan terutama dalam masyarakat kota sesuai anjuran Islam, dapat dibuktikan dengan melaungkan azan di setiap waktu melakukan ṣalāt berjama'ah, ṣalāt jumaat, ṣalāt tarāwīḥ di bulan ramadhan, mengadakan peringatan hari-hari besar Islam dan sebagainya akan terus berlangsung di setiap Masjid dan *Meunasah* sesuai dengan kewajiban beribadah.⁴⁰

Mengikut hasil penelitian, pelaksanaan ṣalāt berjama'ah di *Meunasah* terutama di peringkat kampung dan kawasan terpencil belum dilakukan disemua waktu ṣalāt selaras dengan anjuran dan konsep Islam untuk mewujudkan masyarakat beramal dan bertakwa belum berjalan dengan baik sebagaimana seruan kanun pemerintah Aceh

³⁹ Munirwan Muhammad Alami, Ketua Parti Keadilan Sejahtera, Kabupaten Pidie Jaya, Temubual 5 Disember 2009.

⁴⁰ Al Yasa Abubakar (2005), Bunga Rampai Pelaksanaan Syariat Islam, *Op. Cit.*, h. 142.

yang mewajibkan ṣalāt berjama'at di *Meunasah* dan ṣalāt jumaat di Masjid. Situasi ini berlaku disebabkan tidak ada tindakan pemerintah diambil, kurang pengetahuan agama, masih rendahnya kesedaran masyarakat tentang betapa kepentingan ṣalāt berjama'ah, lemahnya aktiviti dakwah, kurang pemantauan, lemah pengawasan dari pemerintah dan pihak bertanggungjawab untuk memakmurkan tempat ibadah. Banyaknya ditemukan lelaki *baligh* yang tidak ṣalāt berjama'ah dan ṣalāt jumaat tidak mendapat sangksi apapun menjadi indikasi lemahnya perhatian pemerintah terhadap pelaksanaan Syariat Islam di bidang ṣalāt.⁴¹

Program ṣalāt berjama'ah di kampung belum berjalan setiap waktu, hanya ṣalāt maghrib saja dilakukan berjama'ah dan masyarakat yang hadir masih sedikit terutama di peringkat *Meunasah* belum sesuai dengan jumlah populasi masyarakat. Keadaan ini disebabkan pengetahuan agama masyarakat yang masih rendah, misi dakwah belum mencapai sasaran dan pemimpin kurang bertindak untuk meningkatkan aktiviti ṣalāt berjama'ah. Dari hasil penelitian ditemui kewajiban untuk memakmurkan Masjid dan *Meunasah* belum banyak dilakukan oleh pemerintah untuk mendidik dan memberi motivasi maka program ṣalāt berjama'ah belum berhasil dengan baik dan belum sesuai dengan prinsip Islam untuk membangun masyarakat yang beramal. Kurang berhasil ṣalāt berjama'ah disebabkan pemimpin pemerintah kurang mendekati masyarakat, para ulama yang bertanggungjawab kurang menekankan betapa pentingnya ṣalāt berjama'ah

⁴¹ Syahrizal Abbas (2009), *Syari'at Islam di Aceh Ancangan Metodologi dan Penerapannya*, Banda Aceh: Dinas Syari'at Islam Provinsi Aceh, h. 95.

dan penguasa sangat kurang turun ke masyarakat kampung untuk menyeru masyarakat meningkatkan ibadah.⁴²

Aktiviti ṣalāt berjama'ah di perkotaan sudah berjalan lebih baik dibandingkan dengan di kampung, baik di *Meunasah* mahupun di Masjid. Situasi ini dipengaruhi oleh kesedaran beragama masyarakat kota yang lebih tinggi, memiliki pemahaman yang mendalam dan dakwah sering diadakan di bandingkan dengan di kampung. Masjid di perkotaan berfungsi sebagai saluran dakwah kerana sering dilakukan ceramah magrib, kuliah subuh dan terdapat kelompok remaja Masjid yang bergiat aktif memakmurkan Masjid dengan ibadah, melakukan pelbagai aktiviti keagamaan dan sosial. Memakmurkan tempat ibadah merupakan amalan yang sangat baik selaras konsep Islam yang sangat ditekankan untuk meramaikan ṣalāt berjama'ah di Masjid dan di *Meunasah* bagi meningkatkan aktiviti ibadah.⁴³

Menurut pengamatan penulis, aktiviti ibadah lebih meningkat di setiap kampung terutama di bulan ramadhan di mana semua masyarakat berpuasa, melaksanakan ṣalāt lima waktu secara teratur, ṣalāt tarāwīḥ, *tadarus* al-Qur'ān dan lain-lain ibadah untuk menyambut kelebihan ramadhan, tetapi selepas ramadhan tempat ibadah kembali sepi seperti biasa. Ṣalāt berjam'ah untuk memakmurkan tempat di ibadah belum selaras dengan pelaksanaan Syariat Islam, belum berjalan sesuai program dan matlamat dakwah yang ingin dicapai untuk mempertinggi keimanan dan meningkatkan

⁴² Hasanuddin Yusuf Adan, Ketua Dewan Da'wah Islamiyah Indonesia Cawangan Aceh, Temubual 10 Disember 2009.

⁴³ Maimun Yusuf, Dekan Fakulti Dakwah Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Ar-Raniry Banda Aceh, Temubual 14 September 2009.

ketakwaan. Untuk memperbaiki situasi ini memerlukan pendidikan, penerapan kanun kewajiban ṣalāt berjama'ah perlu diperkuat, mengadakan pengajian, majlis taklim, ceramah dan dakwah yang tetap dan berterusan perlu diadakan serta semua pihak yang terlibat datang ke tengah-tengah masyarakat untuk memberi motivasi, meningkatkan pengetahuan dan memperbaiki kesedaran beragama.

b. Program Khutbah dan Ceramah di Masjid dan *Meunasah*

Khutbah jumaat merupakan suatu media yang ampuh dalam membina jama'ah yang sentiasa dilakukan sesuai dengan konsep Islam dalam membangun Syariat Islam, di mana khatib sentiasa menyeru jama'ah untuk meningkatkan ibadah, taat kepada Allah dan patuh kepada rasul, tidak mengabaikan ṣalāt lima waktu, meninggalkan ṣalāt adalah berdosa, melaksanakan puasa, menunaikan zakat dan melakukan ibadah haji bagi yang mampu. Dalam berkhotbah, khatib sentiasa mengupas dan menghuraikan konsep mengamalkan hukum syariah terutama ibadah wajib dilakukan secara benar dan betul mengikut teori yang ditetapkan dalam al-Qur'ān dan sunnah nabi, menyeru yang makruf dan menjauhkan diri dari perbuatan mungkar. Khatib yang berkhotbah sering menjelaskan tentang kepentingan ṣalāt dan kalau berkhotbah dalam bulan ramadhan sering mengupas hukum syariah tentang kewajiban berpuasa, kelebihan bulan ramadhan dan kehebatan malam lailatul qadar yang lebih baik dari seribu bulan yang perlu direbut dan tidak dilepaskan peluang oleh kaum muslimin.⁴⁴

⁴⁴ Muhammad Kasem Yahya, Pengurus Masjid Syuhada Banda Aceh, Temubual 10 Disember 2009.

Aktiviti khutbah jumaat di Masjid dalam masyarakat Aceh terutama kampung telah dilaksanakan pembaharuan dan dilakukan perbaikan setelah pelaksanaan Syariat Islam sesuai dengan prinsip Islam untuk membangun hukum syariah dengan diadakan khatib bergiliran berkhotbah dibandingkan dengan dulu yang hanya khatib yang diangkat saja yang berkhotbah sepanjang masa. Hasil kajian mendapati kini telah terjadi banyak perubahan selaras dengan pelaksanaan Syariat Islam bagi memenuhi anjuran untuk memakmurkan Masjid, di mana khatib pada hari jumaat sudah diadakan secara bergiliran dan terdapat khatib yang didatangkan dari luar yang lebih menarik, berpengaruh dan berkualiti sehingga dapat meningkatkan pengamalan hukum syariah dalam masyarakat yang timbul motivasi bagi jama'ah mendengar khutbah dari khatib yang berbeza setiap jumaat.⁴⁵

Mengikut hasil kajian mendapati, pesan mimbar Masjid yang begitu ampuh dalam membangun hukum syariah hanya dapat dinikmati oleh para jama'ah yang hadir menunaikan ṣalāt jumaat saja. Masyarakat yang tidak melaksanakan ṣalāt jumaat masih banyak terutama di kampung sehingga pesan khutbah jumaat tidak sampai kepada mereka. Banyak masyarakat tidak ṣalāt jumaat kerana pengetahuan agama mereka yang rendah dan pemerintah Aceh belum mengambil tindakan kepada mereka yang tidak ṣalāt jumaat tanpa uzur sesuai mengikut kanun untuk meningkatkan kesedaran, menambah pemahaman mereka dalam beribadah dan mengamalkan hukum syariah iaitu tidak meninggalkan ṣalāt jumaat.

⁴⁵ Teungku Jamaluddin Latif, Khatib Masjid Istiqamah Kecamatan Bandar Dua Kabupaten Pidie Jaya, Temubual 15 Disember 2008

Program ceramah di *Meunasah* atau Masjid di setiap kampung sangat jarang diadakan bahkan tidak ada sama sekali seperti ceramah maghrib atau kuliah subuh secara berkala seminggu sekali atau sebulan sekali untuk meningkatkan ibadah dan pengamalan syariah, bahkan di Masjid tingkat Kecamatan (sub distrik) kurang sekali diadakan ceramah atau tazkirah secara berkala, situasi ini belum sesuai dengan prinsip pelaksanaan Syariat Islam di Aceh. Ceramah atau dakwah biasanya dilakukan secara bermusim seperti pada bulan Ramadhan baru ada ceramah di Masjid dan *Meunasah* dan pada peringatan hari-hari besar Islam. Situasi ini berbeza dengan di perkotaan, di mana setiap Masjid dan *Meunasah* sudah diadakan ceramah secara berkala kerana mereka memiliki kesedaran agama yang tinggi, memiliki biaya dan berkemampuan untuk melakukan aktiviti dakwah.⁴⁶

Program ceramah di Masjid dan *Meunasah* di peringkat kampung masih suram, lemah dan sepi, belum mampu dilaksanakan secara berkala untuk membangun ibadah dan hukum syariah, hal ini disebabkan kurang perhatian pemerintah dan keterbatasan biaya, apalagi mendatangkan penceramah dari luar yang harus dibayar setiap sesi ceramah. Pemerintah daerah kurang bertindak dan belum menyediakan biaya untuk ceramah dan dakwah secara berkala di setiap Masjid dan *Meunasah*, untuk meningkatkan pengamalan syariah, hanya masyarakat baru mampu melaksanakan program pengajian sebagai saluran dakwah di setiap tempat ibadah secara berkala dengan biaya dari masyarakat sendiri.⁴⁷

Usaha meningkat program ceramah dan khutbah untuk memperkasa aktiviti memakmurkan Masjid dan *Meunasah* supaya selaras dengan pelaksanaan Syariat Islam

⁴⁶ Mustafa Tahir, Pegawai Dinas Syari'at Islam Kabupaten Aceh Timur, Temubual 9 July 2009.

⁴⁷ Muhammad Kasem Yahya, Pengurus Masjid Syuhada Lambhuk Banda, Temubual 10 Disember 2009.

dan sesuai dengan matlamat dakwah untuk membangun masyarakat yang beramal dengan hukum syariah, lebih aktif dalam beribadah di mana pemerintah telah diadakan kursus untuk imam dan pendakwah. Pemerintah Aceh telah mengadakan program kursus, pelatihan dan mendidik imam Masjid, imam *Meunasah*, khatib, dai, guru pengajian, pengkaderan ulama dan menambah pemahaman masyarakat terhadap Syariat Islam sesuai dengan agenda dakwah untuk meningkatkan mutu modal insan dalam kehidupan peribadi, keluarga dan masyarakat.⁴⁸ Walau bagaimanapun pemerintah Aceh kurang melakukan program lanjutan untuk meneruskan dakwah, ceramah dan lemah pengawasan dalam penerapan hukum syariah dan belum menjalankan aturan atau penerapan isi kanun memakmurkan Masjid dan *Meunasah*.

Menurut pengamatan penulis, pihak yang bertanggungjawab di pelbagai peringkat seperti majlis ulama jarang menemui masyarakat untuk memberi ceramah dan khutbah paling kurang di setiap Masjid terutama di kawasan terpencil untuk memberi motivasi bagi mempertinggi pengamalan ibadah dan meningkatkan pemahaman hukum syariah. Dari hasil pengamatan mendapati bahawa perubahan dalam berkhotbah sangat baik dan selaras dengan pengembangan dakwah seperti khutbah bergiliran, di mana kini telah muncul minat, mempengaruhi keinginan dan menarik semangat ramai orang muda yang berbakat untuk mengisi peluang menjadi khatib atau pendakwah. Program memakmurkan Masjid dan *Meunasah* selain *ṣalāt berjama'ah*, pengajian dan ceramah secara bermusim dilakukan peringatan hari-hari besar Islam seperti Maulid Nabi Muhammad s.a.w, israk mikrāj, nuzūl al-Qur'ān, dan peringatan 1 Muharram.

⁴⁸ Pemerintah Aceh Tahun 2009, *Op. Cit.*, h. 25

c. Program Pengajian di Masjid dan *Meunasah*

Program pengajian di setiap kampung sudah diadakan di Masjid dan *Meunasah* terutama untuk orang dewasa dan kanak-kanak kini mulai ditingkatkan merupakan tindakan yang sangat baik dan membawa nilai yang positif bagi menambah pengetahuan dan meningkatkan pemahaman agama masyarakat dan selaras dengan matlamat dakwah untuk membangun masyarakat berpengetahuan, beriman, beramal dan bertakwa. Program pengajian bagi orang dewasa dan kanak-kanak yang dilaksanakan di Masjid dan *Meunasah* sesuai dengan prinsip Islam sebagai saluran dakwah untuk membangun kualiti modal insan yang berilmu, beramal, berkedudukan tinggi dan berakhlak mulia.⁴⁹

Pengajian di Masjid dan *Meunasah* sudah berjalan secara intensif dan berterusan sesuai dengan konsep Islam untuk membangun masyarakat berkualiti, menguasai dan memahami aturan syariat untuk mempertinggi pengamalan ajaran Islam. Program pengajian orang dewasa dilakukan selaras dengan matlamat dakwah untuk menunaikan kewajiban melahirkan masyarakat yang menguasai ilmu syariat yang dipelajari melalui pelajaran fiqah untuk dapat meningkatkan pengamalan dan mengetahui aturan dalam beribadah. Dari hasil kajian mendapati, pengajian ilmu fiqah yang dilakukan di Masjid dan *Meunasah* di Aceh sesuai dengan teori membangun hukum syariah dalam Islam dengan mengalas tanggungjawab dan kewajiban menuntut ilmu di mana mereka mempelajari asas bersuci, mengenal air yang sah bersuci, memahami cara berwuduk, mengetahui hadas dan najis, memahami pengertian ṣalāt, mengenal ṣalāt wajib dan

⁴⁹ Teungku Abdullah Ibrahim, Pimpinan Dayah Babul Ulum Kecamatan Bandar Dua Kabupaten Pidie Jaya, Temubual 16 Jun 2009.

sunat, mempelajari bacaan dalam ṣalāt, mengenal ṣalāt jum'at, ṣalāt hari raya, ṣalāt tarāwīh dan ṣalāt sunat yang lain.⁵⁰

Masyarakat yang mengikut pengajian dapat mempelajari hukum syariah selaras dengan prinsip Islam seperti mendalami tentang ibadah puasa dan hikmahnya, memahami tentang zakat harta, zakat fitrah, mempelajari ibadah haji dan ibadah kurban. Pengajian yang diadakan di Masjid dan *Meunasah* di Aceh telah dilakukan sesuai dengan matlamat dakwah untuk membangun masyarakat dan mengembangkan hukum syariah. Pengajian yang diadakan di *Meunasah* selaras dengan ajaran Islam untuk mengembangkan ilmu pengetahuan yang dapat membangun masyarakat Islam yang memahami undang-undang syariat terutama yang berkait tentang ibadah kepada Allah s.w.t.⁵¹ Walau bagaimanapun, pengajian di Masjid dan *Meunasah* belum dihadiri oleh semua masyarakat untuk belajar memahami hukum syariah dan ajaran Islam.

Program pengajian untuk kanak-kanak di setiap Masjid dan *Meunasah* telah diadakan pengajian agama dan dibentuk Taman Pendidikan al-Qur'ān (TPA) di waktu pagi dan petang sangat baik selaras dengan teori membangun masyarakat Islam untuk melahirkan anak yang beramal dan bertakwa kepada Allah s.w.t. Mengikut hasil kajian ditemui bahawa pengajian keislaman Masjid dan *Meunasah* bagi anak dilakukan sesuai dengan prinsip Islam untuk mengajarkan anak memahami rukun Islam seperti mungucap dua kalimah syahadah, mengetahui kewajiban ṣalāt, berpuasa, memahami hukum zakat dan mengetahui tentang kewajiban ibadah haji. Pendidikan *Meunasah*

⁵⁰ Muhammad Nur Idris, Guru Pengajian Meunasah Dalam Kecamatan Bandar Dua Kabupaten Pidie Jaya, Temubual 20 Disember 2008.

⁵¹ Fakhri, Pensyarah Fakulti Dakwah Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Ar-Raniry Banda Aceh, Temubual 5 Disember 2008.

merupakan pengajian agama terawal sesuai matlamat dakwah untuk mempelajari ajaran Islam yang menjadi tradisi masyarakat Aceh bahawa pendidikan *Meunasah* adalah pendidikan informal peringkat kedua bagi anak setelah mendapat pendidikan agama dari rumah.⁵²

Menurut pengamatan penulis, pengajian untuk orang dewasa di kampung sudah berjalan dengan baik, keadaan ini dapat dilihat pada kegiatan pengajian diadakan sekali atau dua kali seminggu yang dihadiri oleh orang lelaki mahupun perempuan. Dari hasil pengamatan didapati pengajian orang dewasa belum dihadiri oleh seluruh anggota masyarakat, oleh itu, pengajian baru dihadiri oleh sebahagian masyarakat. Pengajian agama bagi kanak-kanak sudah berjalan dengan baik dan melahirkan nilai yang positif selaras dengan program pengajian Islam untuk memakmurkan Masjid dan *Meunasah*.

5.2.3 Program Membangun Akhlak Melalui Masjid dan *Meunasah*.

Masjid dan *Meunasah* merupakan institusi yang ampuh dalam membina akhlak masyarakat melalui dakwah dan khutbah jumaat, di mana pendakwah dan khatib sering mengupas tentang akhlak mulia dan terpuji mengikut konsep Islam. Khatib sentiasa menyeru jama'ah untuk mencontohi akhlak Rasulullah yang selalu bersikap jujur, adil, bercakap benar, tidak pernah berdusta dan bersikap sopan sehingga disenangi oleh sahabat dan masyarakat. Pembinaan akhlak melalui khutbah jumaat sesuai dengan prinsip Islam untuk membangun akhlak mulia dan terpuji. Walau bagaimanapun untuk membina akhlak belia melalui mimbar jumaat kurang mencapai sasaran terutama di kampung kerana belia yang datang untuk melaksanakan *ṣalāt* jumaat masih sedikit.

⁵² Muhammad Ali Yusuf, Bekas Ketua Pejabat Urusan Agama Kecamatan Bandar Dua Kabupaten Pidie Jaya, Temubual 20 November 2007.

Institusi Masjid dan *Meunasah* dapat melakukan pembinaan akhlak melalui pengajian baik pengajian orang dewasa mahupun pengajian kanak-kanak dengan pelajaran akhlak. Dalam pengajian mereka mempelajari akhlak nabi yang perlu dicontohi dan diamalkan serta perlu mengetahui akhlak, adab sopan santun dalam pergaulan seperti bersikap terhadap kawan, keluarga dan masyarakat. Masjid dan *Meunasah* sering mendidik akhlak melalui ceramah dan tazkirah, di mana penceramah sering mengupas tentang kepentingan akhlak yang mulia dan terpuji dalam berhubungan dengan Allah s.w.t dan bersikap sopan dalam bertindak serta berbicara dengan orang tua dan masyarakat.⁵³

Dakwah dan ceramah yang dilakukan di Masjid dan *Meunasah* terutama dalam memperingati kelahiran Nabi Muhammad s.a.w, di mana pendakwah sentiasa mengupas dan menghuraikan kehebatan dan kelebihan akhlak Nabi sebagai akhlak yang mulia dan terpuji yang perlu dicontohi, diamalkan, menjadi pedoman dan ikutan bagi masyarakat, pemuda dan remaja. Masjid di perkotaan di Aceh telah dibentuk kelompok Remaja Masjid sesuai dengan prinsip Islam untuk mendidik remaja berakhlak mulia, terpuji dan mencintai Masjid dengan melakukan pelbagai aktiviti keagamaan, sosial dan *ṣalāt berjam'ah* bagi mengikat hati mereka dengan Masjid.

5.2.4 Program Membangun Intelektual Melalui Masjid dan *Meunasah*

Program membangun Masjid dan *Meunasah* dalam masyarakat Aceh telah dilakukan transformasi setelah pelaksanaan Syariat Islam dengan diadakan perbaikan,

⁵³ Teungku Jakfar Hanfiah, Khatib Masjid Uteun Bayu Kecamatan Bandar Dua Kabupaten Pidie Jaya, Temubual 6 July 2012.

diubahsuai, meningkatkan infrastruktur asas yang lebih baik sesuai dengan matlamat dakwah untuk membangun intelektual dan mengembangkan ilmu pengetahuan. Masjid dalam masyarakat Aceh berperanan sebagai pusat pengembangan ilmu pengetahuan yang melahirkan intelektual dengan membangun kerohanian melalui pengajian dan mimbar khutbah jumaat. Pengajian di Masjid dilakukan sesuai dengan prinsip Islam untuk melahirkan intelektual dan membangun ilmu pengetahuan, hal ini dapat dilihat di kawasan Masjid di Aceh terdapat *dayah* atau balai tempat belajar.⁵⁴

Masjid sebagai asas dan pusat pengembangan ilmu pengetahuan dilakukan melalui mimbar jumaat yang sangat sesuai mengikut prinsip Islam untuk membangun intelektual. Khutbah jumaat menjadi sarana yang berkesan untuk melahirkan intelektual, di mana mimbar jumaat mengupas hukum syariah, hal ehwal agama Islam dan pelbagai ilmu pengetahuan yang dapat mempertinggi kualiti modal insan. Masjid dapat dijadikan sebagai institusi yang unggul selaras dengan matlamat dakwah untuk membangun masyarakat berpengetahuan dan menghayati Islam. Masjid dengan khutbah yang berkesan dan berkualiti dapat menimbulkan motivasi dan menjadi daya tarik masyarakat untuk meningkatkan ibadah, mampu memperbaiki kualiti modal insan ke arah yang lebih baik dengan memiliki ilmu pengetahuan.

Masjid dan *Meunasah* yang sentiasa melakukan pengajian keislaman sesuai dengan konsep pembangunan menurut Islam yang menjadi teras untuk memacu mengembangkan ilmu pengetahuan dan mempertinggi intelektual masyarakat supaya selaras dengan tingginya Islam. Pengajian keislaman di Masjid dan *Meunasah* yang dilakukan dengan belajar tentang akidah, hukum syariah dan akhlak dapat

⁵⁴ Muhammad Idris, Ketua Seksi Kelembagaan Departemen Agama Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, Temubual 4 Disember 2007.

mempertinggi ilmu pengetahuan dan mengembangkan intelektual. Membangun intelektual melalui Masjid dan *Meunasah* belum dapat dinikmati oleh semua masyarakat, baik dalam *ṣalāt jumaat* yang dapat mendengar khutbah mahupun mengikut acara pengajian disebabkan masyarakat yang hadir ke tempat ibadah masih terbatas kerana lemah pemahaman dan kurang menghayati Islam.⁵⁵

Membangun intelektual melalui institusi Masjid dan *Meunasah* dengan berkhotbah dan ceramah merupakan usaha dakwah dapat memperbaiki kualiti modal insan untuk menarik perhatian, memikat hati, menimbulkan kesedaran dan membawa pengaruh kepada masyarakat sekitar untuk meningkatkan ibadah, memperhambakan diri dan taat kepada Allah s.w.t. Melahirkan intelektual dan membangun ilmu pengetahuan melalui institusi Masjid dan *Meunasah* selaras dengan matlamat dakwah untuk mewujudkan perubahan, melahirkan pembaharuan bagi membangun bumi dan membina masyarakat bertamadun, berpengetahuan yang berstatus tinggi dan mulia.⁵⁶

Menurut pengamatan penulis, Masjid dan *Meunasah* telah terdapat di pelbagai daerah sudah selaras dengan keperluan masyarakat Islam di Aceh untuk menunaikan kewajiban dalam beragama dengan memiliki bangunan yang baik, bentuk moden dan memadai sesuai mengikut program pelaksanaan Syariat Islam untuk meningkatkan pengamalan beribadah. Mengikut pengamatan, pembangunan Masjid dan *Meunasah* dengan bangunan yang lebih baik, bersifat moden, memiliki pengurusan dan pentadbiran yang lebih baik belum cukup dan belum mampu menarik minat masyarakat untuk meningkatkan ibadah. Hal ini terlihat belum separuh masyarakat dalam suatu kampung untuk datang beribadah, belum sesuai dengan luas Masjid dan *Meunasah*

⁵⁵ Muhammad Kasem Yahya, Pengurus Masjid Syuhada Lambuk Banda Aceh, Temubual 10 Disember 2009.

⁵⁶ Gade Salam, Bupati Kabupaten Pidie Jaya, Temubual 10 September 2009.

belum terisi dengan jumlah jama'ah yang ramai terutama ṣalāt lima waktu, belum dapat dibanggakan kerana terdapat masyarakat masih lemah iman dan kurang pengetahuan.

5.2.5 Program Membangun Fizikal atau Material Melalui Masjid dan *Meunasah*

Program pembangunan fizikal Masjid dan *Meunasah* dalam masyarakat Aceh telah dilakukan kearah lebih baik dengan peningkatan infrastruktur asas dan dilakukan transformasi untuk meningkatkan fungsi tempat ibadah sesuai dengan pelaksanaan Syariat Islam. Membangun fizikal Masjid dan *Meunasah* yang lebih baik, di mana dulu bangunan tempat ibadah terutama *Meunasah* di buat dari kayu, kini telah di bangun dengan bangunan yang lebih moden sesuai dengan konsep Islam untuk mempertinggi martabat, meningkatkan fungsi dan kedudukan tempat ibadah lebih berkualiti. Pembangunan fizikal atau material tempat ibadah terutama *Meunasah* dalam masyarakat Aceh telah dirangka dan dibina sesuai dengan prinsip Islam, di mana bentuk bangunan dan bumbungnya membujur dari timur ke barat sebagai tanda menghadap kiblat.⁵⁷

Membangun fizikal Masjid dan *Meunasah* yang lebih moden dan tersedia material asas yang lebih baik merupakan usaha dakwah yang dapat menarik perhatian, memikat hati, menimbulkan kesedaran dan membawa pengaruh kepada masyarakat sekitar untuk meningkatkan ibadah dan memperhambakan diri kepada Allah s.w.t. Fizikal Masjid dan *Meunasah* kini telah dibangun dengan seni bina yang indah, lebih moden dan menarik selaras dengan teori membangun dalam Islam sehingga tempat ibadah terlihat lebih unggul, nampak berkualiti, lebih dihormati, disegani, disanjung

⁵⁷ Teungku Jakfar Hanfiah, Khatib Masjid Uteun Bayu Kematan Bandar Dua Kabupaten Pidie Jaya, Temubual 20 Disember 2008.

tinggi dan mendapat keradaan Allah s.w.t. Pembangunan fizikal Masjid dan *Meunasah* yang bergaya moden dalam masyarakat Aceh sesuai dengan matlamat dakwah untuk memacu semangat, mempengaruhi masyarakat menghayati dan mengamalkan Islam.⁵⁸

Memiliki dan membangun fizikal Masjid dan *Meunasah* yang lebih baik dan menarik sesuai dengan prinsip Islam yang menjadi lembang ketaatan, mercu keyakinan, simbul persaudaraan Islam, menampakkan syai'ar Islam, menjadi prasarana peribadatan dan pengabdian yang disanjung tinggi dan mulia oleh masyarakat Aceh. Masjid dan *Meunasah* yang sudah ditingkatkan dan dibangun fizikalnya dengan infrastruktur yang lebih berkualiti mengandungi elemen dakwah yang dapat meyakinkan masyarakat untuk beribadah seperti tersedia air dan tempat berwuduk yang memenuhi syarat bersuci, memiliki tandas yang bersih mengikut kesihatan, terdapat sajadah yang bersih dan tersedia lampu pada malam hari untuk aktiviti pengajian dan ceramah.

Membangun fizikal melalui Masjid dan *Meunasah* sering disampaikan dalam khutbah dan ceramah, di mana khatib sering menyeru masyarakat untuk membangun tempat ibadah yang lebih baik dengan bersedekah kerana bersedekah sangat dianjurkan oleh Islam. Dalam khutbah dan ceramah di Masjid dan *Meunasah* khatib dan pendakwah sering disampaikan untuk membangun dan memelihara fizikal tubuh badan yang sihat untuk kuat beribadah dengan memakan makanan yang halal dan baik mengikut hukum Islam.

⁵⁸ Muhammad Ali, Pegawai Dinas Kebudayaan dan Pariwisata Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, Temubual 7 September 2009.

5.2.6 Program Membangun Sosial Melalui Masjid dan *Meunasah*

Semua aspek kehidupan keagamaan dan aktiviti sosial dalam masyarakat Aceh dipusatkan di Masjid dan *Meunasah* adalah sangat baik yang dilakukan sesuai dengan prinsip Islam untuk menyelesaikan semua kepentingan masyarakat. Fungsi Masjid dan *Meunasah* sebagai tempat ibadah, sarana pendidikan, tempat pengajian, pusat pengembangan dakwah dan tempat melakukan semua aktiviti sosial telah membawa nilai kebajikan untuk membangun kesejahteraan masyarakat. Pembinaan sosial yang dibangun dari institusi Masjid dan *Meunasah* dalam masyarakat Aceh selaras dengan matlamat dakwah kerana aktiviti sosial di tentukan mengikut ajaran Islam, di mana Islam sangat mengutamakan kepentingan sosial dan kesejahteraan masyarakat lebih dari keperluan peribadi dan keluarga.

⁵⁹Pembangunan sosial yang di pusatkan di Masjid dan *Meunasah* dilakukan melalui pertemuan dan musyawarah untuk menunaikan kesejahteraan sosial seperti musyawarah pembangunan kampung, bantuan pemerintah bagi kemakmuran masyarakat, musyawarah pelaksanaan dan pertanggungjawaban pemerintahan kampung. Aktiviti sosial dilakukan seperti gotong royong, melaksanakan peringatan hari-hari besar Islam dan mengadakan pelbagai aktiviti yang mengandungi elemen dakwah untuk membangun kepentingan dan kesejahteraan masyarakat. Aktiviti sosial untuk perempuan juga diadakan di Masjid dan *Meunasah* seperti memberi penerangan mengenai kesihatan dan kesejahteraan kaum ibu, bantuan untuk perempuan,

⁵⁹ Munirwan Muhammad Alami, Ketua Parti Keadilan Sejahtera Kabupaten Pidie Jaya, Temubual 5 Disember 2009.

kesejahteraan keluarga untuk imunisasi bayi, kesehatan ibu dan pelbagai musyawarah sosial untuk kepentingan kaum perempuan.⁶⁰

Aktiviti sosial yang dilakukan di Masjid dan *Meunasah* membawa pengaruh yang positif dan memberi nilai yang baik terhadap pelbagai aspek kehidupan masyarakat Aceh sehingga membentuk suatu ikatan kelompok yang kukuh dalam membangun kesejahteraan sosial. Hubungan sosial yang di pusatkan di Masjid dan *Meunasah* sesuai dengan misi dakwah yang diikat oleh kelompok sosial dan keagamaan seperti kelompok pengajian, kelompok tarikat, dalail khairat, kelompok tani, peternak, koperasi dan kelompok perempuan yang dapat mengembangkan nilai sosial dan meningkatkan kesejahteraan. Masjid dan *Meunasah* menjadi wadah pembinaan sosial dan sebagai komponen utama terhadap pembangunan kesejahteraan masyarakat Aceh.

Pembinaan sosial yang dilakukan di Masjid dan *Meunasah* mencakup seluruh kepentingan masyarakat sehingga mempererat hubungan sosial kemasyarakatan. Nilai sosial yang di bangun melalui Masjid dan *Meunasah* berkonsepkan ajaran Islam yang saling berinteraksi sehingga menimbulkan rasa kasih sayang, membentuk masyarakat yang memiliki sifat sosial yang tinggi, membangun rasa persaudaraan untuk hidup bersama, saling memerlukan dan saling membantu satu sama lain bagi mencapai kemakmuran, kesejahteraan dan kebahagiaan dalam segala aspek kehidupan bersama.

Menurut pengamatan penulis, pembangunan sosial di Masjid dan *Meunasah* sering dilakukan melalui khutbah jumaat, ceramah oleh khatib dan pendakwah dengan menyeru masyarakat meningkatkan kesejahteraan sosial saling membantu, tolong-

⁶⁰ Ibrahim Abdullah, Ketua Kampung Alue Keutapang Kecamatan Bandar Dua Kabupaten Pidie Jaya, Temubual 20 Disember 2008.

menolong dengan semangat bekerja sama, membangun sifat bergotong royong dan membantu fakir miskin. Hubungan sosial sentiasa dikekalkan dalam masyarakat selaras dengan ajaran Islam, di mana Islam sebagai agama yang tinggi sifat sosial dengan penuh kasih sayang dan saling memberi dalam membangun kesejahteraan sosial dalam masyarakat untuk mencapai kemakmuran dan kepentingan bersama.

5.2.7 Program Membangun Ekonomi Melalui Masjid dan *Meunasah*

Masjid dan *Meunasah* sebagai sarana ibadah dan tempat melakukan pelbagai aktiviti sosial seperti pengembangan ekonomi untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat yang dipusatkan di Masjid dan *Meunasah* di antaranya terdapat kelompok koperasi, kelompok pengembangan modal usaha, kelompok tani dan kelompok pengembangan ekonomi kampung. Masjid dan *Meunasah* menjadi wadah pembinaan ekonomi melalui khutbah dan dakwah, di mana khatib dan pendakwah menyeru masyarakat sentiasa bekerja keras untuk mencari nafkah dan kekayaan sesuai dengan anjuran Islam, di mana harta yang diperoleh harus secara sah, halal dan menjauhi dari perkara yang haram dalam memperoleh harta dan kekayaan.

Aktiviti ekonomi yang dipusatkan di Masjid dan *Meunasah* antaranya melaksanakan bantuan pembangunan kampung, bantuan untuk tempat ibadah, membagi bantuan untuk fakir miskin dan bantuan untuk petani. Membangun ekonomi masyarakat yang dilakukan di Masjid dan *Meunasah* sesuai dengan prinsip Islam dengan mengumpul zakat terutama di kampung, zakat yang diperoleh dari hasil padi setiap petani yang sampai nisab mengeluarkan zakat harta dan zakat fitrah diserahkan kepada imam kampung untuk dikumpul dan disimpan di Masjid dan *Meunasah*. Apabila semua zakat padi sudah habis terkumpul maka dilakukan pembahagian untuk orang

fakir, miskin dan asnaf berhak menerimanya, demikian juga zakat fitrah dalam bentuk beras yang dibagikan pada malam hari raya yang dilakukan di Masjid dan *Meunasah* mengandung elemen dakwah untuk meningkatkan kesejahteraan fakir miskin.⁶¹

Masjid dan *Meunasah* yang sudah dibangun puluhan tahun lamanya memiliki sumber ekonomi lebih baik yang biasanya terdapat banyak tanah wakaf seperti sawah dan kebun sebagai sumber kewangan yang digunakan untuk melakukan aktiviti ibadah, sosial dan pembangunan. Masyarakat Aceh biasanya mewakafkan tanah sawah atau kebun untuk meningkatkan ekonomi dan kewangan Masjid dan *Meunasah* sesuai dengan misi dakwah untuk membangun tempat ibadah yang lebih baik dan mampu mengembangkan aktiviti keagamaan untuk kepentingan masyarakat. Tanah wakaf milik Masjid dan *Meunasah* terutama tanah sawah padi biasanya diusahakan oleh masyarakat dengan cara bagi hasil atau cara sewaan yang menguntungkan dua pihak, di mana masyarakat mendapat peluang berusaha dan berkerja untuk membangun ekonomi keluarga.⁶²

Masjid biasanya memiliki sumber kewangan yang baik terutama dari tanah sawah wakaf, kadang-kadang penggunaan kewangan Masjid dan *Meunasah* belum sesuai dengan keperluan dan kepentingan bersama terutama untuk membiayai aktiviti ceramah secara berkala bagi meningkatkan keimanan dan memperkuat pengamalan ajaran Islam dalam masyarakat belum mampu dilakukan dengan kewangan yang ada.

⁶¹ Muslim Saleh, Pengurus Pembangunan Masjid Blang Pidie Aceh Barat, Temubual 16 September 2009.

⁶² Teungku Jakfar Hanafiah, Khatib Masjid Uteuen Bayu Kecamatan Bandar Dua Kabupaten Pidie Jaya, Temubual 20 Disember 2008.

5.2.8 Pengawasan dan Pemantauan

Peranan Masjid dan *Meunasah* sebagai pusat ibadah, pengembangan ajaran Islam dan berfungsi sebagai pengawas aktiviti masyarakat supaya berjalan selaras dengan hukum syariah. Institusi Masjid dan *Meunasah* belum melakukan pengawasan dan pemantauan yang baik, bertanggungjawab dan bijaksana untuk mendekati, mengajak dan menyeru masyarakat yang meninggalkan ibadah supaya turut memakmurkan Masjid dan *Meunasah*. Pengawasan dan pemantauan dari Masjid perlu dilakukan secara bersepadu dengan melibatkan ketua mukim dan ketua-ketua kampung untuk berdialog dan bermusyawarah dengan masyarakat bagi penerapan kanun memakmurkan Masjid dan *Meunasah* yang kini belum telaksana seperti yang diharapkan. Masjid belum mampu mengawasi masyarakat yang menyalahi hukum syariah seperti meninggalkan ibadah dengan pemantauan dan memberi kritikan yang bernas sebagai tindakan berani membela yang benar untuk membangun masyarakat yang beriman dan beramal sesuai hukum Islam.

Institusi Masjid kurang melakukan pengawasan dan menilai tingkat dan prestasi ibadah masyarakat jauh keluar Masjid untuk diambil tindakan dan memecahkan permasalahan masyarakat supaya dapat meningkatkan ibadah untuk memakmurkan Masjid. Pihak Masjid nampaknya kurang semangat menyeru yang makruf dan mencegah yang mungkar dalam masyarakat sebagai pemantauan dan pengawasan mengikut ajaran Islam. Masjid masih banyak berdiam diri kurang memberi pandangan, buah pikiran, memberi kritikan dan memberi saranan yang positif terutama kepada pemerintah sebagai pengawas dan pemantau yang paling utama, di mana masyarakat masih banyak yang meninggalkan ibadah terutama *ṣalāt* lima waktu.

Masjid dan *Meunasah* sebagai tempat ibadah dan pusat pengembangan dakwah perlu sentiasa mengawasi dan memantau masyarakat kerana pengurus Masjid memiliki kewibawaan, disegani, mempunyai pengetahuan, terdapat cara dan strategi untuk memperbaiki keadaan sehingga dapat mengurangkan penyimpangan terutama masyarakat meninggalkan ibadah wajib. Pemantauan yang rapi dan berkesan supaya sesuai dengan misi dakwah untuk membangun ibadah bagi mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat belum banyak dilakukan oleh pihak Masjid dan *Meunasah*. Peranan Masjid dan *Meunasah* sebagai pusat pengembangan ilmu pengetahuan belum dapat melakukan tugas pemantauan sesuai mengikut ajaran Islam sebenar dan belum selaras misi dakwah yang berhasil dan tepat sasaran. Melaksanakan fungsi Masjid dalam mengawasi dan membimbing masyarakat ke jalan kebenaran belum tercapai seperti yang diharapkan oleh Islam kerana masih banyak masyarakat yang lemah iman dan kurang beramal.

Pemantauan dan pengawasan dari Masjid dan *Meunasah* harus dipertegas dan diperluas dalam masyarakat mesti dilaksanakan jauh ke luar Masjid, dilakukan kapan saja dan di mana saja diperlukan, termasuk waktu malam sebagaimana dilakukan oleh Khalifah Umar bin Khatab pada masa pemerintahannya, hal ini belum dilakukan oleh pemimpin Islam di kampung di peringkat Masjid dan *Meunasah*. Kepemimpinan Khalifah Umar dalam memantau masyarakatnya patut diambil iktibat, contoh teladan, panduan dan pedoman oleh setiap pemimpin, tetapi pengawasan seperti ini belum pernah dilakukan oleh pemimpin negara dan tokoh masyarakat masa kini.

Pengawasan dan pemantauan para pemimpin Masjid, *Meunasah* dan ulama sebagai pewaris Nabi belum sesuai mengikut prinsip Islam dan belum selaras dengan pengawasan dan pemantauan para Rasul yang berhasil mengajak manusia kepada

kebenaran serta menjauhkan diri dari kejahatan dan kemungkaran. Pemantauan dan pengawasan para Rasul patut dijadikan contoh teladan, panduan dan ibarat oleh pemimpin Islam dan tokoh masyarakat kerana para Rasul melakukan pemantauan dengan baik, berhasil dan bertanggungjawab yang perlu dilanjutkan oleh Masjid dan ulama sebagai perawis nabi.

Pemantauan dan pengawasan dari pemimpin belum selaras dengan matlamat dakwah dan pengawasan para Rasul yang sentiasa mengawasi dan memantau umatnya supaya berakhlak mulia, bersikap jujur, tidak melakukan kesalahan, penyelewengan dan kemungkaran agar selalu melaksanakan perintah Allah s.w.t. Pemantauan dan pengawasan para Rasul dilakukan dengan baik, tegas, tepat sasaran, berhasil dan bertanggungjawab yang perlu diteladani dan dicontohi oleh setiap pemimpin. Dengan pelaksanaan Syariat Islam di Aceh dapat mewujudkan pemimpin yang berakhlak, berwibawa, tegas, adil dan jujur dalam mengawasi moral masyarakat supaya selaras dengan penerapan Syariat Islam.

5.3 Program Pembangunan Melalui Dakwah

Dakwah merupakan suatu usaha menyeru yang makruf dan mencegah yang mungkar untuk mengubah masyarakat menuju kearah kebajikan yang membawa kesejahteraan dan kebahagiaan. Dakwah diampaikan dengan metod tertentu dan strategi yang sesuai untuk membangun masyarakat mengajak ke jalan Allah s.w.t dan menuju ketaatan kepadaNya. Dakwah yang dilaksanakan dalam masyarakat Aceh kini telah membawa transformasi untuk mewujudkan masyarakat Islami yang hidup dalam suasana aman damai dengan mengamalkan pelaksanaan Syariat Islam. Program

pembangunan masyarakat Aceh yang dilakukan melalui dakwah organisasi dan pemerintah antaranya:

5.3.1 Program Pembangunan Melalui Dakwah Bukan Pemerintah

Para pendakwah dalam masyarakat Aceh yang bukan pemerintah terdiri dari organisasi Islam, NGO dan pendakwah individu mereka telah berdakwah mengikut teori ajaran Islam dan sesuai dengan matlamat manusia dijadikan sebaik-baik umat untuk menyeru yang makruf dan mencegah mungkar, di mana mereka telah memberikan sumbangan sebagai pendakwah dalam membangun segala aspek kehidupan masyarakat. Mereka menyampaikan mesej dakwah selaras dengan seruan ajaran Islam untuk membangun akidah masyarakat bagi mempertinggi kualiti hidup sehingga melahirkan masyarakat yang beriman bagi meningkatkan identiti masyarakat Islam. Pendakwah dalam masyarakat Aceh sentiasa berdakwah selaras dengan teori membangun akidah Islam, hal ini dapat dilihat mereka sering menyeru meningkatkan akidah, menjauhkan perbuatan syirik, tidak melakukan tindakan yang merusakkan akidah, membangun keimanan atas kebenaran, bersifat telus, dan kepercayaan hanya dengan memperhambakan diri kepada Allah semata.⁶³

a. Program Membangun Akidah Melalui Dakwah Bukan Pemerintah

Membangun akidah sering dilakukan oleh pendakwah individu dan organisasi Islam seperti Al- Jami'atul Wasliyah, Pelajar Islam Indonesia (PII), Dewan Da'wah Islamiyah Indonesia (DDII), Muhamadiyah dan lain-lain lagi. Mengikut hasil kajian mendapati, kebanyakan organisasi Islam di Aceh telah memainkan peranan penting

⁶³ Teungku Zainuddin Puteh, Pendakwah Bebas Kabupaten Aceh Timur, Temubual 2 November 2009.

dalam mengembangkan dakwah untuk membangun akidah sesuai mengikut teori berdakwah dalam al-Qur'ān menyeru yang makruf dan mencegah yang mungkar. Organisasi Islam seperti PII telah berdakwah sesuai mengikut prinsip Islam dalam membangun akidah pelajar yang baik, teguh dan utuh dengan mengadakan training keislaman untuk melahirkan pelajar Islam yang tangguh keimanannya sehingga pelajar dari organisasi PII sangat disegani dan dihormati oleh masyarakat kerana kukuh dalam beriman dan kuat beramal.⁶⁴

Organisasi Islam seperti Muhammadiyah terutama di kota sentiasa berdakwah sesuai dengan teori membangun akidah dalam Islam untuk membina akidah umat Islam hanya beriman kepada Allah saja, tidak terbawa oleh pengaruh syirik, khurafat dan tahyul yang banyak merusakkan akidah umat Islam. Berdasarkan hasil kajian mendapati, organisasi Muhammadiyah telah berdakwah memurnikan akidah masyarakat Aceh dengan seruan membangun akidah yang benar, bersih dan murni sesuai dengan ajaran Islam dengan semboyan kembali kepada al-Qur'ān dan al-Hadiṣ. Pendakwah Muhammadiyah sudah berindak dalam menyeru masyarakat sesuai matlamat dakwah untuk membersihkan akidah dari pengaruh syirik, mereka telah bertindak sebagai kaum modernis yang membawa pembaharuan pemikiran dan telah berhasil dalam melakukan pemurnian akidah masyarakat Aceh.⁶⁵

Dakwah dari pemerintah telah bertindak untuk membangun akidah setelah pelaksanaan Syariat Islam membawa nilai yang baik sesuai dengan keperluan masyarakat bagi memperkuatkan kembali keimanan dengan melahirkan kanun seperti

⁶⁴ Hasanuddin Yusuf Adan, Bekas Ketua Organisasi Pelajar Islam Indonesia (PII) Cawangan Aceh, Temubual 10 Disember 2009.

⁶⁵ Fauzi Ali Amin, Timbalan Rektor I Universiti Muhammadiyah Banda Aceh, Temubual 4 Disember 2009.

disebutkan bahawa pemerintah Aceh dan institusi masyarakat berkewajiban membimbing, membina akidah umat dan setiap orang dilarang dengan sengaja keluar dari akidah, menghina atau melecehkan Islam. Peraturan daerah Aceh untuk membina akidah yang dikeluarkan oleh pemerintah mengandung elemen dakwah yang ditetapkan dalam kanun untuk memelihara akidah dan melarang masyarakat Aceh keluar dari akidah Islam.

Dakwah pemerintah Aceh dalam pelaksanaan dan penerapan maksud kanun untuk membina akidah masih lemah dalam perlakuan dalam masyarakat belum sesuai dengan matlamat dakwah untuk mempertinggi keimanan masyarakat kerana belum dilakukan pendidikan keimanan dan dakwah akidah yang terprogram dan berencana dalam masyarakat. Hal ini terlihat di kampung pedalaman dan kawasan terpencil jarang sekali tersentuh dengan siraman dakwah dan pendidikan akidah, di mana masyarakat masih lemah iman dan kurang beramal. Pemerintah pada dasarnya punya kekuasaan dan kekuatan untuk berdakwah membangun akidah tetapi belum dilakukan dengan baik dan berkesan kerana sibuk dengan perkara pembangunan untuk kepentingan duniawi.⁶⁶

Menurut pengamatan penulis, pembinaan akidah yang dilakukan oleh organisasi Islam terutama PII dan Muhammadiyah sesuai dengan matlamat dakwah kerana dapat membangun keimanan masyarakat Islam yang baik dan berkesan terutama di perkotaan yang kuat pengaruh organisasi Islam. Pembinaan akidah yang dilakukan oleh dakwah pemerintah di kampung-kampung belum sesuai dengan misi dakwah dan belum

⁶⁶ Muhammad AR, Pensyarah Fakulti Tarbiyah Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Ar-Raniry Banda Aceh, Temubual 6 Disember 2007.

mendapat hasil yang memuaskan, hal ini dapat dilihat masih banyak masyarakat yang lemah iman dan kurang dalam beramal.

b. Program Membangun Syariah Melalui Dakwah Bukan Pemerintah

Program pendakwah di kampung-kampung di Aceh sudah membawa kesan yang baik dan nilai yang positif, di mana pendakwah sudah bergiat dan aktif kembali dalam menyampaikan mesej dakwah untuk mengembangkan Syariat Islam setelah lama program dakwah terbengkalai, terhenti, lesu akibat konflik bersenjata berkepanjangan. Kini setelah keamanan tercapai pendakwah telah berani menyeru dan kembali bersemangat datang ke tengah-tengah masyarakat untuk berdakwah, mengisi mimbar Masjid dan *Meunasah* bagi mengekalkan hukum syariah secara utuh dan menyeluruh. Dalam suasana damai pendakwah sentiasa dijemput oleh masyarakat, mereka mengisi program dakwah, ceramah, pengajian agama, majlis taklim, memberi kata-kata nasihat pada upacara keagamaan, mengisi khutbah jumaat yang sentiasa memenuhi matlamat dakwah untuk melahirkan masyarakat yang beramal, bertakwa, memiliki sifat kejujuran, adil, tetap pendirian, sentiasa berbuat kebajikan dan mencegah kemungkaran.⁶⁷

Pendakwah sering mengajak mengembangkan dan mengekalkan pengamalan hukum syariah dengan menyeru yang makruf dan mencegah yang mungkar, mengajak masyarakat sentiasa menegakkan dan melaksanakan *ṣalāt* sebagai tiang agama, jika meninggalkan *ṣalāt* bererti telah merusak dan menghancurkan agama. Pendakwah juga sentiasa mengajak dan menyeru masyarakat melakukan ibadah puasa mengikut

⁶⁷ Muhammad Nur Zakaria, Bekas Calon Anggota Dewan Perwakilan Rakyat Parti Demokrasi Kebangsaan Kabupaten Pidie Jaya, Temubual 10 September 2009.

hukum syariat, menunaikan zakat dan melaksanakan ibadah haji jika ada kemampuan. Biasanya pendakwah dalam masyarakat Aceh berdakwah secara bermusim pada hari-hari besar Islam dan bulan ramadhan aktif berdakwah selepas itu dakwah lesu, sepi dan tidak ada program dakwah dilakukan secara berkala terutama di kampung baik di *Meunasah* mahupun di Masjid.

Dakwah yang dilakukan secara bermusim kurang berkesan dan belum mendapat hasil yang memuaskan untuk meningkatkan ibadah, mempertinggi ketakwaan dan memperbaiki pengamalan ajaran Islam dalam masyarakat. Situasi ini dapat dilihat pemahaman dan pengamalan agama masih rendah, sebahagian besar masyarakat di kampung masih meninggalkan ibadah wajib dan kurang ketaatan dalam mengamalkan ajaran Islam. Dalam hal ini seharusnya bagaimana penyampaian pesan mimbar seorang penegak syariat atau pendakwah kepada masyarakat yang tidak *shalat* belum ada langkah yang dapat dibanggakan. Masih banyak saudara kita yang tidak *shalat*, tetapi tidak menjadi sasaran bagi penegak syariat atau da'i, khatib dan penceramah hanya cendrung sebatas bicara di mimbar dan untuk jama'ah yang hadir ke Masjid.⁶⁸

Dari hasil kajian mendapati, pendakwah individu lepasan universiti, Institut Agama Islam Negeri (IAIN) dan khasnya lepasan Fakulti Dakwah yang bergiat aktif di kota bertindak sebagai pendakwah mahir yang serba boleh sesuai dengan konsep dan teori berdakwah, mereka memacu usaha dakwah dengan lisan, tulisan dan menggunakan pelbagai media moden sebagai sarana dakwah untuk membangun Syariat Islam. Dakwah yang disampaikan selaras dengan matlamat dakwah untuk membangun

⁶⁸ Misri A. Mukhsin (2007), "Penerapan Syari'at Dalam Perspektif Historis", dalam Azman Ismail *et al.* (eds.), *Syariat Islam di Nanggroe Aceh Darussalam*, Banda Aceh: Dinas Syariat Islam Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, h. 58.

masyarakat beramal, melahirkan masyarakat yang berilmu, bertamadun, tinggi dan mulia. Dalam mengembangkan dakwah selain menggunakan Masjid, *Meunasah*, mereka mengadakan seminar, berdiskusi dan menggunakan media moden sebagai saluran dakwah seperti berdakwah melalui stesyen radio Radio Republik Indonesia (RRI) Banda Aceh, stesyen radio Masjid Raya Baiturrahman dan stesyen televisyen cawangan Banda Aceh untuk membentuk masyarakat berkualiti, melahirkan intelektual dan cerdik pandai yang kuat beramal.⁶⁹

Organisasi Islam pula telah berdakwah dengan pelbagai strategi dan metod yang memenuhi tuntutan syariah sesuai dengan keperluan masyarakat moden. Organisasi Muhammadiyah dan Al-Jami'atul Wasliyah misalnya dalam membangun nilai syariah melalui dakwah amalan dan praktikal dengan membentuk pendidikan dari sekolah rendah sampai universiti milik organisasi, miliki klinik kesihatan, hospital, yayasan dan panti asuhan untuk membantu anak yatim dan fakir miskin, semua institusi ini digunakan sebagai intrumen dakwah selaras dengan kepentingan masyarakat moden untuk mengamalkan hukum syariah.

Peranan organisasi Islam seperti organisasi Pelajar Islam Indonesia (PII) cawangan Aceh, Dewan Da'wah Islamiyah Indonesia (DDII) dan lain-lain organisasi Islam bertindak sebagai wadah penyampaian ajaran syariah telah banyak berhasil seperti sumbangannya dalam program pembinaan masyarakat, remaja, pemuda melalui pendidikan, dakwah, pelatihan dan aktiviti sosial. Aktiviti dakwah organisasi Islam

⁶⁹ Hasbi Amiruddin, Timbalan Rektor IV Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Ar-Raniry Banda Aceh, Temubual 26 November 2008.

sentiasa ditingkatkan melalui dakwah ramadan, mengisi khutbah jumaat, dakwah melalui TV, Radio, media cetak dan dakwah dengan tulisan.⁷⁰

Menurut pengamatan penulis, setelah pelaksanaan Syariat Islam di Aceh sudah banyak pendakwah yang mengalas kewajiban untuk memperkuat kembali penerapan hukum syariah untuk membimbing masyarakat mencapai kehidupan yang sempurna. Hukum syariah yang sering ditekankan iaitu tuntutan mengenai kehidupan praktis, bagaimana meningkatkan ibadah menyembah Allah, cara berinteraksi dengan keluarga, kerabat, kawan, tetangga, masyarakat dalam beragama dan bernegara.

c. Program Membangun Akhlak Melalui Dakwah Bukan Pemerintah

Pelaksanaan dakwah dapat memberi nasihat yang baik untuk melahirkan masyarakat yang berakhlak mulia dan terpunji sesuai dengan prinsip Islam. Pendakwah menggalas kewajiban dalam membina dan menyeru masyarakat mengamalkan akhlak terpuji, beradab dan bersopan santun mengikut petunjuk Islam dalam pergaulan dengan kawan, tetangga dan masyarakat. Pendakwah sentiasa menyeru, mengajak masyarakat mengikut dan mengamalkan akhlak Rasulullah s.a.w terutama dalam dakwah memperingati maulidul al-Rasul yang diadakan setiap tahun. Pendakwah sentiasa menyampaikan akhlak nabi yang perlu dicontohi dan menjadi pedoman seperti amanah, shiddiq (benar), tabliq (menyampaikan), dan fathanah (cerdas) yang perlu di amalkan oleh masyarakat sebagai akhlak yang mulia sebagai panduan dalam kehidupan. Akhlak nabi sering diceritakan oleh pendakwah sebagai contoh teladan dan ikutan, di mana nabi

⁷⁰ Fauzi Ali Amin, Timbalan Rektor I, Universiti Muhammadiyah Banda Aceh, Temubual 4 Disember 2009.

sendiri sebagai pembawa akhlak yang mulia dan kedatangannya menjadi rahmat bagi seluruh alam.⁷¹

Pendakwah biasanya mengupas panjang lebar tentang akhlak Nabi Muhammad saw terutama pada peringatan kelahirannya sesuai dengan matlamat dakwah untuk membangun akhlak yang terpuji dan mulia, di mana Nabi Muhammad s.a.w sebagai contoh teladan yang paling utama yang perlu diikuti dan menjadi idola dalam kehidupan setiap orang kerana ketinggian budi pekerti dan akhlaknya yang mulia. Nabi Muhammad sejak kecil sebagai anak yatim yang digelar al-Amin kerana terdapat sifat kejujuran dan memiliki akhlak yang tinggi, mulia dan terpuji. Nabi Muhammad sebagai pedagang yang jujur, pemimpin umat yang amanah, sentiasa menempati janji, sebagai suami yang adil, jujur dan sebagai ayah yang bijaksana serta pelbagai lagi akhlak nabi yang agung menjadi huraian pendakwah untuk menjadi pedoman dan ikutan bagi membangun masyarakat yang berakhlak terpuji dan mulia.⁷²

Pendakwah telah memainkan peranan penting sesuai dengan prinsip Islam dalam mendidik dan membangun akhlak masyarakat terutama dalam menyampaikan mesej dakwah pada peringatan hari-hari besar Islam dengan menghuraikan pelbagai kelebihan dan keagungan akhlak Nabi Muhammad yang biasa dilakukan pada peringatan hari kelahirannya. Usaha dakwah untuk membangun akhlak yang mulia perlu pendekatan yang sesuai mengikut keadaan dan golongan sasaran, hal ini kadang-kadang belum mampu dilakukan oleh sebahagian pendakwah sehingga pembinaan akhlak dalam masyarakat belum mendapat hasil yang memuaskan.

⁷¹ Muhammad Nur Hasballah, Pendakwah Bebas Terkenal di Aceh, Temubual, 10 Jun 2009.

⁷² Iskandar Budiman, Pensyarah Fakulti Syariah Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Ar-Raniry Banda Aceh, Temubual 12 Disember 2009.

Dakwah yang dilakukan oleh organisasi Islam terutama Pelajar Islam Indonesia (PII) sesuai seruan ajaran Islam yang menjadi wadah pembinaan akhlak dan pemersatu belia, pemuda, pelajar dan mahasiswa yang mengembangkan dakwah melalui program training dan pelatihan keislaman untuk mendidik kader pemimpin Islam dan membangun kader dakwah yang berakhlak mulia. Program dakwah Pelajar Islam Indonesia (PII) dengan mengadakan training dan pelatihan tentang Islam sesuai dengan matlamat dakwah yang mampu memberi motivasi melahirkan pemuda yang tangguh pemahaman tentang Islam, berkeperibadian tinggi, berakhlak mulia, memiliki sikap yang kuat dan teguh berpegang pada ajaran Islam. Pembinaan akhlak dapat dilihat pada anggota PII sangat dihormati dan disegani oleh masyarakat kerana keperibadian kukuh pada akhlak Islam.⁷³

Dakwah dalam membangun akhlak masyarakat di kampung terutama generasi muda nampaknya kurang berhasil, terdapat generasi muda yang terlibat dadah, kurang bermoral dan meninggalkan kewajiban beribadah. Pendakwah belum mampu menunjukkan dan menterjemahkan akhlak yang mulia dalam bentuk praktis dan diamalkan dalam alam realiti yang menjadi contoh dan ikutan bagi pemuda dan remaja. Pendakwah belum memiliki komitmen yang tinggi untuk mengubah akhlak masyarakat, pendakwah sebagai penyuluh belum berfungsi dengan baik, program dakwah dilakukan secara bermusim, belum ada dakwah secara berkala atau berterusan seperti di Masjid dan *Meunasah*, aktiviti dakwah masih lesu, lemah dan di kampung masih kurang dengan siraman dakwah untuk membina akhlak masyarakat.

⁷³ Hasanuddin Yusuf Adan, Bekas Ketua Organisasi Pelajar Islam Indonesia (PII) Cawangan Aceh, Temubual 10 Disember 2009.

d. Program Membangun Intelektual Melalui Dakwah Bukan Pemerintah

Pendakwah yang sentiasa berjuang dengan penuh komitmen bagi mengangkat mutu modal insan untuk lebih berpengetahuan dan melahirkan intelektual. Pendakwah berusaha menterjemahkan dan mengembangkan ilmu untuk membangun masyarakat berpengetahuan dan mengamalkan Islam. Dakwah berusaha membawa kebenaran, mengajarkan pelajaran, memberi nasihat yang baik, memperbaiki keadaan dan menyebarkan ilmu pengetahuan yang dapat membangunkan intelektual. Pendakwah dalam masyarakat Aceh sentiasa berusaha memberi pemahaman tentang ajaran Islam, mengemukakan penjelasan tentang ilmu pengetahuan, menyeru yang makruf dan mencegah mungkar mengikut petunjuk Islam untuk memperbaiki kualiti modal insan dan melahirkan intelektual.

Pendakwah pakar mampu menyelamatkan masyarakat dari kebodohan, kejahilan dan merobah pemikiran dengan menegakkan ajaran Islam bagi memperbaiki citra masyarakat untuk memperkuat keimanan, meningkatkan pengalaman, memiliki pengetahuan dan menjadi intelektual. Pendakwah mahir lepasan Institut Agama Islam Negeri (IAIN) misalnya mampu melahirkan pakar ilmu Islam dalam pelbagai bidang, terutama dengan ditubuhkan Fakulti Dakwah untuk melahirkan pendakwah yang lebih khas dan mahir sebagai intelektual yang mampu mengembangkan dan membangun masyarakat yang pengetahuan. Fakulti Dakwah mampu melahirkan intelektual dalam bidang dakwah yang berorientasi untuk membangun kerohanian dan mempertinggi kualiti masyarakat Islam yang sejahtera di dunia dan di akhirat.⁷⁴

⁷⁴ Syukri Nur Gani, Pensyarah Fakulti Dakwah Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Ar-Raniry Banda Aceh, Temubual 7 Disember 2007.

Fakulti Dakwah yang khas ditumbuhkan untuk mengembangkan dakwah sudah sesuai prinsip Islam dan matlamat pengajian tinggi ditubuhkan untuk melahirkan masyarakat yang beriman, beramal, berakhlak mulia, menyebarkan ilmu, berbuat baik, mencegah mungkar dan membangun intelektual. Penubuhan Fakulti Dakwah selaras keperluan menyampikan mesej dakwah semasa yang telah dapat mengembangkan metode dakwah yang tepat sasaran dan menekuni aktiviti berdakwah yang lebih luas dan mendalam untuk membentuk umat terbaik sebagai intelektual yang berilmu pengetahuan tinggi yang mampu membangun bumi. Fakulti Dakwah diwujudkan untuk mengajak manusia ke jalan Allah, meningkatkan pemahaman ajaran Islam dan mengemban tugas para rasul yang dapat disebarkan dengan menggunakan media teknologi canggih, mampu berdakwah sesuai dengan perkembangan ilmu pengetahuan semasa dan dapat membangun intelektual dengan menyampaikan mesej dakwah menggunakan teknologi maklumat selaras keperluan masyarakat Aceh masa kini.⁷⁵

Pengajian tinggi khasnya Fakulti Dakwah telah menggalas tanggungjawab sesuai dengan prinsip Islam dalam mencetak kader dakwah, melahirkan pendakwah mahir yang berkualiti tinggi dan profesional yang mampu membangun pengetahuan dan mengembangkan intelektual, mereka terdiri dari tamatan ijazah pertama, para sarjana dan doktor yang mampu berdakwah dengan pelbagai metode dan strategi. Kepakaran mereka boleh berdakwah dengan menunjukkan contoh teladan, secara lisan dan tulisan dan dapat menggunakan teknologi maklumat yang lebih berkesan untuk membangun kualiti modal insan dan mempertinggi intelektual. Pendakwah lepasan Fakulti dakwah sebagai pendakwah mahir yang dididik dan dibina khas sesuai dengan

⁷⁵ Maimun Yusuf, Dekan Fakulti Dakwah Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Ar-Raniry Banda Aceh, Temubual 14 September 2009.

keperluan arus pembangunan, perkembangan teknologi moden untuk memperkasa kemajuan masyarakat Islam.

Pendakwah lepasan pengajian tinggi boleh dikatakan sebagai pendakwah yang sudah profesional dan pakar dalam bidang masing-masing, mereka berdakwah dengan tulisan menulis buku, mengisi media surat khabar, majalah dan berdakwah melalui internet untuk mengembangkan ilmu pengetahuan dan membangun intelektual. Mereka berdakwah dalam masyarakat dengan memberi khutbah Jumaat, mengisi mimbar pidato dan berdakwah melalui stesyen radio dan TV cawangan Aceh serta mengisi mimbar soal jawab hal ehwal agama Islam. Di samping mereka berdakwah melalui siaran radio dan TV, banyak juga isi dakwah sudah dikasetkan dan dalam bentuk Cakera Padat (CD) yang mudah didapati di pasar sehingga dapat mengembangkan intelektual.⁷⁶

Menurut pengamatan penulis, sebahagian pendakwah yang bergiat di kampung dalam masyarakat Aceh belum memperoleh hasil yang baik, membawa kesan memuaskan dan pendakwah belum berhasil mengubah sasaran dan belum dapat membentuk suasana masyarakat ke arah yang lebih baik dan membanggakan dalam membangun intelektual. Isi dakwah yang disampaikan sering tidak menyentuh keperluan asas agama bagi masyarakat untuk menyadarkan dan menginsafkan masyarakat, banyak hal-hal yang disampaikan dengan cerita-cerita melucukan, isi dakwah jauh tersasar dari mesej dakwah sehingga aktiviti dakwah menjadi sarana hiburan maka dakwah kurang berhasil tidak mendapat kesan yang mendalam dan belum ada berubahan yang bererti setelah dakwah diadakan. Pendakwah pula jarang turun untuk menawarkan diri untuk berdakwah kerana tidak ada biaya, maka aktiviti dakwah

⁷⁶ Muhammad AR, Bekas Ketua Dewan Da'wah Islamiah Indonesia (DDII) Cawangan Aceh, Temubual 6 Disember 2007.

di kampung hidup dalam suasana lesu, kurang gairah dan pendakwah datang secara bermusim jika di jemput oleh masyarakat.

e. Program Membangun Fizikal atau Material Melalui Dakwah Bukan Pemerintah

Pendakwah sentiasa menyeru masyarakat melakukan pelbagai pembangunan fizikal atau material keperluan asas dengan bersedekah dan bergotong-royong untuk membangun kepentingan masyarakat seperti membina Masjid dan *Meunasah*. Membangun fizikal atau material Masjid dan *Meunasah* yang lebih baik dan moden selaras dengan konsep Islam dan sesuai keperluan semasa untuk menjadi daya tarik dan membawa pengaruh dalam meningkatkan ibadah. Pendakwah sering menghuraikan kepentingan membangun fizikal terutama rumah untuk kebaikan dan tempat ibadah seperti Masjid dan *Meunasah* yang lebih baik merupakan kewajiban masyarakat Islam yang mendapat pahala dan ganjaran yang besar disisi Allah s.w.t.⁷⁷

Pendakwah juga sentiasa menyeru masyarakat untuk membangun fizikal atau material infrastruktur asas keperluan masyarakat banyak seperti membangun prasarana jalan, jambatan, irigasi dan transportasi merupakan bahagian dari ajaran Islam yang membawa kemakmuran dan kesejahteraan. Membangun fizikal atau material infrastruktur asas dalam masyarakat sering dijelaskan pendakwah sesuai dengan misi dakwah untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat yang banyak mendapat manfaat, membawa keselamatan, memberi kemudahan dalam pelbagai aktiviti dan perjalanan sudah menjadi suatu kebajikan dan kewajiban mengikut ajaran Islam. Pembangunan material seperti jalan dan jambatan yang lebih baik perlu dibina dan dipelihara dalam

⁷⁷ Muhammad Idris, Ketua Seksi Kelembagaan Depertemen Agama Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, Temubual 4 Disember 2007.

setiap kampung kerana dapat melahirkan banyak kebajikan dan kesejahteraan bagi masyarakat untuk mempermudah perhubungan, mempererat kunjungan persaudaraan bagi sesama famili dan dapat membawa kemakmuran.⁷⁸

Pembangunan fizikal tentang tubuh badan sering diseru oleh pendakwah untuk menjaga kebersihan supaya tubuh badan berada dalam keadaan sihat dan memelihara makanan yang halal dan minuman sesuai dengan konsep Islam, tidak memakan makanan yang haram, tidak meminum yang memabukkan dan tidak merusakkan tubuh badan. Pendakwah sentiasa menjelaskan kepada masyarakat bahawa Islam sangat menghargai fizikal tubuh badan yang baik dan sihat supaya kuat beribadah, mampu bekerja, mencari makanan halal wajib diberikan dalam keluarga supaya anak tumbuh dan berkembang sesuai dengan matlamat dakwah untuk menjauhkan dari api neraka.

f. Program Membangun Sosial Melalui Dakwah Bukan Pemerintah

Pembangunan sosial sentiasa dilakukan melalui dakwah, di mana pendakwah sering menyeru masyarakat supaya memiliki dan mengamalkan sifat sosial yang tinggi dengan rasa kasih sayang sesuai dengan konsep dakwah, di mana setiap masyarakat Islam bersaudara dan dalam kehidupan setiap orang sentiasa memerlukan bantuan dan dukungan dari orang lain. Kehidupan yang baik dan positif dalam masyarakat harus dilakukan dan diamalkan dalam kehidupan nyata bagi membangun kesejahteraan sosial sesuai dengan prinsip Islam seperti saling membantu dan tolong-menolong untuk kemakmuran, keamanan, tercipta perdamaian dan hidup dalam suasana keharmonian. Pendakwah sentiasa mengajak masyarakat untuk menegakkan nilai-nilai sosial kerana

⁷⁸ Muhammad Nur Hasballah, Pendakwah Terkenal Dalam Masyarakat Aceh, Temubual 10 Jun 2009.

selaras dengan ajaran Islam yang penuh dengan kerja sama, keakraban, kasih sayang, kerja sama yang kuat dalam hubungan individu, keluarga dan masyarakat.⁷⁹

Materi dakwah yang disampaikan mengandung nilai sosial yang meminta masyarakat untuk hidup bersatu padu, tidak bercerai berai, mencipta situasi sosial yang harmonis, membentuk intergrasi, membina kondisi sosial yang kuat dan kukuh dalam masyarakat bagi mencapai kesejahteraan sosial dalam segala aspek kehidupan. Pendakwah mengingatkan masyarakat supaya sentiasa mengikat tali persaudaraan dan menjaga perpaduan sesuai dengan matlamat dakwah, di mana setiap orang Islam adalah bersaudara, maka kerja sosial lebih memperkuat ikatan persaudaraan dan membangun perpaduan. Masyarakat Aceh harus bekerja keras untuk pemulihan masalah sosial akibat konflik dan bencana tsunami bagi merubah kehidupan sosial yang lebih baik dan sejahtera.

Pendakwah sentiasa memberi motivasi untuk merubah kehidupan sosial yang lebih baik sesuai dengan teori membangun kesejahteraan dalam Islam di mana masyarakat memerlukan pendidikan, memiliki pengetahuan, memperoleh kepakaran, mempunyai lapangan kerja, rajin dalam berusaha dan mahu bekerja keras sehingga kehidupan dan kesejahteraan sosial dapat terjamin dan terpelihara. Kehidupan sosial sebahagian masyarakat Aceh yang rendah disebabkan oleh kemiskinan yang masih melilit dan membelenggu masyarakat kampung. Kemiskinan merupakan masalah sosial yang perlu pemecahan dan penanganan mengikut ajaran Islam dengan meningkatkan kondisi ekonomi, memperbaiki pendapatan dan memecahkan pelbagai persoalan masyarakat miskin. Dakwah merupakan suatu wadah yang dapat menyeru untuk

⁷⁹ Maimun Yusuf, Dekan Fakultas Dakwah Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Ar-Raniry Banda Aceh, Temubual 14 September 2009.

memecahkan masalah sosial dengan mengadakan perubahan, merapatkan jurang kekayaan dan menegakkan prinsip keadilan.⁸⁰

Setiap aktiviti penyampaian dakwah terdapat seruan dan ajakan untuk meningkatkan kesejahteraan sosial dengan mengamalkan ajaran Islam sebenar kerana Islam kaya dengan nilai-nilai sosial yang perlu dibangun dan dikekalkan dalam kehidupan bermasyarakat. Tanggungjawab sosial dibekali dengan nilai moral yang kuat dan nilai spiritual yang tinggi mengandungi elemen dakwah seperti sentiasa bekerja sama dan bergotong-royong. Kesejahteraan sosial harus dibangun atas asas kerja sama antara pemerintah, pihak swasta tokoh masyarakat, pendakwah dan pekerja sosial yang harus aktif membina kehidupan sosial dalam masyarakat dan memecahkan masalah sosial secara bersama.

Program bantuan sosial turut dilakukan oleh organisasi sosial atau NGO yang sentiasa terlibat dalam membantu keperluan dan layanan sosial bagi masyarakat, terutama dalam melayani anak-anak yatim dan anak korban tsunami melalui panti asuhan di Aceh merupakan misi dakwah untuk membangun sumber modal insan ke arah kehidupan lebih baik. Kini terdapat 214 panti asuhan di Aceh, 10 buah milik pemerintah, 204 milik swasta terdiri dari milik organisasi masyarakat, dayah, organisasi sosial, NGO, organisasi keagamaan dan milik persendirian.⁸¹

Program menubuhkan panti asuhan dan membantu anak yatim sentiasa dilakukan masyarakat Aceh kerana berkait rapat dengan anjuran ajaran Islam untuk

⁸⁰ Hasanuddin Yusuf Adan, Ketua Dewan Da'wah Islamiah Indonesia (DDII) Cawangan Aceh, Temubual 10 Disember 2007

⁸¹ Depsos and Save the Children (2006), *Asesmen Cepat Panti Sosial Anak Pasca Tsunami di Aceh*, Banda Aceh: Depsos dan Save the Children, h. 26.

memelihara anak yatim maka dilakukan kerja sosial menjadi tanggungjawab semua pihak untuk menyantuni dan menampung anak yatim korban tsunami agar meneruskan kehidupan yang lebih baik selaras dengan tugas dakwah untuk memperkasa modal insan. Peranan masyarakat yang sangat tinggi, hal ini dapat dilihat dalam pengadaan pelayanan sosial untuk anak-anak dengan menubuhkan panti asuhan sebagai tempat tinggal dengan pelbagai kemudahan seperti menyediakan makanan, pakaian dan memberi pendidikan dari sekolah rendah sampai sekolah menengah atas merupakan tindakan sangat sesuai dengan seruan ajaran Islam. Bantuan yang diberikan kepada anak yatim berkaitan dengan tanggungjawab dan kewajiban masyarakat sesuai anjuran ajaran Islam untuk memelihara dan pengasuhan anak yatim dan anak lain yang terkena dampak kemiskinan.⁸²

Keterlibatan masyarakat Aceh dalam aktiviti sosial sangat tinggi selaras dengan kehendak Islam dan perjuangan dakwah kerana melakukan kebajikan dan meningkatkan kesejahteraan anak yatim dan fakir miskin, hal ini dapat dibuktikan bahawa di Aceh telah ditubuhkan 204 panti asuhan milik masyarakat, *dayah*, organisasi Islam dan NGO untuk membangun rohani, jasmani, sosial, moral dan membela nasib mereka menjadi lebih baik, sejahtera dan sempurna. Membangun panti asuhan menunjukkan komitmen masyarakat Aceh yang tinggi selaras dengan prinsip Islam dalam membantu, mengasuh, memelihara dan mendidik anak yatim.⁸³

Program bantuan sosial dari NGO, masyarakat dan organisasi sosial, lebih menonjol dengan mendirikan banyak panti asuhan menjadi bukti keprihatinan dan keihklasan untuk membina dan mendidik anak yatim dapat dilakukan dengan lebih

⁸² *I b i d.*

⁸³ Sofyan Kaoy, Pegawai Seve the Children Aceh Program, Temubual 12 Jun 2009.

intensif, tersusun rapi, dapat mencapai sasaran dan sesuai mengikut anjuran dakwah Islam untuk memelihara, menjaga dan membangun kesejahteraan anak yatim. Program menolong fakir-miskin, orang lemah, hidup melarat, mereka yang dalam kondisi dhaif tidak berkemampuan, orang kurang upaya, anak terlantar, anak yatim dan penyandang cacat, merupakan misi dakwah kerana semua mereka memerlukan perhatian, bantuan dan kasih sayang supaya mereka hidup yang layak seperti orang lain.⁸⁴

Menurut hasil kajian mendapati, program bantuan fakir-miskin, anak yang bermasalah dan anak yatim dilihat dari segi Islam, melahirkan nilai kebaikan dan mengandung unsur positif, terutama anak-anak yang tidak ada tempat bergantung hidup perlu melindungi hak mereka untuk tumbuh dan berkembang dalam situasi yang aman, sempurna, penuh kasih sayang dan dididik dengan nilai-nilai Islam merupakan bahagian dari perjuangan dakwah. Pemerintah dan masyarakat Aceh terus berusaha memperbaiki dan meningkatkan kesejahteraan bagi penyandang masalah kesejahteraan sosial untuk memenuhi harapan sesuai dengan pelaksanaan Syariat Islam di Aceh.

g. Program Membangun Ekonomi Melalui Dakwah Bukan Pemerintah

Pendakwah sentiasa menyeru masyarakat meningkatkan ekonomi untuk kesejahteraan hidup dengan bekerja keras, mencari rezki yang halal, penuh kejujuran dan bersifat amanah sesuai konsep Islam. Dalam dakwah turut disampaikan cara mencari harta dan mengembangkan ekonomi untuk memenuhi keperluan nafkah dengan bekerja secara ikhlas menjadi ibadah menurut Islam. Budaya kerja mengikut prinsip Islam harus tekun, bekerja keras, rajin, bersungguh-sungguh, amanah dan jujur untuk

⁸⁴ Abdullah Abdul Wahab, Ketua Yayasan Pembangunan Anak Yatim Antar Bangsa Banda Aceh, Temubual 15 Disember 2009.

memperoleh ekonomi yang bersih dari sumber yang haram. Isi dakwah yang disampaikan mengajak masyarakat bekerja untuk kepentingan ekonomi berasaskan acuan Islam yang meliputi akidah dengan kepercayaan rezki pemberian Allah dan berasaskan syariah dengan mencari rezki sesuai hukum Islam iaitu halal serta memiliki akhlak yang terpuji dalam memperoleh rezki secara amanah dan dapat dipercaya.⁸⁵

Membangun ekonomi umat dakwah merupakan tanggungjawab pendakwah terutama untuk memerangi kemiskinan dengan menyeru masyarakat untuk bekerja bersungguh-sungguh mencari rezki untuk diri dan keluarga merupakan suatu amanah yang wajib ditunaikan. Pendakwah mengajak masyarakat yang kebanyakan petani untuk lebih giat bekerja kerana Islam menggalakkan bekerja dalam sektor pertanian, peladangan dan perkebunan untuk menghasilkan makanan dan buah-buahan sesuai dengan matlamat dakwah bagi memenuhi keperluan asas masyarakat dan mencapai kemakmuran. Seruan dakwah juga sering mengajak umat Islam mengembangkan ekonomi dengan berniaga seperti yang pernah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w dengan penuh kejujuran, tidak mengurangkan sukatan dan timbangan, dengan harga berpatutan dan tidak mencapur barang lama dengan baru, yang semua sifat ini menjadi contoh dan teladan yang baik dalam perniagaan.

Pendakwah sentiasa memberi tahu dan menyeru masyarakat bahawa bekerja merupakan suatu amanah dan tanggungjawab selaras dengan matlamat dakwah untuk mencari rezki yang halal adalah wajib hukumnya. Membangun ekonomi menurut konsep Islam untuk kemakmuran dan kesejahteraan dengan melakukan pekerjaan atau usaha, di mana Allah menyukai pekerjaan yang tetap walaupun sedikit tetapi bersemangat tinggi dan ikhlas. Islam memerintahkan setiap muslim agar mencari

⁸⁵ Zainuddin Puteh, Pendakwah Bebas Kabupaten Aceh Timur, Temubual 2 November 2009.

kemakmuran ekonomi untuk kesejahteraan kehidupan di dunia dan kepentingan di akhirat maka kekayaan harus digunakan pada jalan yang diredai Allah s.w.t.⁸⁶

Mengikut ajaran Islam dalam kekayaan orang muslim terdapat hak orang fakir miskin yang wajib ditunaikan melalui zakat. Kekayaan dan harta yang berlebihan biasanya digunakan sesuai dengan misi dakwah untuk pentingan Islam seperti bersedekah, membantu orang miskin dan melakukan wakaf untuk keperluan tempat ibadah dan pendidikan. Pendakwah sentiasa menyeru pemerintah yang berkewajiban dan bertanggungjawab membangun ekonomi untuk masyarakat miskin dengan melakukan pembangunan yang lebih aktif, merata, tepat sasaran, tidak melakukan rasuah, penyalah gunakuasa, membangun masyarakat secara lebih adil dan jujur sesuai panduan ajaran Islam.

1). Membangun Ekonomi Melalui Badan Rehabilitasi dan Rekontruksi (BRR)

Bantuan negara asing telah masuk ke Aceh dalam jumlah yang cukup besar untuk membantu mangsa gempa dan tsunami sangat baik, bernilai tinggi, membawa kesan yang positif dan sesuai mengikut ajaran Islam untuk membantu masyarakat yang ditimpa musibah dan kesusahan. Bantuan yang diberikan negara asing diterima oleh Badan Rehabilitasi dan Rekontruksi (BRR), untuk kesejahteraan sosial, badan ini yang bertanggungjawab membangun kembali Aceh dengan bantuan negara asing pasca tsumani, sampai tahun 2008 mereka telah menerima bantuan asing AS \$ 7,2 bilion atau RM 24, 9 bilion atau Rp 31 trilion.⁸⁷

⁸⁶ Yusni Saby, Rektor Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Ar-Raniry Banda Aceh, Temubual 26 November 2008.

⁸⁷ Laporan Pejabat Badan Rehabilitasi dan Rekontruksi, Aceh-Nias, Banda Aceh Tahun 2009.

Program bantuan negara asing bagi musibah gempa dan tsunami terutama bantuan dari negara-negara Islam sangat sesuai dengan anjuran dakwa untuk membantu masyarakat Aceh yang menderita, sengsara dan duka akibat ditimpa bencana yang dahsyat itu. Dana bantuan negara asing merupakan suatu dakwah yang diagihkan sesuai dengan prinsip Islam untuk membangun pelbagai infrastruktur dan keperluan asas masyarakat yang dibangun selama masa empat tahun untuk melaksanakan tugas dan kewajiban bagi meringankan beban dan menghilangkan penderitaan untuk membantu masyarakat Aceh yang ditimpa kemalangan dan musibah. Pembangunan yang telah dilakukan seperti yang disebutkan dalam bab IV, realisasi fisik yang telah dibangun oleh BRR antaranya membina rumah lebih 140,000 unit, 3,585 jalan, 1,488 unit sekolah, 1,047 pusat kesihatan.⁸⁸

Bantuan dari pelbagai negara telah dipergunakan untuk membantu korban tsunami di Aceh dengan membangun rumah, infrastruktur asas, sekolah dan pusat kesihatan telah membawa faedah dan manfaat yang sangat bererti dan berguna dalam kehidupan masyarakat Islam telah memenuhi matlamat dakwah untuk mengurangkan penderitaan dan meningkatkan kehidupan. Pembangunan yang dilakukan sesuai dengan ajaran Islam untuk meringankan beban dan meningkatkan kesejahteraan telah mengembalikan keyakinan untuk memulai hidup baru dengan mendapat rumah merupakan suatu rahmat sangat bernilai yang perlu disyukuri untuk melanjutkan kehidupan yang lebih baik, mewujudkan perubahan dan perbaikan yang lebih sempurna.⁸⁹

⁸⁸ *Ibid.*

⁸⁹ Miswar, Ketua Bahagian Penyusunan Program Pada Pejabat Gubernur Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, Temubual 30 November 2007.

Bantuan ini telah membawa nilai-nilai positif dan sesuai dengan matlamat dakwah untuk membangun kembali kehidupan masyarakat Islam Aceh yang mengalami kesengsaraan, ditimpa kemelaratan, dirundung kesedihan dan tak ada apa lagi yang dapat diharapkan, maka mereka wajar dibantu untuk memulai hidup baru yang lebih baik dan sempurna. Bantuan yang diterima mengandungi elemen dakwah kerana dapat mengubah situasi dari kesengsaraan, penderitaan, keburukan dan kesedihan menuju ke arah perbaikan dan menata kembali kehidupan yang dapat mengembalikan ketenangan, meningkatkan semangat, merasa diperhatikan dan dibantu untuk menghidupkan kembali kekuatan bagi membangun dalam meneruskan kehidupan yang lebih baik.⁹⁰

BRR dan pelbagai NGO terlibat aktif dalam memberikan motivasi dan keyakinan diri sesuai anjuran Islam dan mengandungi elemen dakwah dapat dilihat dengan membina minda dan kekuatan bagi mangsa tsunami di Aceh yang trauma dan gangguan mental telah diberikan konseling dan bimbingan pemulihan dengan ajaran Islam untuk menguatkan kepercayaan dan keyakinan dalam meneruskan kehidupan. Dalam memberi bantuan, pembinaan dan konseling psikologi oleh pelbagai pihak telah melakukan aktiviti mengikut nilai dakwah dengan menyampaikan nasihat, seruan kepada kebajikan, bimbingan penyelamatan, pembinaan rohani dan ajakan saling tolong menolong untuk membantu mangsa tsunami supaya mereka tabah, sabar dalam menerima cubaan dan musibah sebagai ujian dari Allah s.w.t.

Bantuan asing atau lembaga donor yang selama ini membantu Aceh sejak tahun 2005 sangat baik dan memberi hasil yang positif sesuai misi dakwah kerana tetap berminat membangun kembali Aceh pasca tsunami akan terus bertahan membantu dan membangun masyarakat Aceh sampai tahun 2012. Persetujuan untuk terus membantu

⁹⁰ Mahyeddin, Masyarakat Korban Tsunami di Banda Aceh, Temubual 3 Disember 2009.

dilakukan pemerintah Aceh bersama Bank Dunia, Negara Asian. Development Bank (ADB), ILO, serta Palang Merah Internasional yang kini sedang melakukan penyusunan dokumen kerangka kerja.⁹¹ Selain itu terdapat juga NGO asing yang kerja sendiri sangat berkesan dan berbaik hati membantu masyarakat Aceh seperti Save The Children, Aceh Relief, Muslim Aid dan lain-lain NGO yang bergiat aktif membantu mangsa tsunami sebagai aktiviti sosial dan keagamaan.

2). Membangun Ekonomi Melalui Badan Reintegrasi Aceh (BRA)

Bantuan dana perdamaian untuk menormalisasi kehidupan politik, keamanan dan menyelesaikan masalah korban konflik bersenjata di Aceh selaras dengan matlamat dakwah untuk membangun kembali keamanan dan merangka perdamaian bagi membina kesajahteraan sosial masyarakat. Bantuan diperuntukkan dengan sejumlah biaya atas kebijaksanaan pemerintah Indonesia, pemerintah Aceh dan persetujuan Gerakan Aceh Merdeka (GAM) dengan dana yang dikendalikan oleh Badan Reintegrasi Aceh (BRA) telah membawa inpak yang baik dan berkesan sesuai dengan prinsip Islam untuk mengembalikan rasa persaudaraan dan perpaduan. Bantuan dana diberikan tahap pertama Rp 250 billion dan tahap kedua Rp 450 billion yang diagihkan untuk gerilyawan GAM, penyelesaian korban konflik dan untuk kesejahteraan masyarakat yang menderita akibat peperangan. Pemerintah Aceh pula memperhatikan secara serius para bekas gerilyawan GAM untuk memperoleh kehidupan ekonomi yang layak melalui penyediaan modal dan lapangan kerja yang memadai dan membantu masyarakat korban konflik bersenjata.⁹²

⁹¹ Usman Budiman, Asisten II Bidang Ekonomi Setda NAD, (2007) "Lembaga Donor Diminta Bertahan di Aceh" *Serambi Indonesia*, November 5, h.1.

⁹² Pemerintah Aceh Tahun 2009, *Op. Cit.*, h. 14.

Bantuan ini disalurkan melalui Badan Reintegrasi Aceh (BRA) sebagai badan yang dipertanggungjawabkan untuk penyelesaian isu perdamaian dan politik antara GAM dan pemerintah Indonesia telah dilakukan sesuai ajaran Islam untuk menghilangkan sengketa dan menyatupadukan kembali masyarakat di bawah negara kesatuan Republik Indonesia. Badan ini telah menyalurkan bantuan untuk diagihkan kepada keluarga korban konflik, memperbaiki keupayaan ekonomi anggota GAM.⁹³

Penyelasaan korban konflik antara GAM dan pemerintah Indonesia dalam menyalurkan dana telah membawa nilai-nilai positif dan kesan yang baik selaras dengan mesej dakwah untuk mengubah situasi kehidupan masyarakat Aceh supaya dapat mencapai keamanan, perdamaian, keharmonian dan kesejahteraan. Bantuan yang diberikan sangat mustahak dan selaras dengan acuan Islam kerana membantu mereka yang teraniaya, terkorban akibat kekerasan, terjadi penindasan dan dilakukan penyiksaan selama peperangan berlangsung. Mereka telah dapat merasai nilai-nilai hasil sumbangan yang diberikan, menerima mengikut keadilan sosial dan merasa diperhatikan secara wajar dengan mendapat bantuan kebajikan selaras dengan ajaran Islam yang dapat membawan kesejahteraan dan kebahagiaan.⁹⁴

Selain biaya bantuan juga dilakukan penyelesaian konflik oleh pemerintah, aktiviti sesama masyarakat Aceh sendiri dengan cara memberi pengampunan, saling memaafkan yang mengandungi intipati dari ajaran Islam sebenar dan sesuai dengan misi dakwah yang telah dilaksanakan dan diamalkan dalam perdamaian di Aceh. Bagi mereka yang membawa kematian, pembunuhan, lain-lain korban ditempuh secara Islam

⁹³ Muhammad Thahir Hasan, Ketua Penerangan Pelaksana Harian Badan Reintegrasi Aceh (BRA), Temubual 20 November 2008.

⁹⁴ Ibrahim Abdullah, Ketua Kampung Alue Keutapang Kecamatan Bandar Dua Kabupaten Pidie Jaya, Temubual 10 Disember 2008.

dan sifat kekeluargaan dengan cara saling memaafkan sehingga pihak-pihak yang terlibat dalam konflik tidak ada lagi rasa dendam dan yang tidak berpuas hati tanpa tuntutan pembalasan serta tidak meminta keadilan di mahkamah. Pembunuhan yang terjadi, sebenarnya sipelaku dihukum mati tetapi tidak dibawa ke pengadilan kerana tidak cukup bukti untuk menuntut pelaku, maka ditempuh jalan yang terbaik secara Islam iaitu saling memaafkan.⁹⁵

Saling memaafkan dan memberi pengampunan selaras dengan pandangan dakwah dan kembali kepada ajaran Islam yang sebenar, di mana sifat pemaaf telah membawa hasil yang sangat baik dan memberi kesan mendalam dan menjadi kekuatan, hal ini dapat dilihat dan dibuktikan sampai kini tidak ada lagi insiden balas dendam yang terjadi atau tuntutan di pengadilan. Tindakan saling memaafkan yang diprakarsai masyarakat Aceh mengandung elemen dakwah kerana patuh dan taat pada kebenaran, penuh kejujuran memenuhi seruan ajaran Islam dengan kembali ke jalan benar yang diredhai Allah s.w.t. Oleh itu, untuk mendukung saling memaafkan dan penghapusan dendam diminta pertanggungjawaban negara, maka negara meminta maaf kepada keluarga korban. Negaralah yang harus membayar diyat kepada anggota keluarga yang terbunuh selama konflik berlangsung.⁹⁶

Menurut hasil kajian mendapati, diyat telah dibayar kepada keluarga korban mengikut kemampuan negara adalah sangat baik di sisi Islam dan sesuai dengan ajakan dakwah untuk kemaslahatan, perdamaian dan kebajikan, hal ini terbukti pemerintah memperhatikan dan menghargai para korban. Bagi mereka yang terbunuh dibayar 30 sampai 50 juta rupiah setiap seorang secara bertahap, yang cacat dibayar menurut

⁹⁵ Teungku Abdullah Ibrahim, Pimpinan Dayah Babul Ulum Kecamatan Bandar Dua Kabupaten Pidie Jaya, Temubual 16 Jun 2009.

⁹⁶ Al Yasa Abubakar, (2005), Bunga Rampai Tentang Pelaksanaan Syari'at Islam, *Op. Cit.*, h. 163.

penilaian kecatatannya, rumah dan gedung yang dibakar sudah dibangun kembali, anak yatim diberikan santuan dan biaya pendidikan, perempuan yang janda mendapat bantuan, bekas anggota GAM mendapat bantuan santunan dan masyarakat korban konflik diberi bantuan pemberdayaan ekonomi. Semua bantuan ini diprogramkan dalam biaya reintegrasi yang dilakukan oleh Badan Reintegrasi Aceh (BRA) untuk diagih kepada semua masyarakat Aceh yang menjadi korban pemberontakan.

5.3.2 Program Membangun Melalui Dakwah Pemerintah

Pemerintah Aceh setelah pelaksanaan dan penerapan Syariat Islam berkewajiban menubuhkan dan mengembangkan institusi dakwah dan melahirkan kader-kader dakwah yang memiliki wawasan keislaman dan keilmuan. Pemerintah Aceh memikul tanggungjawab memimpin masyarakat, menyusun pentadbiran dan membangun negara mengikut ajaran Islam. Pemerintah berkewajiban menjalankan aktiviti pentadbiran, menjaga keamanan, merealisasikan perpaduan, mempertahankan keutuhan negara, menciptakan keharmonian dan membangun kemakmuran untuk kesejahteraan masyarakat. Pemerintah Aceh memiliki kesungguhan dan komitmen yang tinggi untuk melaksanakan Syariat Islam, membangun ekonomi, merancang program pembangunan bagi kemajuan negeri dan melaksanakan keadilan untuk semua lapisan masyarakat. Program pembangunan yang dilakukan oleh pemerintah Aceh antaranya:

a. Program Membangun Akidah Melalui Dakwah Pemerintah

Pemerintah Aceh menggalas tanggungjawab membina akidah masyarakat Aceh dengan mengeluarkan peraturan daerah dan kanun untuk memperkuat dan mengisi akidah mengikut ahl sunah wa al-jama'ah dalam jiwa dan perilaku peribadi, keluarga

dan masyarakat. Pemerintah berkewajiban mencegah dan membanteras segala bentuk perbuatan dan tindakan yang bersifat kufur, syirik, khurafat dan atheisme yang bertentangan dengan akidah islamiah. Mengikuti kanun pemerintah Aceh telah mewajibkan pembinaan dan pemeriharaan akidah mulai dari institusi keluarga, di mana setiap keluarga/ orang tua bertanggungjawab menanam akidah kepada anak dan anggota keluarga yang berada di bawah tanggungjawabnya. Setiap orang dilarang menyebar paham atau aliran sesat dan setiap orang dilarang dengan sengaja keluar dari akidah atau menghina agama Islam.

Mewujudkan peraturan daerah dan kanun tentang akidah menunjukkan tingkat kekhawatiran pemerintah yang tinggi mengenai kedangkalan dan pengaruh yang merusak akidah sudah mulai nampak dan melanda masyarakat Aceh. Membentuk kanun akidah menampakkan niat baik pemerintah sesuai dengan misi dakwah untuk memelihara dan menurnikan akidah yang memberi dampak yang baik dan membawa nilai positif bagi membendung akidah dari pengaruh syirik, ajaran sesat dan usaha memurtadkan masyarakat. Isi kanun dan peraturan daerah tentang akidah mengandung nilai yang tinggi dan sesuai dengan prinsip Islam, di mana suasana kehidupan masyarakat yang terdedah kepada pengaruh negatif dari pelbagai aliran dunia moden yang merusak dan mencemarkan akidah.

Kanun dan peraturan daerah tentang akidah mengandung nilai yang sangat baik dan sesuai dengan kepentingan masyarakat, walaupun belum dilaksanakan penerapannya secara terprogram dan berkesan dalam membangun akidah masyarakat. Pemerintah Aceh belum menjalankan tanggungjawab untuk merealisasikan pelaksanaan pendidikan dan pembinaan akidah dalam masyarakat sesuai dengan maksud kanun dan peraturan daerah sebagai kewajiban menanam akidah dalam keluarga dan masyarakat.

Penerapan dan perlakuan kanun akidah dalam masyarakat Aceh belum selaras dengan matlamat dakwah untuk membangun masyarakat yang beriman dan kuat dalam beramal. Kebanyakan keluarga dan masyarakat terutama di kampung belum menaruh perhatian dalam menjalankan kewajiban dan tanggungjawab untuk menanam akidah kepada anak, anggota keluarga sesuai dengan maksud kanun dan peraturan daerah Aceh.⁹⁷

Pemerintah Aceh telah membentuk badan dakwah yang bertugas mengembangkan dakwah dan dinas syariat Islam sebagai badan bertanggungjawab menjalankan pelaksanaan Syariat Islam di Aceh yang secara umum dapat menguatkan akidah masyarakat belum mencukupi. Dalam usaha meningkatkan dan menyelamatkan akidah dari pemurtadan pemerintah Aceh telah mengirim 90 orang pendakwah ke daerah perbatasan antara Aceh dan Sumatera Utara, di mana sering terjadi pendangkalan akidah dengan usaha kristianisasi masyarakat Islam. Pendakwah yang dikirim itu bertugas menjadi guru pengajian, berdakwah dan memberi penyuluhan di bidang agama untuk menguatkan akidah masyarakat.⁹⁸

Pemerintah Aceh dalam membendung, memelihara dan menjaga keutuhan akidah masyarakat telah melakukan tindakan sesuai dengan matlamat dakwah, di mana pemerintah Aceh melalui Majlis ulama telah mengharamkan ajaran sesat seperti aliran Bantakiah, al-Arqam, Ahmadiyah Qadian dan Millata Abraham. Ajaran sesat telah banyak merosakkan akidah masyarakat sehingga pemerintah telah bertindak memberi pendidikan dan memurnikan kembali akidah masyarakat sesuai dengan ajaran Islam yang sebenar.

⁹⁷ Sufli, Ketua Kepolisian Sektor (Kapolsek) Kecamatan Samalanga Kabupaten Bireuen, Temubual 4 Jun 2008.

⁹⁸ Abdullah Muhammad, Ketua Bidang Bina Hukum Syariat Islam, Dinas Syariat Islam Provinsi Nangtöe Aceh Darussalam, Temubual 10 Jun 2010.

b. Program Membangun Syariah Melalui Dakwah Pemerintah

Pemerintah Islam berkewajiban menegakkan hukum syariah dan memberlakukan sistem kehidupan Islam dengan baik dan sempurna. Pelaksanaan hukum syariat Islam merupakan tanggungjawab negara seperti dilakukan di Aceh untuk dijalankan sesuai dengan ketetapan Allah s.w.t bagi membimbing masyarakat menuju kehidupan yang sejahtera dan bahagia baik di dunia mahupun di akhirat. Kewajiban memberlakukan hukum syariah telah diijtiharkan pemerintah Aceh untuk diterapkan dalam segala aspek kehidupan masyarakat. Tanggungjawab yang digalas pemerintah Aceh dalam pelaksanaan hukum syariah dilakukan melalui institusi antaranya:

1). Program Memberlakukan Pelaksanaan Syariat Islam

Pengesahan penerapan Syariat Islam di Aceh merupakan suatu perjuangan membangunkan Islam sesuai dengan matlamat dakwah untuk menyampaikan mesej Islam kepada penguasa Indonesia bagi menerapkan dan menjalankan status keistimewaan Aceh di bidang keagamaan iaitu memberlakukan undang-undang Syariah. Melahirkan negara Islam merupakan suatu tuntutan sesuai prinsip Islam, selaras dengan misi dakwah dan kewajiban dari ajaran Islam sebagaimana dilaksanakan di negeri Aceh dengan diijtiharkan berlaku penerapan Syariat Islam di kalangan masyarakat dan pelaksanaan dipertanggungjawabkan kepada negara. Pelaksanaan Syariat Islam merupakan hasil dari matlamat dakwah untuk membangun masyarakat yang beramal dan memenuhi matlamat manusia dijadikan untuk mengabdikan diri kepada Allah s.w.t.

Mengikuti hasil kajian mendapati, perlakuan dan penerapan hukum syariah oleh negara dalam segala aspek kehidupan disetujui dan diterima oleh segenap lapisan masyarakat Aceh secara ikhlas dan senang hati di mana mereka patuh dan ingin hidup di bawah payung undang-undang syariah. Masyarakat Aceh berkewajiban mentaati pemimpin dan pemerintah yang menjalankan Syariat Islam selaras dengan konsep Islam di mana hukum syariah yang diistiharkan pemerintah sebagai jalan hidup yang betul dan benar untuk melakukan pengabdian dan beribadah kepada Allah s.w.t. Perlakuan Syariat Islam sesuai dengan konsep membangunkan Islam di mana negara berkewajiban menerapkan undang-undang syariah, hal ini dapat dilihat hukum syariah yang jalankan di Aceh kini telah dapat membangun kehidupan masyarakat yang lebih aman, damai dan sejahtera. Penerapan Syariat Islam merupakan tugas negara untuk mempertinggi Islam dan selaras dengan matlamat dakwah bagi membangun masyarakat yang lebih mendalami, memahami dan memberlakukan ajaran Islam dalam segala aspek kehidupan.⁹⁹

Penerapan Syariat Islam merupakan hasil gagasan misi dakwah yang sejak lama di perjuangkan masyarakat Aceh sesuai dengan konsep Islam untuk menuntut negara memberlakukan hukum syariah. Keinginan masyarakat Aceh supaya negara memberlakukan Syariat Islam sudah dapat direalisasikan dan terlaksana mengikut prinsip Islam dan matlamat dakwah di mana penguasa telah melakukan kewajiban dan menggalas tanggungjawab menjalankan hukum Islam. Pelaksanaan Syariat Islam merupakan perjuangan suci dan murni yang bersumber dari ajaran Islam, di mana masyarakat Aceh ingin hidup di bawah payung undang-undang Islam sesuai matlamat

⁹⁹ Saifuddin Abdullah, Pegawai Pejabat Gubernur Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, Temubual 6 Disember 2009.

dakwah untuk membangun masyarakat yang mengamalkan ajaran Islam dalam segala aspek kehidupannya.¹⁰⁰

Melahirkan negeri yang menjalankan hukum syariah di Aceh selaras dengan teori membangun dalam Islam untuk menegakkan keadilan, mengekalkan hukum dan memelihara kesucian Islam. Pelaksanaan Syariat Islam merupakan usaha dakwah yang sudah menjadi suatu cita-cita dan keinginan masyarakat Aceh untuk mewujudkan pentadbiran yang adil, jujur, kepemimpinan yang bijaksana sesuai dengan ajaran Islam. Mewujudkan negeri Islam di Aceh merupakan suatu tuntutan dan perjuangan masyarakat yang selaras dengan konsep Islam untuk membangun masyarakat yang beriman, beramal, berakhlak mulia, mencapai kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat serta mendapat keredaan Allah s.w.t. Pelaksanaan Syariat Islam di Aceh sudah dapat dilakukan oleh negara dengan membentuk institusi pendukung, melahirkan kanun dan mewujudkan peraturan daerah sebagai mesej dakwah dari pemerintah untuk memperkuat penerapan undang-undang syariah.

Menurut pengamatan penulis, perlakuan Syariat Islam belum menampakkan hasil yang memuaskan terutama dalam meningkatkan pengamalan ajaran Islam di kalangan masyarakat awam, hal ini terlihat masih banyak masyarakat di kampung-kampung meninggalkan ibadah wajib yang sepatutnya dilaksanakan dan diamalkan secara lebih baik, bertanggungjawab dan sempurna. Peningkatan pengamalan, perubahan masyarakat dan perbaikan modal insan dengan pemahaman Syariat Islam belum menampakkan hasil yang membanggakan secara menyeluruh, maka pengamalan ajaran Islam terutama dalam masyarakat di kampung belum selaras dengan pelaksanaan

¹⁰⁰ Muhammad Idris, Ketua Seksi Kelembagaan Departemen Agama Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, Temubual, 4 Disember 2007.

Syariat Islam dan matlamat dakwah. Situasi ini terjadi disebabkan pelaksanaan Syariat Islam tidak langsung dipaksakan tetapi dilakukan secara berperingkat-peringkat sesuai dengan kesiapan dan mengikut pengetahuan masyarakat, sehingga suatu saat nanti dalam jangka panjang pelaksanaan Syariat Islam dapat dilakukan secara lebih menyeluruh dan sempurna mengikut matlamat dakwah.

2). Program Membentuk Majlis Permusyawaratan Ulama (MPU)

Pemerintah Aceh telah membentuk Majlis Permusyawaratan Ulama (MPU) sesuai dengan konsep Islam sebagai badan yang berfungsi dan berwenang untuk menyeru kepada kebaikan, mencegah kemungkaran kerana ulama memegang tugas sebagai waris para nabi bagi meneruskan pelaksana dakwah untuk membimbing umat supaya jangan sesat jalan dengan cara menegakkan hukum syariah. Ulama bertugas menasihati dan mengingatkan pemerintah agar jangan salah dalam membuat kebijaksanaan dan memimpin pentadbiran negara harus sesuai dengan hukum syariah. Majlis Permusyawaratan Ulama Aceh dibentuk mengikut perspektif Islam yang berperanan melaksanakan tugas dakwah sebagai badan independen sejajar pemerintah untuk mengeluarkan fatwa, memberi masukan, pertimbangan, bimbingan, nasihat, saranan dalam menentukan kebijakan pemerintahan daerah dari aspek syariah dan ikut bertanggungjawab terselenggara pemerintah yang jujur, berwibawa dan Islami.¹⁰¹

Dari hasil kajian mendapati, kewujudan MPU sangat baik dan selaras dengan kehendak masyarakat dan sesuai dengan matlamat dakwah untuk membimbing, menyeru dan mendampingi ulil amri sebagai khalifah untuk memimpin, membangun

¹⁰¹ Peraturan Daerah Tentang Pembentukan Majlis Permusyawaratan Ulama No.3, *Op. Cit.*, Bab III, Pasal 5, 2000).

dan memakmurkan bumi supaya bertindak, mentadbir mengikut ajaran Islam dan mendapat keredaan Allah s.w.t. Ulama Aceh di bawah MPU mendapat posisi yang lebih besar dalam memberi sumbangan pemikiran, nasihat dan saranan sesuai dengan prinsip Islam dalam menyampaikan mesej Islam, terlibat aktif, berganding bahu, bekerja sama dengan pemerintah, saling melengkapi dalam mendampingi dan membantu umara untuk melaksanakan pembangunan mengikut hukum syariah dalam segala aspek kehidupan masyarakat.

Keterlibatan ulama dalam pemerintah sangat baik dan memberi pengaruh yang positif selaras dengan prinsip Islam dalam memikul tugas untuk menyampaikan mesej dakwah kepada umara iaitu pemerintah Aceh supaya melaksanakan program pembangunan yang adil, jujur dan bertanggungjawab atas penyelenggaraan Syariat Islam. Ulama Aceh berperanan sebagai pendakwah kepada umara, memberi ingat, menasihati dan mengawasi pemerintah sebagai penguasa dalam membuat kebijaksanaan yang bersesuaian dengan perlakuan Syariat Islam di Aceh.¹⁰²

Peranan MPU selaras dengan prinsip Islam yang bertugas dan memainkan aktiviti sebagai pendakwah kepada masyarakat dan penguasa dari peringkat tertinggi sampai terendah. Fungsi MPU dalam masyarakat Aceh sudah menjadi tradisi sejak dari dahulu lagi untuk menyampaikan mesej dakwah kepada penguasa, di mana kini para ulama mendampingi pemerintah tingkat provinsi, kabupaten, kota, kecamatan dan di peringkat kampung, di mana ketua kampung didampingi oleh imam *Meunasah* dalam membuat keputusan dan kebijaksanaan.¹⁰³

¹⁰² Muhammad Nur Hasballah, Ketua Majlis Permusyawaratan Ulama, Kabupaten Pidie Jaya, Temubual 10 Disember 2008.

¹⁰³ Abdurrahman TB, Ketua Pejabat Departemen Agama Provinsi Nanggor Aceh Darussalam, Temubual 16 Disember 2008.

Ulama Aceh di bawah MPU yang mendampingi pemerintah dan membimbing masyarakat belum banyak berhasil dalam menyampaikan misi dakwah dan belum mampu mencapai matlamat dakwah yang sebenar untuk melahirkan pemimpin yang adil, jujur dan bijaksana, hal ini terbukti masih banyak pemimpin dan penguasa yang menyalah guna kuasa, merosakkan wewenang, pecah amanah dan terlibat rasuah. Majlis Permusyawaratan Ulama kurang berhasil dalam membangun dan membimbing masyarakat Aceh sesuai dengan perlakuan Syariat Islam untuk membangun masyarakat hidup sejahtera dan belum selaras dengan manusia dijadikan untuk mengabdikan kepada Allah s.w.t sesuai teori al-Qur'an. Hal ini dapat dilihat masyarakat di kampung masih lemah iman, belum ada peningkatan dalam beribadah, belum banyak perubahan dengan pelaksanaan Syariat Islam kerana ulama jarang berdakwah ke kampung secara berkala dan kurang mendekati masyarakat untuk mengajak masyarakat meningkatkan ibadah.

Menurut pengamatan penulis, peranan yang dimainkan MPU belum berhasil sesuai dengan matlamat dakwah dan konsep membangun pemerintah yang jujur dan bersih, hal ini didapati dalam menasihati penguasa di Aceh terutama dalam menghapuskan rasuah belum membawa hasil yang memuaskan, di mana penyelewengan, korupsi, penyalahgunaan kuasa oleh pemegang jawatan dalam pemerintah masih tinggi dan berleluasa. MPU masih kurang berhasil dalam memainkan peranan untuk menyampaikan mesej dakwah kepada semua peringkat penguasa dan seruan dakwah ulama kepada masyarakat belum banyak perubahan, di mana di kampung-kampung masih banyak masyarakat yang belum mengamalkan ajaran Islam dengan baik dan masih ramai yang meninggalkan ibadah wajib.

3). Program Membentuk Dinas Syariat Islam

Pemerintah Aceh telah membentuk Dinas Syariat Islam sesuai dengan prinsip Islam kerana Dinas Syariat Islam merupakan institusi pemerintah yang memainkan peranan dan bertanggungjawab sebagai pelaksana penerapan undang-undang syariah yang meliputi bidang akidah, ibadah, muamalah, pendidikan, menjalankan tugas dakwah untuk menyeru amar makruf dan nahi mungkar. Dinas Syariat Islam diwujudkan selaras dengan matlamat dakwah untuk membawa mesej kebaikan dan memberi pemahaman kepada masyarakat mengenai perlakuan Syariat Islam di Aceh.

Mewujudkan Dinas Syariat Islam merupakan suatu keperluan asas yang melakukan tugas sesuai dengan prinsip Islam untuk memastikan pelaksanaan Syariat Islam dapat dihayati dan ditaati oleh masyarakat Aceh mengikut fahaman ahl-sunnah wa al-jamah dan melahirkan masyarakat madani yang memahami Islam mengikut al-Qur'an dan al-Sunnah. Kewujudan Dinas Syariat Islam sebagai institusi pemerintah sesuai mengikut acuan Islam untuk membangun menerapkan nilai syariah dan membawa mesej dakwah. Dinas Syariat Islam mampu memberi kekuatan yang berfaedah dalam memenuhi tanggungjawab untuk memakmurkan Masjid dan *Meunasah* sesuai kehendak masyarakat Aceh untuk menjamin pencapaian perlakuan undang-undang Syariah berjalan secara berkekalan dan berterusan.¹⁰⁴

Mewujudkan Dinas Syariat Islam selaras konsep Islam untuk melaksanakan kewajiban dan menggalas tanggungjawab pemerintah bagi memelihara kesucian Islam dan memastikan ajaran syariah diamalkan secara *kaffah* dan mesej Islam tersebar luas

¹⁰⁴ Sudarmi, Ketua Bidang Program Dinas Syari'at Islam Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, Temubual 8 Jun 2010.

ke seluruh masyarakat Aceh. Dinas Syariat Islam melaksanakan tugas mengikut agenda hukum Islam, hal ini dapat dilihat bahawa pemerintah Aceh dan negara bersungguh-sungguh, memainkan peranan utama, memiliki minat yang kuat dan menunjukkan komitmen yang tinggi dalam menjalankan hukum syariah di Aceh selaras dengan matlamat dakwah untuk melahirkan negeri Islam. Peranan Dinas Syariat Islam sebagai institusi pelaksana dan pelaku yang bertanggungjawab untuk meningkatkan ibadah dan memperkuat pengamalan ajaran Islam dalam masyarakat dan memegang tugas dakwah kerana berusaha memberi pengkhidmatan yang baik, membawa kesefahaman, menubuhkan kesedaran dan dapat mengubah suasana persekitaran masyarakat Aceh supaya selaras dengan pelaksanaan Syariat Islam.¹⁰⁵

Menurut pengamatan penulis, Dinas Syariat Islam dibentuk sebagai komponen utama yang bertanggungjawab sesuai dengan prinsip Islam dengan fungsinya yang sangat tepat dan relevan untuk memastikan pelaksanaan Syariat Islam di Aceh dapat direalisasikan dengan baik dan tepat sasaran. Dinas Syariat Islam telah memainkan peranan penting dalam melahirkan masyarakat yang memahami nilai-nilai ajaran Islam untuk membangun kesejahteraan lahir dan batin.

4). Program Membentuk *Wilayatul Hisbah* (WH) Polis Syariat Islam

Pemerintah Aceh telah membentuk *Wilayatu Hisbah* atau Polis Syariat selaras dengan konsep Islam untuk menegakkan hukum syariah dan menjalankan kepentingan dakwah Islamiyah kerana tugas mereka sebagai teras utama dalam melakukan pengawasan dan pemantauan terhadap pelaksanaan undang-undang Syariat Islam di

¹⁰⁵ Abdullah Muhammad, Ketua Bidang Bina Hukum Dinas Syariat Islam Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, Temubual 8 Jun 2010.

Aceh. Tugas W H sesuai dengan prinsip Islam kerana membawa misi dakwah seperti memberi ingat, menegur, menasihati, mencegah dan melarang setiap orang yang patut diduga telah, sedang atau akan melakukan pelanggaran peraturan Syariat Islam.¹⁰⁶ *Wilayatul Hisbah* erat kaitannya dengan usaha membanteras pelbagai penyakit sosial di tengah masyarakat dengan pendekatan keagamaan sehingga kontribusinya terhadap ketertiban dan ketentraman umum sangat besar dan luas.¹⁰⁷

Kehadiran Polis Syariat sangat sesuai dengan pandangan Islam dan selaras dengan konsep membangun masyarakat Islam kerana menjalankan tugas mengubah masyarakat dan mengawasi pelaksanaan hukum syariah supaya berjalan lebih baik dan sempurna. *Wilayatul Hisbah* ditubuhkan sangat tepat dan sesuai mengikut prinsip Islam dan relevan dengan pelaksanaan Syariat Islam di Aceh kerana bertugas sebagai pendakwah untuk menyampaikan mesej Islam, memberi petunjuk dan menerangkan kepada masyarakat dengan seruan kabajikan, bukan menjatuhkan hukuman tetapi mengatur ketertiban dan keharmonian masyarakat supaya selaras dengan aturan syariah. *Wilayatul Hisbah* memberi ingat secara baik, jujur, sopan dan tidak menakutkan sesuai dengan cara berdakwah.¹⁰⁸

Mengikut hasil kajian mendapati, polis Syariat Islam di Aceh berjaya memikat dan membawa pengaruh yang menarik dan berkesan dalam mengatur ketertiban masyarakat agar selaras dengan Syariat Islam, mereka memberi ingat dan menimbulkan kesedaran dengan teguran secara baik, bersifat lembut, sopan, arif dan tidak menakutkan

¹⁰⁶ Keputusan Gubernur Tentang Pembentukan Organisasi dan Tata Kerja Wilayatul Hisbah No. 01, *Op. Cit.*, Bab II, Pasal 4, 2004).

¹⁰⁷ Marah Halim (2007), "Sistem Penegakan Hukum Dalam Pelaksanaan Syari'at Islam di NAD", dalam Syahrizal Abbas *et al.* (eds.), *Demensi Pemikiran Hukum Dalam Implementasi Syariat Islam di Aceh*, Banda Aceh: Dinas Syari'at Islam Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, h. 73.

¹⁰⁸ Muhammad Ridwan, Anggota Polis Syariat Islam (WH) Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, Temubual 21 Disember 2009.

sesuai dengan program menyampaikan misi dakwah. Polis Syariat Islam dalam menjalankan tugas memberi kesan yang baik, memenuhi kehendak metode dakwah dengan menjunjung tinggi undang-undang syariah, dengan tindakan tidak menakutkan, bertindak sopan, memberi pemahaman, bukan cara kekerasan tetapi memberi penyadaran, tidak membawa senjata, sentiasa memberi amaran kepada pesalah, hukuman bukan objektif, berusaha menyakinkan kebenaran dan menerangkan ketinggian Islam mengikut undang-undang Syariat Islam.¹⁰⁹

Dari hasil penelitian ditemui kewujudan pasukan Polis Syariat Islam telah menimbulkan wajah baru yang lebih menarik dan berpengaruh dalam menyampaikan mesej dakwah di Aceh telah memberi kesan lebih baik kepada masyarakat, hal ini terbukti mesej pelaksanaan Syariat Islam semakin tersebar luas, sentiasa diamalkan, kemaksiatan telah menurun dan jīnāyah makin berkurang dalam masyarakat. Polis Syariat sentiasa turun ke lapangan untuk melakukan agenda dakwah, dengan tindakan menegur, memberi peringatan, menyampaikan pengajaran dan memberi nasihat pada saat orang melakukan pelanggaran dan kesalahan. Mereka bertindak mengikut prinsip Islam yang membawa kesan positif seperti menegur pemakai pakaian yang tidak sopan di jalanan dengan tindakan lembut dan gaya yang sesuai, memberi ingat kepada mereka yang berdua-duan yang bukan muhrim ditempat rekreasi dan kawasan pelancongan telah memberi kesedaran dan keinsafan serta memberi contoh teladan kepada mereka.¹¹⁰

Mengikut matlamat dakwah, tindakan Polis Syariat Islam sebagai institusi formal, sangat sesuai dengan keperluan pelaksanaan undang-undang syariah di Aceh

¹⁰⁹ Syukri Nur Gani, Pensyarah Fakulti Dakwah Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Ar-Raniry Banda Aceh. Temubual 7 Disember 2007.

¹¹⁰ Sudarmi, Ketua Bidang Program Dinas Syari'at Islam Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, Temubual, 8 Jun 2010.

untuk mengawasi perilaku masyarakat agar sentiasa selaras dengan ajaran Islam dan kepentingan dakwah supaya membentuk masyarakat hidup dalam suasana yang Islami. *Wilayatul Hisbah* telah membawa nilai yang baik dan positif dalam menyadarkan masyarakat, mengubah kondisi, membentuk suasana aman damai dan memperbaiki citra masyarakat dengan pendekatan dakwah untuk membangun masyarakat Aceh yang beriman, beramal dan mempertinggi nilai-nilai Islam dengan melakukan amar makruf nahi mungkar.¹¹¹

Menurut pengamatan penulis, *Wilayatul Hisbah* telah memainkan peranan penting dan sangat berkesan dalam membangun masyarakat dengan menyampaikan pesan-pesan dakwah di peringkat provinsi, kabupaten, kota dan kampung, mereka telah dibekali dengan kursus tentang dakwah sehingga dalam bertindak dan menegur masyarakat dilakukan secara baik, bijaksana, sopan, profesional, berkesan dan tidak menakutkan selaras dengan cara-cara berdakwah.

5). Program Membentuk Mahkamah Syar'iyah

Pemerintah Aceh telah mewujudkan Mahkamah Syar'iyah sesuai dengan agenda Islam dan mengandungi elemen dakwah dalam menjalankan hukum syariah yang membawa kemaslahatan untuk membangun masyarakat mengikut undang-undang syariah seperti menyelesaikan sengketa, mendamaikan perselisihan keluarga Islam, memperbetul kesalahan dan menghukum pesalah secara adil dan jujur supaya kembali kepada jalan yang benar. Mahkamah Syar'iyah sebagai badan independen yang

¹¹¹ Munawar Jalil, Ketua Dinas Syari'at Islam Kabupaten Pidie, Temubual 27 November 2008.

berperanan mengendalikan hukum Islam sangat munasabah bagi masyarakat Aceh yang ingin hidup di bawah payung hukum Syariah.¹¹²

Hukuman yang dijatuhkan Mahkamah Syar'iyah di pelbagai daerah Aceh telah berhasil dilaksanakan sesuai dengan prinsip Islam dan selaras dengan matlamat dakwah untuk mentaati ajaran syariah bagi melahirkan masyarakat yang beriman, beramal dan berakhlak mulia. Hukum cambuk yang dijatuhkan mahkamah mengandung nilai dakwah telah membawa pengaruh yang luas dan memberi kesan yang mendalam terutama untuk mendidik, memberi kesedaran, menjadi pedoman, contoh bagi masyarakat dan sebagai peringatan kepada pesalah supaya tidak mengulangi kesilapan dan kesalahan. Dalam hukuman cambuk terdapat elemen dakwah yang memberi pengajaran, menjadi iktibar, sebagai nasihat dan pendidikan bagi semua orang di mana hukuman dilakukan di pekarangan Masjid yang dapat disaksikan oleh masyarakat umum telah menjadi mesej dakwah untuk penyedaran dan peringatan supaya tidak melakukan kesalahan hukum syariah.¹¹³

Mengikut hasil kajian mendapati pelaksanaan hukum cambuk selaras dengan program pelaksanaan Syariat Islam di Aceh sesuai pandangan hukum syariah untuk diberlakukan bagi memberi keinsafan, meningkatkan pemahaman dan bimbingan dapat membawa manfaat dalam membendung gejala sosial, telah menurun aktiviti kemaksiatan seperti pergaulan bebas, khalwāt dan berkurangnya jīnāyah. Hukuman cambuk merupakan hukuman sosial yang diterima pesalah akan teringat seumur hidup, maka masyarakat yang melihatnya akan menjadi iktibar dan pendidikan untuk tidak

¹¹² Nurdin Bakri, Pensyarah Fakulti Syari'ah Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Ar-Raniry Banda Aceh, Temubual 4 Januari 2009.

¹¹³ Fakhri, Pensyarah Fakulti Dakwah Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Ar-Raniry Banda Aceh, Temubual 5 Disember 2008.

melakukan kesalahan yang sama. Hukuman sosial akan lebih berat beban psikologi yang ditimbulkan dari hukuman fisik.¹¹⁴

Hukuman cambuk yang dijatuhkan Mahkamah Syar'iyah sangat tepat dan sesuai dengan pelaksanaan undang-undang syariah yang mengadung elemen dakwah telah membawa pengaruh dan kesan yang mendalam kerana dapat membimbing, memperingatkan dan mendidik masyarakat untuk mencegah kemungkaran dan menjauhkan diri dari kejahatan. Dampak dari hukuman cambuk dalam aktiviti masyarakat di tandai dengan penurunan tingkat kemaksiatan. Setidaknya masyarakat akan memperhitungkan dua tiga kali sebelum berbuat maksiat dan jika dilakukan sudah agak tersembunyi.¹¹⁵

Program membentuk Mahkamah Syar'iyah untuk menyelesaikan masalah masyarakat mengikut konsep hukum Islam seperti mengadili pesalah di Aceh telah sering dilakukan selama ini dengan hukuman cambuk bagi mereka yang terjebak dalam maksiat dan jīnāyah telah mampu meningkatkan keamanan dan ketertiban. Hukuman cambuk atau sebat merupakan hukuman baru yang dilaksanakan selepas perlakuan Syariat Islam merupakan suatu misi dakwah yang berkesan dengan tujuan untuk mendidik dan memberi kesedaran kepada pesalah supaya mereka insaf dan sedar atas kesalahan yang dilakukan supaya tidak diulangi lagi.¹¹⁶

Dilihat secara umum hukuman cambuk yang dijatuhkan Mahkamah Syar'iyah di Aceh belum mampu menjadi alat pengontrol sosial secara keseluruhan disebabkan yang

¹¹⁴ Arifin Zain (2007), *Op. Cit.*, h. 105.

¹¹⁵ Bustami Abubakar (2007), *Op. Cit.*, h. 118.

¹¹⁶ Nazaruddin Abdul Wahid., Dekan Fakulti Syari'ah Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Ar-Raniry Banda Aceh, Temubual 5 Disember 2008.

dicambuk baru pelaku maksiat masyarakat bawah dan kecil sementara kalangan elit tidak diambil tindakan. Masyarakat mencontohkan bahawa selama ini yang dikenakan hukuman cambuk pelaku khalwāt, maisīr dan khamar adalah masyarakat kecil. Realiti ini yang ikut mendorong lahirnya tuntutan masyarakat agar dibentuk kanun korupsi untuk menjerat pegawai pemerintah yang melakukan kejahatan korupsi, rasuah dan penyalahgunaan kuasa.¹¹⁷

Masyarakat menuntut kanun baru mengikut prinsip Islam yang lebih jujur dan adil seperti kanun jīnāyah dan korupsi yang dapat menghukum penjawat tinggi negara bukan hanya kanun tentang maisir (perjudian), kanun minum arak, kanun khalwāt yang melibatkan masyarakat biasa yang diambil tindakan. Kanun acara jīnāyah yang baru disahkan Dewan Perwakilan Rakyat (parlimen) Aceh 14 Disember 2009 adalah pelaku zina dengan status sudah menikah akan dikenakan rajam sampai mati.¹¹⁸ Menetapkan 100 kali cambuk bagi pelaku zina yang belum kahwin.¹¹⁹ Kanun ini sesuai dengan konsep hukum Islam, merupakan suatu mesej dakwah membawa nilai yang positif untuk mencegah kemungkaran dan melarang masyarakat melakukan kesalahan kerana bertentangan dengan ajaran Islam dan bagi masyarakat yang melakukan kesalahan akan diambil tindakan dan dihukum secara adil.

Mengikut kajian mendapati secara umum pelaksanaan hukum cambuk oleh Mahkamah Syar'iyah di Aceh belum sesuai dengan teori membangun masyarakat Islam secara adil dan jujur mengikut prinsip Islam. Hukuman Mahkamah Syar'iyah masih

¹¹⁷ Syahrizal Abbas (2009), *Syariat Islam di Aceh, Op. Cit.*, h. 98.

¹¹⁸ *Serambi Indonesia*, September 15, 2009, h.1, "DPR Aceh Sahkan Raqan Jinayah Penzina di Hukum Mati".

¹¹⁹ *Harian Aceh*, September 15, 2009, h 1, "Aceh Berlakukan Hukum Rajam".

terdapat kelemahan dalam penegakkan hukum belum sesuai dengan ajaran Islam, matlamat dakwah yang sebenar dan keinginan semua lapisan masyarakat kerana terdapat banyak pelanggaran syariat oleh elit politik dan penguasa dengan kasus khalwat gagal dihukum oleh Mahkamah Syar'iyah, apalagi korupsi, penipuan dan penyalah gunakuasa masih jauh dari hukuman.

Menurut pengamatan penulis, Pemerintah Aceh melalui Mahkamah Syar'iyah belum mampu menegakkan nilai hukum Islam secara adil dan jujur terhadap siapa saja yang melakukan pelanggaran harus melalui proses hukum sehingga hukuman belum menjadi misi dakwah untuk mencegah kejahatan dan kemungkaran. Dalam pelaksanaan hukuman penguasa dan elit politik yang membuat pelanggaran terlepas dari hukuman, maka Mahkamah Syar'iyah mendapat sorotan masyarakat kerana pemerintah Aceh tidak konsisten dalam melaksanakan hukuman. Pelaksanaan hukuman oleh Mahkamah Syar'iyah terutama hukuman sebat belum selaras dengan matlamat dakwah kerana belum dapat memberikan keadilan kepada semua lapisan masyarakat berasaskan hukum Islam dan pemerintah belum memiliki komitmen yang tinggi dalam menjalankan hukuman.

6). Program Melaksanakan Berpakaian Menutup Aurat

Berpakaian menutup aurat dalam masyarakat Aceh dilakukan mengikut prinsip Islam telah memberi kesan yang baik selaras dengan pandangan dakwah dan bersesuaian dengan program pelaksanaan hukum syariah untuk melahirkan masyarakat yang hidup dalam suasana keagamaan dan mempertinggi pengamalan ajaran Islam dalam kehidupan peribadi, keluarga dan masyarakat. Pada permulaan pelaksanaan undang-undang syariah di Aceh, dakwah yang paling awal, sangat penting dan menjadi

agenda utama dilakukan adalah menertibkan dan memastikan setiap orang Islam berpakaian menutup aurat terutama bagi perempuan wajib berbusana Islami dengan bertudung, pakaian tidak sempit dan tidak tembus pandang sesuai hukum syariah.

Pakaian yang menutup aurat menunjukkan seseorang melaksanakan hukum syariah sehingga terhindar dari gangguan, jauh dari perbuatan jahat, hidup dalam suasana aman, tenteram dan tidak mendatangkan bencana. Berpakaian menutup aurat selaras dengan ajaran Islam merupakan dakwah bil hal yang dapat menunjukkan contoh teladan, menampakkan tingkah laku, memperlihatkan budi pekerti yang luhur, membawa mesej yang baik, mempamerkan kesopanan, di mana pakaian menutup aurat menjadi ikutan masyarakat, maka kini tidak ada masyarakat Aceh yang berpakaian tidak selaras dengan ajaran Islam.¹²⁰

Bertudung dan pakaian menutup aurat bagi perempuan merupakan suatu ciri-ciri khas masyarakat Aceh, menjadi ukuran ketaatan dan sentiasa mencintai berpakaian mengikut ajaran Islam yang membawa misi dakwah sebagai pedoman bagi orang lain. Berpakaian menutup aurat sudah menjadi adat, tradisi sesuai hukum Islam dan selaras matlamat dakwah yang kelihatan lebih sopan, terhindar dari gejala sosial, lebih selamat, lebih bermarwah, terpelihara dari kejahatan, terhindar dari gangguan, dapat membawa keamanan, kesejahteraan dan kebajikan dalam masyarakat dan negara. Menutup aurat bagi perempuan bererti telah memenuhi seruan dakwah dapat menunjukkan contoh dan melaksanakan seruan ajaran Islam yang menunjukkan ciri-ciri muslimah yang taat dan memenuhi kewajiban syarak serta menutup aurat yang kemas bagi lelaki.

¹²⁰ Muhammad AR., Pensyarah Fakulti Tarbiyah Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Ar-Raniry Banda Aceh, Temubual 6 Disember 2007.

c. Program Membangun Akhlak Melalui Dakwah Pemerintah

Pemerintah Daerah Aceh telah menetapkan aturan tentang akhlak dalam pergaulan mengikut tuntunan Syariat Islam yang dituangkan dalam peraturan daerah. Dalam peraturan daerah disebutkan, pemerintah daerah Aceh dan institusi masyarakat berusaha mewujudkan tata pergaulan hidup menurut tutunan syariat Islam, baik dalam pemerintahan mahupun dalam kehidupan keluarga dan masyarakat. Pemerintah Aceh dan masyarakat berkewajiban mencegah segala sesuatu yang dapat mengakibatkan terjadi kerosakan akhlak dan setiap orang yang tinggal di Aceh berkewajiban untuk menjaga dan mentaati nilai-nilai kesopanan, kelayakan, berpatutan dalam pergaulan.

Pemerintah Aceh mengeluarkan peraturan tentang akhlak sangat baik yang membawa nilai positif supaya masyarakat berakhlak selaras dengan penerapan Syariat Islam di Aceh. Mewujudkan peraturan tentang akhlak menunjukkan perhatian dan keinginan pemerintah Aceh untuk membina akhlak yang mulia mengikut ajaran Islam dan membendung dari gejala yang merosakkan akhlak terutama generasi muda yang terpengaruh dengan kemajuan dunia moden. Peraturan daerah mengandungi nilai yang sangat baik sesuai dengan ajaran Islam, di mana pemerintah berhasrat untuk mengatur tata tertib pergaulan dan akhlak dalam kehidupan bermasyarakat sesuai dengan aturan dan tutunan Syariat Islam.¹²¹

Penerapan peraturan tentang akhlak, pemerintah telah membina akhlak terutama belia yang kurang bermoral, melakukan kekerasan, terlibat dadah dan menggunakan ubat terlarang sudah diambil tindakan, diberi nasihat dan dibina dengan akhlak yang mulia. Pemerintah Aceh telah memperkuatkan pendidikan dan memperluas pemantauan

¹²¹ Muhammad Ali, Pegawai Dinas Kebudayaan dan Pariwisata Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, Temubual 7 September 2009.

akhlak belia dan masyarakat dengan membentuk *Wilayatul Hisbah* (WH) atau polis syariat sebagai badan khas mengawasi tingkah laku masyarakat supaya selaras dengan Syariat Islam. *Wilayatul Hisbah* telah melakukan pemantauan dan pengawasan akhlak masyarakat seperti menertibkan pakaian yang kurang sopan, berbentuk sempit, terlalu ketat, terbuka aurat dan tidak sesuai dengan ajaran Islam. Pemantauan akhlak oleh WH dilakukan di tempat-tempat pelancongan supaya pengunjung berakhlak sopan santun, berpakaian Islami, tidak boleh berdua-duan tanpa muhrim, mengawasi tidak terjadi khalwat, tidak terlibat dadah, minuman keras dan sebagainya yang bercanggah dengan akhlak Islam.¹²²

Perlakuan akhlak disesuaikan dengan pelaksanaan Syariat Islam yang direalisasikan dalam pergaulan dan pelancongan di Aceh supaya menjadi pelancongan Islami selaras dengan penyebaran dan penerapan hukum syariah. Negeri Aceh yang terkenal masyarakatnya kuat mengamalkan ajaran Islam dan bersopan santun sangat sesuai mengembangkan pariwisata atau pelancongan Islami. Mengikut nilai-nilai Islam, maka pengembangan pelancongan di Aceh akan berorientasi kepada pelancongan dakwah, iaitu pelancongan untuk pengenalan dan apresiasi pengamalan agama dalam budaya akhlak yang dapat merangsang pikiran pelancong memikirkan tentang Islam dan ajarannya.¹²³

Daerah Aceh menjadi tujuan pelancongan yang unik, memiliki daya tarik yang semakin mempersona selaras dengan matlamat dakwah dengan pelancongan sopan santun, berakhlak dan menjadi percontohan dari pelaksanaan Syariat Islam di bandingkan dengan daerah lain. Banda Aceh menjadi kota pusaka di Indonesia dan

¹²² Muhammad Ridwan, Anggota Wilayatul Hisbah (Polis Syariat Islam) Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, Temubual 9Jun 2010.

¹²³ Badruzzaman Ismail (1990), *Op.Cit.*, h. 63.

bervisi bandar pelancongan Islami yang menyebarkan Syariat Islam, maka Aceh benar-benar telah menjadi tujuan pelancongan spiritual.¹²⁴ Pemerintah Aceh mengutamakan penerapan akhlak dalam pelancongan yang dilaksanakan di Aceh bersifat pelancongan Islami yang penuh dengan adat sopan santun, memberi keteladanan, memuliakan tamu, memelihara amanah, menepati janji, cinta damai, berkata benar, suka menolong dan sebagainya yang menjadi bahagian dari pola hidup muslim yang bersumber dari ajaran Islam telah direalisasikan dalam pelancongan Islami atau wisata spiritual yang menjadi daya tarikan bagi pelancong untuk berkunjung ke Aceh.¹²⁵

Pembinaan akhlak yang dilakukan oleh pemerintah dalam pergaulan dan pelancongan telah menurunkan jīnāyah dalam masyarakat, di mana pemerintah telah mengambil tindakan yang melanggar Syariat Islam seperti berjudi, minun minuman keras dan khalwat telah dilaksanakan hukuman sebat sehingga menjadi pengajaran bagi masyarakat supaya berakhlak dan bermoral sesuai dengan Syariat Islam. Penerapan akhlak yang dilakukan pemerintah baru berjalan terhadap masyarakat kecil sedangkan pengawasan yang jujur, adil dan lebih bertanggungjawab terhadap pegawai pemerintah yang melanggar akhlak dan kurang bermoral seperti melakukan korupsi, rasuah dan menyalah guna kuasa belum dilakukan tindakan secara tegas sesuai hukum syariat Islam.¹²⁶

Pembangunan akhlak dan moral pegawai pemerintah belum dilakukan oleh pemimpin mengikut ajaran Islam, belum terdapat pemimpin dan badan pencegah rasuah yang amanah, berani membela yang benar dan memiliki kriteria pemimpin Islam

¹²⁴ *Serambi Indonesia*, September 7, 2009: 2 “ Syariat Islam dan Visit Banda Aceh Yaer 2011”.

¹²⁵ Azhar Munthasir, Ketua Bidang Adat dan Nilai Budaya, Dinas Kebudayaan dan Pariwisata Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, Temubual 7 September 2009.

¹²⁶ Hasanuddin Yusuf Adan, Ketua Dewan Da’wah Islamiah Indonesia (DDII) Cawangan Aceh, Temubual 10 Disember 2007.

sebenarnya selaras dengan matlamat dakwah untuk mencegah kejahatan dan kemungkarannya. Hal ini terbukti pembinaan akhlak pemimpin masih jauh dari ajaran Islam belum ada pemimpin yang menjadi contoh, sebagai ikutan, dapat diteladani, tidak berbudi luhur, kurang beretika dan bermoral rendah sehingga dana pembangunan sering terjadi penyelewengan dan rasuah dalam pelbagai projek masih terjadi sehingga pembangunan kurang berkualiti tidak baik kerana pengawasan kurang berfungsi dan tidak tegas dalam mengambil tindakan kepada pegawai yang kurang berakhlak.

d. Program Membangun Intelektual Melalui Dakwah Pemerintah

Pemerintah turut membangun intelektual dan mengembangkan ilmu pengetahuan dengan menubuhkan stesyen televisyen dan radio milik pemerintah yang menyampaikan pelbagai informasi, pengumuman pemerintah, seruan untuk kepentingan rakyat dan berita terkini yang membawa nilai yang positif dalam menambah pengetahuan masyarakat. Pemerintah secara tidak langsung telah banyak membangun intelektual dengan menubuhkan pendidikan dari sekolah rendah sampai pengajian tinggi dan pemerintah telah memberi izin menubuhkan surat kabar, majalah dan televisyen oleh pihak swasta sesuai dengan prinsip Islam untuk mengembangkan intelektual atas persetujuan dan pemantauan dari pemerintah telah dapat membangun ilmu pengetahuan bagi mencerdaskan kehidupan modal insan.

Media seperti surat kabar, majalah dan televisyen atas persetujuan pemerintah telah memainkan peranan penting dan memiliki keunggulan dalam membangun intelektual dan mengembangkan ilmu pengetahuan bagi segenap lapisan masyarakat. Media surat kabar dan majalah sebagai media yang ampuh dalam melahirkan intelektual selaras dengan prinsip untuk menyebarkan ilmu pengetahuan dalam Islam

dengan menyampaikan berita yang baik dan informasi yang positif. Surat kabar yang sangat berperan dalam mendidik masyarakat Aceh untuk melahirkan intelektual antaranya, surat kabar Waspada, Serambi Indonesia, Harian Aceh, Rakyat Aceh dan lain-lain yang sentiasa di baca masyarakat, yang kini sudah masuk ke kampung pedalaman di Aceh.¹²⁷

Surat kabar dapat dibaca dan difahami sehingga membentuk intelektual dan mengembangkan ilmu pengetahuan dalam masyarakat Aceh kerana terdapat berita dan tulisan yang membawa misi dakwah seperti tentang pendidikan, rencana, opini, mimbar agama, laporan, bisnis, ekonomi, sastera, politik, sukan dan berita dunia, yang semua ini dapat menambah pengetahuan masyarakat. Surat kabar dan majalah yang terdapat di Aceh dapat meningkatkan pengetahuan yang membentuk intelektual sesuai teori membangun pengetahuan dalam Islam dengan menyajikan pelbagai berita dan peristiwa yang membuka pemikiran, meningkat pengetahuan, membuka minda dan cakrawala dengan memberi informasi dan maklumat terkini kepada masyarakat.

Media surat kabar yang terdapat di Aceh sentiasa membawa mesej yang mengadung pengetahuan seperti ruang rencana, opini, mimbar agama dan sebagainya dapat menambah idea dan pengetahuan yang dapat membangun intelektual masyarakat. Masyarakat Aceh yang sentiasa membaca surat kabar dapat menambah pengetahuan dan membentuk intelektual kerana mendapat berita tentang perkembangan teknologi semasa, memberi masukan mengenai pendidikan, politik, ekonomi dan menyajikan peristiwa yang terjadi, memaparkan suasana dunia dengan perkembangan semasa yang dapat menambah pemahaman dan pengalaman masyarakat.

¹²⁷ Muhammad Kasem Idris, Ketua Perpustakaan Pejabat Gubernur Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, Temubual 30 November 2007.

Media televisyen milik pemerintah dan swasta yang sangat praktis dalam menyajikan perlbagai berita dan peristiwa yang dapat ditonton secara langsung sangat efektif dan mengandung elemen dakwah dalam mengembangkan pengetahuan dan membangun intelektual masyarakat yang berperanan sama dengan surat kabar. Televisyen sangat berguna dalam mengembangkan pengetahuan masyarakat Aceh, di mana semua masyarakat telah terjangkau dengan siaran televisyen yang dapat meningkatkan intelektual. Media televisyen sangat ampuh dalam siarannya di mana masyarakat dapat melihat dengan mata apa yang terjadi dalam bentuk gambar dan dapat mendengar isi berita yang dapat memperdalam pemahaman dan mempertinggi pengetahuan.¹²⁸

Masyarakat Aceh telah dapat mempertinggi intelektual melalui media surat kabar, majalah, televisyen dan radio yang kini sudah dimiliki oleh sebahagian besar masyarakat dan telah menjangkau daerah pedalaman serta hampir semua masyarakat Aceh dapat membaca dan mendengar informasi untuk menambah pengetahuan. Media tulisan, televisyen dan radio telah memainkan peranan yang sangat penting dan utama dalam membangun intelektual dan mengembangkan pengetahuan sebagai sarana dakwah yang sangat berguna untuk semua lapisan masyarakat.

e. Program Membangun Fizikal atau Material Melalui Dakwah Pemerintah

Manusia sebagai pentadbir bumi menggalas tanggungjawab sesuai dengan konsep Islam memegang peranan khalifah yang bertugas untuk membangun dan

¹²⁸ Fakhri, Pensyarah Fakulti Dakwah Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Ar-Raniry Banda Aceh, Temubual 5 Disember 2009.

memakmurkan bumi. Untuk memakmurkan bumi manusia perlu merancang program pembangunan fizikal atau material di samping pembangunan moral bagi melengkapi dan menyempurnakan keperluan fitrah manusia mengikut ajaran Islam bagi memenuhi kesejahteraan hidup di bumi. Pembangunan sejagat untuk mencapai kesejahteraan manusia dalam kehidupan di bumi harus dibekali pembangunan fizikal dengan bangunan material yang membawa nilai positif dalam melengkapi kehidupan manusia. Manusia perlu merancang pembangunan material dengan bangunan sesuai dengan matlamat dakwah seperti perumahan, tempat kediaman untuk perlindungan, tempat bekerja dan pelbagai infrastruktur asas bagi mencapai kesejahteraan dalam usaha memakmurkan bumi. Pembangunan material yang dilakukan dalam masyarakat Aceh, antaranya ialah:

1). Program Membangun Fizikal Tubuh Badan yang Sihat

Program pembangunan fizikal masyarakat supaya sentiasa sihat telah dilakukan oleh pemerintah Aceh dengan membangun hospital, sekolah kesihatan, klinik, pusat kesihatan masyarakat (puskesmas) di Kecamatan (sub distrik) dengan menempatkan doktor dan jururawat yang sesuai supaya masyarakat dapat berbuat sesuai dengan prinsip Islam untuk hidup sentiasa sihat, lebih kuat dan panjang usia. Membangun kesihatan dilakukan sesuai dengan matlamat dakwah untuk memberi jaminan yang selamat dan sihat tubuh badan masyarakat bagi menikmati kehidupan sihat lahir dan batin maka pemerintah telah mengambangkan pelayanan kesihatan yang baik, pembiayaan sesuai keperluan dan menyediakan pelayanan kesihatan bagi seluruh masyarakat. Pemerintah menempatkan tenaga kesihatan yang profesional yang merata di seluruh daerah untuk melakukan pencegahan, mengendalikan penyakit, menjaga kesihatan persekitaran, peningkatan pelayanan kesihatan ibu dan anak, memperbaiki

gizi, memelihara kesihatan lanjut usia dan kesihatan jiwa sehingga pelayanan kesihatan lebih baik dan berkualiti.¹²⁹

Membangun kesihatan fizikal yang dilakukan pemerintah dan masyarakat Aceh sesuai mengikut teori Islam, hal ini terlihat masyarakat telah meningkat memelihara dan menjaga kesihatan sendiri supaya tidak lemah, tidak merusakkan diri, meningkatkan kehidupan yang sihat dengan makanan halal, bergizi dan bervitamin sehingga dapat menyegarkan minda, menyihatkan pemikiran, mengembangkan pengetahuan dengan membangun kehidupan yang layak dan berkualiti.¹³⁰ Pembangunan fizikal tubuh badan yang dilakukan masyarakat Aceh dapat menikmati kehidupan yang lebih sihat, dapat meningkatkan kualiti dalam berfikir dan bertindak, dapat melakukan pengamalan dalam ibadah dengan baik, dapat merancang program pembangunan untuk memakmurkan bumi, dapat melakukan pelbagai keperluan masyarakat dan kepentingan semasa.

2). Program Membangun Fizikal dan Infrastruktur Asas

Masyarakat memerlukan pembangunan infrastruktur asas untuk mencapai kesejahteraan dan kepentingan hidup dalam usaha memakmurkan bumi. Infrastruktur bangunan untuk kepentingan fizikal yang menjadi teras utama dalam membangun keperluan asas masyarakat sebagai nadi penyalur dan roda penggerak untuk meningkatkan perekonomian demi mencapai kemajuan, meningkatkan kesejahteraan dan kemakmuran. Pembangunan infrastruktur adalah membangun prasarana dengan baik dan berkualiti untuk meningkatkan usaha produktif masyarakat, pengembangan prasarana transportasi, prasarana pemukiman, kawasan perkotaan dan pedesaan, serta

¹²⁹ Pemerintah Aceh Tahun 2009, *Op. Cit.*, h. 24.

¹³⁰ Zainiah Muhammad Ali, Juru Rawat Hospital Meuraksa Banda Aceh, Temubual 8 Disember 2009.

membangun jalan, tata batas daerah yang terisolir dan penyelesaian hak-hak tanah secara adil dan seksama.¹³¹ Program pembangunan infrastruktur asas masyarakat yang sentaisa dibangun antaranya:

(a). Membangun Infrastruktur Asas Perumahan

Pembangunan infrastruktur asas masyarakat Aceh terutama rumah sebagai tempat kediaman sudah dilakukan sesuai dengan perkembangan masyarakat Islam semasa, di mana rumah kediaman kini sudah dibina dengan bangunan moden yang dilakukan oleh sebahagian masyarakat yang berada atau berkemampuan, masyarakat yang berkehidupan sederhana dan sebahagian lagi masyarakat miskin yang belum memiliki rumah yang sesuai untuk didiami dan dimiliki. Membangun rumah yang dilakukan oleh masyarakat Aceh mengikut perkembangan semasa sesuai dengan teori membangun dalam Islam kerana dapat membawa kebaikan, mendapat faedah, memperoleh manfaat dan memberi keselamatan dengan pembangunan kediaman untuk mencapai kepentingan hidup yang sejahtera, bahagia lahir dan batin serta memberi keseimbangan dan keselarasan antara keperluan duniawi dan ukhrawi.

Selain dari pada itu, pemerintah Aceh telah membangun perumahan untuk orang miskin di pelbagai kabupaten dan kota di seluruh Aceh sebagai rumah sihat sederhana, hal ini sesuai anjuran Islam dan selaras dengan matlamat dakwah untuk meringankan beban dan mensejahterakan orang miskin yang tidak memiliki rumah untuk didiami. Tanggungjawab pemerintah Aceh membangun infrastruktur asas keperluan rumah kepada orang miskin selaras dengan prinsip Islam untuk membasmi kemiskinan dan meningkatkan kemakmuran, hal telah dapat dibuktikan seperti pada anggaran

¹³¹ Pemerintah Nanggroe Aceh Darussalam Tahun 2007, *Op. Cit.*, h. 31.

pembangunan tahun 2008 telah membangun 3.955 unit rumah sihat sederhana untuk orang miskin.¹³²

Program membangun rumah untuk orang miskin yang tak memiliki rumah yang sesuai untuk didiami merupakan kewajiban pemerintah Aceh yang mengandung elemen dakwah kerana membawa kesejahteraan, membangun kemaslahatan untuk membantu mereka yang betul-betul tidak berkemampuan memiliki dan membuat rumah sendiri. Rumah harus dimiliki oleh setiap keluarga walaupun statusnya miskin, kerana rumah menjadi tempat berkumpul bagi para penghuninya yang biasanya merupakan suatu ikatan keluarga dan rumah dapat dijadikan indikasi bagi kesejahteraan pemiliknya.¹³³

Program membangun infrastruktur asas rumah telah dilaksanakan di setiap kampung secara berperingkat mengikut kepentingan yang utama dan mendesak sesuai dana yang tersedia setiap tahun. Membangun rumah untuk orang miskin juga telah dilakukan oleh pelbagai negara dan NGO asing bagi mereka yang miskin akibat terkena bencana tsunami dan rumah yang terbakat akibat konflik bersejata. Hal ini telah dapat dibuktikan bahawa, diperkirakan lebih 140.000 unit rumah bantuan negara asing telah dibangun di Aceh kepada orang miskin akibat gempa, tsunami dan konflik bersenjata.

Aktiviti membangun rumah sangat sesuai dengan perjuangan dakwah dan selaras dengan keperluan masyarakat Islam di Aceh yang ditimpa musibah dan bencana untuk mengurangkan penderitaan, meringankan kesengsaraan, kemelaratan yang kini telah membawa kesejahteraan dan kebahagiaan dengan memiliki rumah bantuan. Membangun rumah merupakan program untuk membasmi kemiskinan sesuai dengan

¹³² Pemerintah Aceh Tahun 2009, *Op. Cit.*, h. 103.

¹³³ Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam (2009), *Indikator Kesejahteraan Masyarakat*, Banda Aceh: Badan Pusat Statistik Provinsi NAD dan Badan Perencanaan Pembangunan Daerah Aceh, h. 38.

anjuran Islam untuk mengubah dan memperbaiki suasana masyarakat agar hidupan dalam keadaan aman, lebih sejahtera dan harmoni.

(b). Membangun Infrastruktur Jalan dan Jambatan

Program membangun infrastruktur jalan dan jambatan telah dilakukan oleh pemerintah Aceh dengan pembinaan, pemeliharaan, mentoring, evaluasi jalan, penanggulangan jalan kota merupakan program utama dan pembukaan jalan di kawasan terpencil sesuai dengan matlamat dakwah untuk menyediakan kepentingan dan keperluan masyarakat Aceh bagi meningkatkan kemakmuran dan kesejahteraan. Pembangunan, peningkatan dan pemeliharaan ruas jalan nasional, Provinsi, jalan Kabupaten dan jalan desa menjadi program utama serta membangun jalan yang menghubungkan Pantai Barat Tengah dan Timur untuk menghilangkan penghalang antara wilayah terisolir dalam rangka peningkatan ekonomi masyarakat.¹³⁴

Ruas jalan di Aceh masih terisolir banyak kawasan pedalaman di kabupaten dan kota yang belum memiliki sarana jalan yang memadai sesuai dengan keperluan masyarakat. Kerana itu pembangunan jalan pedalaman akan dilaksanakan secara perlahan dan terus dilakukan sesuai dengan rencana pembangunan jangka pendek dan menengah hingga 2012 mendatang.¹³⁵ Infrastruktur jalan dan jambatan di Aceh terutama di pedalaman masih ketinggalan tidak dapat di bangun disebabkan komplik berkepanjangan, kini pemerintah Aceh sudah giat berusaha untuk membangun jalan dan jambatan di pelbagai daerah selaras dengan matlamat dakwah untuk meningkatkan kesejahteraan dan memenuhi keperluan asas infrastruktur masyarakat Islam.

¹³⁴ Pemerintah Aceh Tahun 2009, *Op. Cit.*, h. 19.

¹³⁵ *Serambi Indonesia*, Disember 4, 2008: 5 "Jalan Pedalaman Jadi Prioritas".

Kini jalan utama di Aceh kondisinya sudah membaik sesuai dengan keperluan masyarakat Islam kerana pembangunannya telah mendapat dana yang besar dari pemerintah pusat, turut dibiayai oleh negara luar dan sejumlah NGO asing untuk membangun kembali Aceh terutama setelah tsunami sehingga pembangunan jalan telah dapat memperlancar arus transportasi masyarakat yang kini telah dapat menembusi suatu daerah terpencil dengan daerah lain telah membawa misi kebaikan dan nilai kesejahteraan. Mengikut kenyataan Dinas Bina Marga dan Cipta Karya yang bertugas membangun infrastruktur di Aceh yang dikutip *Serambi Indonesia*, bahawa pembangunan jalan tembus merupakan suatu program keutamaan pemerintah Aceh, dalam upaya membebaskan masyarakat yang sampai sekarang masih terisolasi oleh transportasi darat.¹³⁶

Program pembangunan infrastruktur asas jalan yang dilaksanakan oleh pemerintah selaras dengan keinginan dan keperluan masyarakat untuk membangun jalan dan jambatan yang sedang giat dilakukan, diperbaiki dan ditingkatkan yang mampu membuka potensi daerah sesuai dengan prinsip Islam untuk meningkat perekonomian masyarakat. Transportasi darat yang lancar dapat memberi ruang keterbukaan, mempercepat kemajuan, masuk maklumat pembaharuan yang memberi inspirasi kepada masyarakat untuk menikmati hasil pembangunan, dan berkeupayaan memperbaiki kualiti hidup dengan mengurangkan kemiskinan, meningkatkan kemakmuran dan merasai kesejahteraan. Membangun infrastruktur jalan dan jambatan mengandungi unsur-unsur kebajikan dan kesejahteraan selaras dengan matlamat dakwah untuk

¹³⁶ *Serambi Indonesia*, November 26, 2008: 1 “Pembangunan Jalan Tembus Tetap Dilanjutkan”.

mengubah situasi mencapai kemakmuran dan kesejahteraan dalam segala aspek kehidupan.¹³⁷

Membangun jalan, jambatan dan menjaganya dengan baik merupakan suatu usaha dakwah yang dapat membawa kebajikan dan menjadi suatu ibadah mengikut pandangan Islam, kerana dapat memperbaiki keadaan buruk kepada yang lebih baik yang mampu meningkatkan kesejahteraan dan kebahagiaan bagi masyarakat pengguna. Program membangun jalan untuk membuka daerah terpencil yang dilakukan oleh pemerintah Aceh merupakan tanggungjawab pemimpin untuk berlaku adil dan berkhidmat kepada masyarakat dengan menyediakan pelbagai kemudahan, sesuai anjuran Islam untuk menolong semua masyarakat yang masih bergelut dalam situasi kemiskinan, ketinggalan dan keterbelakangan kerana kurang tersedia infrastruktur.

Menurut pengamatan penulis, jalan yang sedia ada di Aceh terutama jalan Banda Aceh-Medan dan Barat-Selatan sudah baik dan sudah ditingkatkan kualitinya. Luas jalan masih kurang sesuai untuk digunakan mengikut perkembangan dan kemajuan masyarakat masa kini kerana ruas yang jalan sempit dan masih dalam satu jalur pulang dan pergi serta tidak selaras dengan pertambahan jumlah kenderaan, sehingga kecelakaan dan kematian di jalan raya sering terjadi. Jalan dan jambatan di pedalaman dan desa masih ketinggalan dan kualiti pembangunannya yang masih rendah kerana kurangnya pengawasan dan pemantuan dari pemerintah.

¹³⁷ Zainuddin Abdullah, Pegawai Bina Karya Aceh Utara, Temubual 10 Disember 2009.

(c). Membangun Infrastruktur Transportasi Laut

Pelabuhan laut di Aceh sebagian besar belum berfungsi dengan baik untuk mengekspor hasil sektor pertanian dan perkebunan sehingga belum sesuai dengan prinsip Islam untuk meningkatkan kesejahteraan dan kemakmuran masyarakat Aceh. Transportasi laut di Aceh belum mampu digunakan sebagai jalur membawa barang ke luar negeri, maka barang dari Aceh harus dibawa ke Medan Sumatera Utara untuk diekspor sehingga harga komoditi unggulan di Aceh bernilai rendah, menguntungkan tengkulak, merugikan petani yang mengakibatkan program untuk memakmurkan masyarakat berjalan lambat. Untuk meningkatkan harga komoditi pemerintah telah berusaha meningkatkan status pelabuhan Krueng Geukueh di Aceh Utara dan di Calang Aceh Jaya sebagai pelabuhan ekspor dengan menambah sejumlah sarana pendukung.¹³⁸

Pemerintah Aceh yang berkewajiban memikul tugas membangun transportasi laut yang baik dan sempurna sehingga pelabuhan laut perlu diperbaiki dan ditingkatkan di Aceh supaya sesuai kepentingan masyarakat Aceh belum berjalan dengan baik. Meningkatkan fungsi pelabuhan untuk memperbaiki pendapatan dalam pelayanan barang menuju tujuan dan mengurus arus barang dagangan untuk kepentingan impor-ekspor sehingga dapat meningkatkan harga barang dagangan yang mampu melonjakkan ekonomi masyarakat Islam yang merupakan tugas kebajikan yang harus dipikul oleh negara. Tersedia transportasi laut yang baik sangat sesuai dengan keperluan masyarakat Islam terutama untuk meningkat harga barang komoditi petani dan pekebun yang kebanyakannya miskin harus dibantu dan diurus oleh pemerintah merupakan tugas dakwah. Meningkatkan barang-barang ekspor sebagai usaha untuk memperbaiki ekonomi masyarakat Islam menuju kemakmuran dan kesejahteraan.

¹³⁸ *Serambi Indonesia*, Desember 6, 2007, 20 “Tengkulak Sering Kelabui Petani Aceh”.

(d). Membangun Transportasi Udara

Bandara internasional Iskandar Muda Banda Aceh sebagai transportasi udara utama di Aceh telah dilengkapi dengan infrastruktur moden merupakan suatu keberhasilan sebahagian dari usaha dakwah yang menarik dan memberi kesan yang baik kerana telah berjaya menghubungkan Aceh dengan daerah lain dan dunia internasional. Bandara ini telah dinaikkan status menjadi pelabuhan embarkasi atau pemberangkatan haji.¹³⁹ Lapangan terbang Malikussaleh di Lhokseumawe merupakan bandara kedua terpenting di Aceh sebagai transportasi udara pegawai syarikat pengeluar gas alam PT Aron, dan terdapat juga bandara lokal seperti Sabang, Meulaboh, Tapak Tuan dan Kuta Cane yang telah banyak memberi manfaat bagi masyarakat untuk menghubungkan kawasan itu dengan Banda Aceh dan Medan.

Transportasi udara suatu keperluan yang sangat utama yang harus disediakan oleh pemerintah untuk kesejahteraan masyarakat Islam yang banyak membawa manfaat dalam perjalanan jauh seperti menunaikan ibadah haji yang sentiasa memerlukan kepada keselamatan, kemudahan dan kesejahteraan dalam perjalanan sudah menjadi suatu kebajikan dan kewajiban.¹⁴⁰ Tersedia perhubungan udara yang baik selaras dengan matlamat dakwah untuk pembangunan infrastruktur yang membawa banyak kebaikan dan kesejahteraan bagi masyarakat disebabkan telah dapat mempermudah arus pelancongan dalam rangka mempererat kunjungan persaudaraan masyarakat Islam di

¹³⁹ M. Isa Sulaiman (2000), *Op. Cit.*, h. 121.

¹⁴⁰ Tabrani, Staf Biro Perekonomian Pejabat Gubernur Aceh, Temubual 6 Disember 2009.

Aceh dan memperkuat silaturrahim sesama famili seperti ke Medan, Jakarta dan Malaysia.

f. Program Membangun Sosial Melalui Dakwah Pemerintah

Program pembangunan sosial adalah program bantuan berkenaan kesejahteraan dan kepentingan masyarakat banyak merupakan bahagian dari ajaran Islam dan mengandung nilai dakwah untuk membawa kesejahteraan dan kemakmuran. Pembangunan sosial yang biasanya dilakukan oleh pemerintah, organisasi Islam dan masyarakat sendiri untuk membekali keperluan asas dan memperbaiki kesejahteraan masyarakat yang memerlukan. Program sosial dapat memberikan motivasi untuk mencapai kemajuan dan bantuan yang berkait rapat dengan ajaran Islam dan selaras dengan program dakwah untuk memperjuangkan kebenaran, nilai kemanusiaan dan hak masyarakat bagi mensejahterakan kehidupan sosial.

Kehidupan sosial masyarakat Aceh sebahagian sudah mengalami kehidupan yang baik dan lebih sempurna, sebahagian lagi masih mengalami pelbagai permasalahan kehidupan sebagai penyandang masalah kesejahteraan sosial yang memerlukan bantuan dan perlindungan. Bantuan sosial yang sentiasa diberikan mengandung nilai dan misi dakwah terdiri dari bantuan kewangan, pendidikan, bimbingan, penyuluhan, pelatihan kepakaran, alat bantuan, barang keperluan harian, ubat-ubatan, perlindungan dan pemecahan masalah selaras dengan keperluan dan kepentingan masyarakat Islam. Bantuan kesejahteraan sosial sentiasa diberikan oleh dinas sosial menurut kemampuan yang ada, menurut keperluan mendesak dan yang terparah serta pemecahan masalah

yang segera diperlukan.¹⁴¹ Program bantuan sosial yang sentiasa diberikan pemerintah Aceh melalui Dinas Sosial kepada penyandang masalah kesejahteraan sosial, antaranya:

1). Program Bantuan Sosial Untuk Fakir Miskin

Pemerintah Aceh telah membantu fakir miskin dengan program manajemen usaha bagi fakir-miskin, pelatihan ketrampilan, bantuan perumahan, program pemberdayaan ekonomi fakir miskin.¹⁴² Bantuan yang diberikan untuk orang miskin merupakan suatu kebajikan dan usaha pembelaan yang mengandung nilai dakwah untuk membangun umat Islam supaya meringankan beban agar dapat menjamin kemudahan kehidupan, memastikan kesejahteraan menuju ke arah yang lebih baik setelah mendapat pelayanan dan bantuan sosial.

Program membasmi kemiskinan merupakan suatu amalan kebajikan sesuai dengan misi dakwah untuk merubah nasib dan membantu orang miskin yang sentiasa dilakukan oleh masyarakat dan pemerintah Aceh untuk menolong mereka yang tidak berkeupayaan dan berkemampuan. Program membasmi kemiskinan merupakan salah satu kewajiban mengikut ajaran Islam yang mesti ditunaikan secara mantap dan berkesan untuk memperbaiki taraf hidup masyarakat. Pemerintah Aceh sentiasa merancang program meningkatkan keupayaan ekonomi masyarakat, perluasan kesempatan kerja dan penanggulangan kemiskinan.¹⁴³

¹⁴¹ Ridwan Madyah, Wakil Kepala Dinas Sosial dan Tenaga Kerja Kabupaten Pidie, Temubual 15 Desember 2008.

¹⁴² Pemerintah Aceh Tahun 2009., *Op. Cit.*, h. 254.

¹⁴³ *I b I d.*, h. 20

Program meningkatkan keupayaan ekonomi masyarakat miskin dengan memberi modal usaha merupakan bahagian dari tugas dakwah yang berusaha menolong untuk meningkatkan kemampuan, memperkuat keupayaan, memperbaiki kualiti dan merubah identiti masyarakat miskin supaya dapat memecahkan permasalahan, mengurangkan kesulitan dan kesukaran yang mereka dihadapi. Program memberi modal usaha selaras dengan matlamat dakwah untuk memecahkan persoalan ekonomi dengan memberi petunjuk kepada mereka untuk menuju kearah hidup yang lebih baik, bahagia dan sejahtera selaras dengan nilai-nilai kemanusiaan untuk hidup layak dan meningkatkan mertabat kedudukan masyarakat Islam.¹⁴⁴

Program ekonomi produktif dengan memberi modal usaha bagi masyarakat miskin merupakan suatu tindakan terpuji sesuai dengan prinsip Islam, hal ini dapat dilihat perhatian pemerintah cukup besar untuk mengubah keadaan dan membela nasib bagi membantu dan menolong mereka yang memerlukan agar keluar dari kepompong kemiskinan. Dalam memberi modal usaha pemerintah juga mengadakan aktiviti yang mengandungi elemen dakwah untuk meningkatkan kualiti modal insan seperti memberi pelatihan, pendidikan, penyedaran, bimbingan, tunjuk ajar, khidmat nasihat untuk mengembangkan modal usaha dengan bekal pengetahuan supaya dapat berkembang dalam mengendalikan ekonomi. Memberi pengetahuan dinilai tinggi dari aspek Islam berbanding memberi modal usaha kerana pengetahuan merupakan petunjuk jalan, memberi pemahaman yang menjadi bekal dan strategi bermanfaat yang dapat digunakan berterusan dalam mengembangkan modal usaha sehingga suatu saat mereka dapat keluar dari belenggu kemiskinan.

¹⁴⁴ *Ibid.*, h. 249.

Program meningkatkan potensi pertanian difokuskan pada pengembangan komoditi unggulan terutama padi dan hasil perkebunan yang kini sedang diusahakan pemerintah sebagai usaha dakwah untuk membawa dan mendorong pengembangan industri pengolahan hasil pertanian, perkebunan supaya lebih berhasil dan berkembang maju. Pertanian merupakan komoditi unggulan yang paling strategis di Aceh adalah beras (padi sawah) kerana ia mampu menjamin keperluan pangan masyarakat dan membuka peluang membasmi kemiskinan.¹⁴⁵

Sektor pertanian merupakan sektor unggulan perekonomian Aceh. Pada sektor pertanian subsektor yang paling menonjol kontribusinya adalah tanaman bahan makanan.¹⁴⁶ Pemerintah Aceh melaksanakan program meningkatkan teknologi pertanian dengan menyediakan pelbagai alat dan mesin pertanian, meningkatkan mutu produksi pertanian, menyediakan pupuk anorganik yang ramah lingkungan, pertambahan produksi pada lahan sawah baru dan terlantar, tersedia sarana jalan dan tersedianya air bagi lahan sawah.¹⁴⁷

Pemerintah Aceh sentiasa memberikan perhatian khusus untuk kesejahteraan petani merupakan sebahagian dari prinsip Islam dan misi dakwah seperti menyediakan irigasi yang baik, bibit unggul, pemupukan, bimbingan, penyuluhan dan meningkatkan teknologi asas tani untuk mempertinggi pendapatan dan meningkatkan kemakmuran. Program meningkatkan pertanian dan perikanan dilakukan sangat baik mengandungi elemen dakwah untuk lebih produktif kerana dilaksanakan dengan memberikan penyuluhan, melakukan bimbingan, meningkatkan pengetahuan, menambah kemahiran

¹⁴⁵ *Serambi Indonesia*, Februari 29, 2008, 15 “Komoditas Padi Unggulan Aceh Strategis Untuk Kurangi Kemiskinan”.

¹⁴⁶ Badan Pusat Statistik dan Bappeda (2008), *Produk Domestik Regional Bruto (Gross Regional Domestic Product) Aceh 2005-2008*, Banda Aceh: Badan Pusat Statistik dan Bappeda, h. 32.

¹⁴⁷ Pemerintah Aceh Tahun 2009, *Op. Cit.*, h. 280.

dan kepakaran untuk mempertinggi hasil usaha supaya dapat membasmi kemiskinan di kalangan masyarakat Islam.

Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam pertanian dan perikanan dengan bimbingan, penyuluhan dan praktikal merupakan tugas dakwah kerana didalamnya mengandung nilai kebajikan yang dimulai dari menyampaikan ilmu pengetahuan yang dapat merubah situasi masyarakat miskin menuju ke arah perbaikan ekonomi dan boleh meningkatkan kemakmuran. Tugas meningkat pengetahuan, pemahaman, kajian dan pengajaran untuk mempertinggi hasil usaha pertanian seiring dengan misi dakwah iaitu berusaha merubah kehidupan dengan pendekatan dan pengorbanan nyata yang hasilnya dapat dirasakan oleh golongan petani.

Program sosial membantu fakir-miskin selaras dengan konsep dakwah untuk membawa kebaikan dan kesejahteraan seperti dilihat di mana pemerintah dan pihak swasta telah membangun rumah untuk membantu fakir-miskin, memberi modal usaha dan mengadakan pelatihan, bimbingan dan penyuluhan untuk menguatkan keyakinan dan disokong dengan menambah pengetahuan dalam memberi jalan keluar bagi masyarakat miskin untuk memecahkan persoalan bagi meneruskan kehidupan. Program bantuan masyarakat miskin yang sesuai dengan konsep Islam dapat dilihat di mana mereka mendapat hak dari bantuan sosial, bantuan wang zakat dan wang ikhsan yang diberikan oleh pemerintah, pihak swasta dan masyarakat yang mampu membawa kepada kesejahteraan yang dapat diaplikasikan dalam segala aspek kehidupan.¹⁴⁸ Usaha meningkatkan pengetahuan bagi orang miskin dengan memberi pendidikan, meningkatkan pemahaman, memberi petunjuk jalan, melakukan bimbingan sebagai

¹⁴⁸ Gade Salam, Bupati Kabupaten Pidie Jaya, Temubual 10 September 2009.

aktiviti memperbaiki potensi modal insan yang lebih bermutu selaras dengan matlamat dakwah yang menghendaki terwujud masyarakat yang makmur, sejahtera dan bahagia.

2). Program Bantuan Sosial Untuk Anak Bermasalah

Program sosial yang dilaksanakan pemerintah Aceh untuk membantu anak terlantar, anak jalanan, anak nakal dan anak yatim, sesuai dengan program dakwah kerana aktiviti yang dilakukan dapat membawa kebaikan dan membangun kesejahteraan melalui usaha untuk merubah nasib mereka, menyelamatkan dari kerosakan dengan memberikan pendidikan, merubah pemikiran, memalingkan pandangan, memberi nasihat yang baik, mengadakan pelatihan dan pembinaan mengikut petunjuk Islam. Bantuan pemerintah untuk anak bermasalah dilakukan sesuai dengan prinsip Islam dalam membangun modal insan yang lebih baik, hal ini dapat dilihat mereka diberikan perlindungan di panti asuhan milik pemerintah di bawah pengawasan Dinas Sosial, mereka diberikan pendidikan dari sekolah rendah sampai sekolah menengah atas, pelatihan bagi belia putus sekolah dengan biaya pemerintah.¹⁴⁹

Usaha mengembalikan anak telantar, anak jalanan, anak nakal dan anak yatim yang banyak terdapat di Aceh akibat konflik bersenjata dan tsunami yang banyak dikendalikan oleh NGO dan masyarakat yang dilakukan pembinaan mengikut prinsip Islam dan sesuai dengan matlamat dakwah dengan memberikan pengetahuan agama, pembinaan moral, memperbaiki akhlak, memberikan bimbingan, penyadaran dan

¹⁴⁹ Lihat Aktiviti yang Dilakukan, Pemerintah Aceh Tahun 2009, *Op. Cit.*, h. 254.

keyakinan serta memperbaiki kesalahan dan kesilapan supaya mereka dapat kembali ke jalan kebenaran dan mengerjakan kebajikan. Pembinaan anak yang tidak bernasib baik terutama anak yatim yang ditempatkan di panti asuhan dan memberi pendidikan selaras mengikut pendekatan dakwah untuk memperbaiki kualiti modal insan yang masih punya potensi besar bagi meneruskan kehidupan supaya dapat kembali pada jalan kebaikan dan kebenaran.¹⁵⁰

Anak tidak bernasib baik seperti anak jalanan, anak terlantar, anak cacat korban bencana telah menjadi tanggungjawab pemerintah, NGO dan masyarakat untuk mempertinggi kehidupan mereka mengikut petunjuk dakwah Islam kerana mereka punya potensi untuk membangun modal insan yang berpengetahuan dan melahirkan pemimpin masa depan yang lebih cerah. Program bantuan sosial yang telah dilakukan merupakan bahagian dari mesej Islam dan mengandungi elemen dakwah, di mana aktivitinya dikhaskan untuk memastikan nasib terbelah dan memperbaiki taraf hidup anak agar memperoleh kesejahteraan sosial supaya mampu mengharungi cabaran kehidupan di masa hadapan.

3). Program Bantuan Sosial Untuk Orang Kurang Upaya

Program membantu orang tua berpenyakit, penyakit kronik dan cacat sebagai orang kurang upaya telah dilakukan selaras dengan anjuran Islam dan mengikut matlamat dakwah kerana diberikan bantuan untuk mengurangkan beban, meningkatkan pelayanan kesejahteraan masyarakat dan memperbaiki kemampuan mereka seperti memberi pengubatan percuma bagi orang tua yang berpenyakit. Bagi orang yang

¹⁵⁰ Abdullah Abdul Wahab, Ketua Yayasan Pembangunan Anak Yatim Antar Bangsa Banda Aceh, Temubual 15 Disember 2009.

berpenyakit kronik seperti penyakit kusta diberi ubat percuma dan sentiasa diawasi sampai penyakitnya sembuh. Bagi orang cacat diberi bantuan sesuai dengan kadar cacat yang dialaminya seperti memberi kurusi roda dan membekalkan pengetahuan untuk meningkatkan kemampuannya mengandungi nilai dakwah kerana mengubah nasib dan memperjuangkan nilai kemanusiaan.¹⁵¹

Program bantuan orang lanjut usia dan kurang upaya dilakukan selaras dengan konsep Islam dan misi dakwah untuk membangun kemampuan mereka supaya kehidupan lebih terbelak dengan diberikan pelatihan dan pendidikan kepada mereka dapat membawa banyak manfaat dan faedah dalam mengembangkan bakat, ketrampilan dan menyalurkan keinginan untuk melanjutkan kehidupan yang wajar terutama bagi yang berpenyakit kronik dan cacat.

4). Program Bantuan Sosial Untuk Bencana Alam

Bantuan untuk masyarakat yang ditimpa musibah sentiasa diberikan seperti banjir, tanah longsor, kebakaran, gempa dan tsunami sebagai bantuan sosial yang mengandungi misi dakwah untuk meringankan beban, mengurangkan kesengsaraan dan mengembalikan kesejahteraan. Bantuan bencana alam sentiasa dilakukan sesuai dengan anjuran Islam kerana diberikan bantuan pertama dan pertolongan segera bagi mangsa bencana dan musibah. Pemerintah Aceh berkewajiban mengupaya penanganan dan penanggulangan mangsa bencana alam dan sosial serta membaikpulih sarana awam dan membantu membaikpulih harta benda masyarakat yang hancur akibat bencana.¹⁵²

¹⁵¹ Ridwan Madyah, Wakil Ketua Dinas Sosial dan Tenaga Kerja Kabupaten Pidie Jaya, Temubual 15 Disember 2008.

¹⁵² Undang-Undang Tentang Pemerintahan Aceh No. 11, *Op. Cit.*, Bab XXXII, Pasal 223 (1), 2006).

Membantu mangsa bencana alam merupakan suatu kewajiban dalam Islam yang merupakan tugas suci dan mulia yang mengandung nilai dakwah dan moral untuk meningkatkan kesejahteraan bagi menolong sesama masyarakat terutama mereka yang ditimpa musibah. Bantuan bagi bencana bagi mangsa musibah menimbulkan rasa belaskasihan dan dapat menguatkan rasa simpati dan keperdulian dalam membantu para korban akan memperkuat rasa keislaman, semakin mengikat tali persatuan, sifat persaudaraan dan membentuk kerja sama erat sesama masyarakat yang bergandeng bahu dalam usaha saling membantu merupakan bahagian dari ajaran Islam dan misi dakwah untuk menolong mereka yang tidak bernasib baik kerana di timpa bencana.

5). Program Bantuan Sosial Masyarakat Bermasalah

Masyarakat bermasalah terdiri dari korban penyalahgunaan dadah, keluarga bermasalah psikologi, tuna susila, gelandangan dan pengemis, masyarakat terasing, bekas nara pidana, wanita rawan ekonomi dan perintis kemerdekaan.¹⁵³ Bantuan yang diperuntukkan kepada golongan ini selaras dengan prinsip Islam untuk membangun kembali kesejahteraan seperti pemulihan akhlak, penyadaran, konseling, memberikan pendidikan dan pemahaman tentang bahaya dadah bagi korban penyalahgunaan dadah. Program dilakukan dengan penyediaan sarana dan prasarana penunjang melalui pembinaan dana otonomi khusus, memberikan pendidikan dan pelatihan ketrampilan berusaha bagi gelandangan dan pengemis.¹⁵⁴

Bantuan yang telah diagihkan kepada pelbagai korban penyandang masalah sosial mengikut keperluan mengandung elemen dakwah seperti bantuan kewangan,

¹⁵³ Data Dinas Sosial Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, Rekapitulasi Data Penyandang Masalah Kesejahteraan Sosial dari Kabupaten dan Kota tahun 2008.

¹⁵⁴ Pemerintah Aceh Tahun 2009, *Op. Cit.*, h. 255.

bantuan asas, pendidikan, pengembangan bakat dan ketrampilan, penyuluhan, keperluan harian, ubat-ubatan dan pemecahan masalah sesuai dengan ajaran Islam. Bantuan yang diberikan selaras dengan matalamat dakwah kerana terdapat usaha menambah keyakinan, memperbaiki moral, sikap dan kebiasaan dalam keburukan untuk membawa kepada jalan kebajikan dan kebenaran. Penyandang masalah sosial memerlukan perhatian dan pertolongan untuk membangkitkan semangat, membina kembali kekuatan, mendapat pembelaan untuk meneruskan kehidupan serta melanjutkan keinginan mengikut jalan yang benar merupakan sebahagian dari aktiviti dakwah.

g. Program Pembangunan Ekonomi Melalui Dakwah Pemerintah

Pemerintah Aceh telah membangun kembali infrastruktur perekonomian di seluruh Aceh. Membangun ekonomi merupakan usaha dakwah untuk mewujudkan masyarakat makmur dan sejahtera sehingga seluruh teritorial Aceh dapat menjadi wawasan satu kesatuan politik dan satu kesatuan ekonomi mengikut pendekatan Syariat Islam. Ekonomi Aceh telah mengalami kehancuran dan kemunduran akibat konflik politik yang begitu lama dan kehancuran akibat dihentam tsunami yang perlu dibangun kembali mengikut prinsip dakwah secara adil dan jujur untuk membangun kembali kemakmuran dan kesejahteraan masyarakat. Kini setelah perjanjian damai tercapai, pemerintah Aceh akan memberikan perhatian khusus pada pengembangan ekonomi kerakyatan untuk mencapai kemakmuran dan keadilan dibidang ekonomi.¹⁵⁵

Pembangunan ekonomi Aceh untuk mencapai matlamatnya iaitu, meningkatkan perekonomian untuk digunakan bagi kesejahteraan dan kemakmuran masyarakat serta menjadikan Aceh sebagai negeri yang aman dan makmur sesuai dengan matlamat

¹⁵⁵ Pemerintah Aceh Tahun 2009, *Op. Cit.*, h. 13.

dakwah. Pembangunan ekonomi dinilai dari perspektif dakwah merupakan bahagian dari kerja ibadah yang mendapat ganjaran dunia dan akhirat, kerana pembangunan ekonomi bermuara kepada kebajikan dan kemakmuran yang melahirkan masyarakat bahagia, sejahtera yang disokong oleh program pelaksanaan Syariat Islam di Aceh. Program membangun ekonomi yang dilakukan pemerintah Aceh melalui beberapa program antaranya: melalui pembahagian pendapatan yang adil, menaik taraf wilayah, membantu masyarakat miskin, meningkatkan potensi pertanian, bantuan dari negara asing, dan bantuan reintegrasi dengan huraian sebagai berikut:

1). Program Membangun Ekonomi dari Pembahagian Pendapatan yang Adil

Program pembahagian pendapatan telah dilakukan mengikut hasil kekayaan alam Aceh sesuai seruan dakwah yang dilaksanakan secara adil untuk melonjakkan peningkatan ekonomi dan dapat mencerahkan kehidupan masa depan masyarakat Aceh yang diperoleh setelah dimaterai perjanjian damai antara GAM dan Pemerintah Indonesia pada tahun 2005. Perjanjian damai sepakat mengakhiri permusuhan sangat baik sesuai mengikut konsep Islam untuk mencapai perdamaian dan keamanan demi kepentingan masyarakat dengan imbalan Aceh memperoleh hak otonomi luas dan mendapat anggaran pendapatan yang lebih besar dan adil. Sebelumnya beberapa permintaan Aceh tidak diperhatikan oleh pemerintah pusat, khususnya masalah pembahagian sumber daya alam, minyak dan gas bumi serta urusan pemerintahan. Sejak puluhan tahun Aceh hanya menerima subsidi yang sangat kecil, tidak seberapa lewat dana bantuan kesejahteraan masyarakat melalui perusahaan nasional dan multinasional yang beroperasi di Aceh.¹⁵⁶

¹⁵⁶ Ibrahim Badan (2008), *Op. Cit.*, h. 118.

Pembahagian pendapat mengikut kekayaan alam Aceh secara adil selaras dengan mesej dakwah sebagai pengiktirafan dari tanggungjawab dan kewajiban pemerintah pusat untuk membawa perubahan dan kemajuan yang dapat menyumbang bagi melonjakkan pembangunan di pelbagai sektor yang kini majoriti masyarakat Aceh sudah mulai menikmati kehidupan yang layak dan wajar menuju negeri yang aman, damai dan makmur. Dengan pendapatan yang adil pemerintah Aceh, ulama berkewajiban membangun masyarakat Aceh kembali sesuai dengan misi dakwah secara lebih bermoral, beradat, bermertabat dan berperadaban di bawah tuntunan Allah s.w.t dengan perlakuan Syariat Islam. Dengan demikian diharapkan terwujudnya pembangunan masyarakat Aceh yang maju, adil, bermertabat dan sejahtera dunia dan akhirat dalam pelbagai sektor kehidupan.¹⁵⁷

Program pembahagian pendapatan yang adil yang dilakukan di Aceh sesuai dengan teori membangun ekonomi dalam Islam yang bertujuan untuk memperkasa ekonomi, memperluaskan kesempatan kerja, menanggulangi kemiskinan, membangun infrastruktur asas, meningkatkan pembangunan pendidikan, mewujudkan pelayanan kesihatan yang lebih baik, pelaksanaan Syariat Islam yang sempurna, dan memperbaiki kesejahteraan sosial untuk membela nasib masyarakat. Pembahagian pendapatan yang adil selaras dengan matlamat dakwah untuk mewujudkan kemakmuran dan perpaduan seperti dirancang pemerintah Aceh bahawa sehingga pada tahun 2012, Aceh akan tumbuh menjadi negeri makmur yang berkeadilan dan adil dalam kemakmuran.¹⁵⁸

Menurut hasil kajian mendapati, program keadilan pendapatan yang dilakukan pemerintah sesuai dengan konsep Islam yang kini telah memberi impak yang baik dan

¹⁵⁷ Zaki Fuad (2007), *Op. Cit.*, h. 114.

¹⁵⁸ Pemerintah Aceh Tahun 2009, *Op. Cit.*, h. 11.

positif dalam membangun di mana pemerintah telah menjunjung tinggi undang-undang syariah dengan melaksanakan kebenaran dan kejujuran yang memuaskan hati masyarakat Aceh sehingga telah dapat merangka hala tuju masa depan yang lebih baik dan terarah. Pembahagian pendapatan yang adil merupakan tindakan bijaksana, dipandang mulia, disanjung tinggi sesuai dengan teori membangun dalam Islam untuk memperkukuh semangat kebersamaan dan hidup dalam suasana keharmonian, hal ini terbukti hasil pembangunan mulai dinikmati masyarakat yang terus membangun dalam keadaan aman damai, tidak ada sengketa baru.

Memperoleh pendapatan dalam pembahagian ekonomi secara adil dari pemerintah pusat merupakan perjuangan dakwah kerana pemerintah pusat telah menunaikan tanggungjawab secara telus, bersikap jujur, ikhlas, bersifat terpuji, penuh hikmah, melaksanakan amanah secara berkeadilan, melakukan nilai etika moral secara benar dengan tidak lagi melakukan kezaliman sesuai dengan ajaran Islam. Keadilan yang telah dapat mengubah wajah masyarakat Aceh dari kemiskinan, merangka agenda baru menuju kemakmuran, meningkatkan kesejahteraan, mengekalkan nilai keamanan, tercipta kedamaian, mengukuhkan keharmonian, meningkatkan perpaduan dan kemajuan dalam segala aspek kehidupan masyarakat.¹⁵⁹

Program keadilan dalam pembahagian pendapatan yang dimaterai pemerintah pusat dan Aceh sangat sesuai dengan acuan Islam untuk menjayakan matlamat ekonomi bagi menuju kemakmuran dan kesejahteraan. Mendapat keadilan mengikut kekayaan alam merupakan usaha dakwah yang disambut perasaan syukur dan rasa gembira oleh masyarakat Aceh sebagai suatu kemenangan dan keberhasilan dalam membangun

¹⁵⁹ Sabri Abdul Majid, Pensyarah Fakulti Ekonomi Universiti Syiah Kuala Banda Aceh, Temubual 18 Jun 2009.

ekonomi. Pemerintah pusat telah menunaikan janji, menunjukkan contoh teladan yang baik, melaksanakan tindakan kesamarataan, menampakkan sifat kebijaksanaan yang mengandung prinsip Islam di mana Islam menganjurkan berlaku adil kepada siapapun, dalam segala aktiviti, apalagi untuk keperluan dan kepentingan masyarakat.¹⁶⁰

Pendapatan yang diterima pemerintah Aceh yang secara adil dan sah sesuai dengan seruan dakwah, pelaksanaan Syariat Islam dan selaras dengan profil masyarakat Aceh yang sangat kuat berpegang pada ajaran Islam, di mana pendapat yang diterima secara adil hanya dari sumber yang halal terdiri dari pendapatan asli daerah, dana perimbangan, dana otonomi khusus, dari sumber zakat, infak, sedakah, dana hibah dan lain-lain pendapatan yang sah.¹⁶¹ Oleh itu, pendapatan yang diterima pemerintah Aceh selaras mengikut pandangan agama dan hukum syarak, maka tidak ada pendapatan yang diterima dari sumber haram seperti hasil dari judi, hasil arak, tempat pelacuran, club malam dan tempat maksiat lainnya, kerana tempat semacam ini tidak terdapat di Aceh.

2). Program Membangun Ekonomi dari Pendapatan Pelbagai Sumber

Dengan pelaksanaan otonomi khusus bagi negeri Aceh maka anggaran pendapatan pemerintah Aceh sudah diterima dari pelbagai sumber sesuai dengan prinsip Islam untuk meningkatkan kemakmuran dengan biaya yang cukup besar yang belum pernah terjadi sebelumnya sebagai mercu kejayaan dengan inapak yang lebih tinggi dalam melaksanakan pembangunan di Aceh. Anggaran yang cukup besar itu pada tahun-tahun awal penerimaannya tidak mampu digunakan semaksimal mungkin dan tidak habis diprogramkan untuk projek pembangunan dalam masa satu tahun. Pemerintah Aceh kewalahan menghabiskan biaya yang cukup besar walaupun banyak projek

¹⁶⁰ Darni Daud, Rektor Unversiti Syiah Kuala Banda Aceh, Temubual 10 Disember 2008.

¹⁶¹ Pemerintah Aceh Tahun 2009, *Op. Cit.*, h. 34.

pembangunan yang perlu dibangun kerana kurang tenaga keahlian dan kepakaran dalam merancang program pembangunan. Pendapatan dari pelbagai sumber yang sangat besar dan lebih adil diterima pemerintah Aceh dapat dilihat pada pendapatan tahun 2008 sebagaimana tertara dalam judul di bawah ini.

Judual 3

Target dan Realisasi Pendapatan Aceh Tahun Anggaran 2008

No	Huraian	Rencana (Rp)	Realisasi (Rp)	%
1	2	3	4	5
1	Pendapatan asli	795.709.401.264,00	721.708.102.681,10	90,70%
2	Dana perimbangan	2.251.913.117.000,00	2.599.913.845.232,00	115,45%
3	Dana otonomi khusus	3.590.142.898.000,00	3.590.142.897.000,00	100,00%
4	Lain-lain yang sah	7.000.000.000,00	0,00	0,00%
	Jumlah	6.644.765.416.264,00	6.911.764.844.913,00	104,00%

Sumber data: Pemerintah Aceh Tahun 2009, Laporan Keterangan Pertanggungjawaban Gubernur Aceh Tahun 2008, Banda Aceh: Pemerintah Aceh, h. 34.

Pendapatan ekonomi yang diterima pemerintah Aceh antaranya bersumber dari:

(a). Program Membangun Ekonomi dari Pendapatan Asli

Program pembahagian pendapat asli yang lebih besar dan adil diterima sesuai dengan prinsip Islam dan misi dakwah yang diperuntukan bagi Aceh disebabkan sudah lama terpuruk dalam situasi konflik bersenjata dan bencana tsunami serta selaras dengan fungsi daerah yang diberi kuasa otonomi yang luas untuk membangun rumah tangga sendiri dan menggali potensi daerah bagi pencapaian kemajuan ekonomi. Program pembahagian pendapatan asli seperti tersebut di atas menjadi suatu nilai sangat baik,

mengandung unsur-unsur positif dan strategis selaras dengan tuntutan dakwah kerana mendapat hak penentuan nasib sendiri untuk mengembangkan sumber potensi daerah yang bernilai ekonomi. Dengan pendapatan asli kabupaten dan kota di Aceh dapat menggali, mengembangkan potensi daerah untuk meningkatkan anggaran pendapatan masing-masing bagi kesejahteraan dan kemakmuran masyarakat.

Pencapaian pendapatan asli sangat penting dan diutamakan sesuai mengikut ajaran Islam kerana pendapatan asli dapat menyumbang kepada perubahan dan kemajuan masyarakat Islam yang dapat membangun negeri yang berkemakmuran dan kesejahteraan di setiap kabupaten dan kota. Pendapatan asli yang diperoleh pemerintah Aceh sesuai dengan ketentuan Islam dan mengandung elemen dakwah kerana berasal dari sumber yang halal dan sah, di mana pendapatan asli dikelola oleh pemerintah Aceh sendiri yang didapati dari hasil pendapatan asli yang terdiri dari hasil pajak daerah, retribusi daerah, hasil pengelolaan kekayaan Aceh, zakat, infaq, lain-lain pendapatan asli Aceh dan pendapatan asli kabupaten dan kota yang sah.¹⁶²

Dalam memperoleh pendapatan asli pemerintah Aceh merujuk mengikut hukum syariah dan selaras dengan matlamat dakwah di mana pendapatan tidak diterima dari sumber haram dan lain-lain pendapat yang tidak sah. Pemerintah Aceh sedang berkerja secara serius untuk mengelola ekonomi menurut ketentuan ajaran Islam dan diperoleh dari sumber yang halal, digunakan secara adil, jujur, dan diusahakan bersih dari unsur penyelewengan dan korupsi supaya selaras mengikut tuntutan pelaksanaan Syariat Islam.¹⁶³

¹⁶² Undang-Undang Tentang Pemerintahan Aceh No. 11, *Op. Cit.*, Bab XXIV, Pasal 180 (1), 2006).

¹⁶³ Gade Salam, Bupati Kabupaten Pidie Jaya. Temubual 10 September 2009.

Pendapatan sumber asli paling utama digunakan untuk pembangunan ekonomi masyarakat sesuai dengan strategi pembangunan dalam Islam, hal ini dapat dilihat dengan meningkat kesejahteraan awam dan sosial, meningkat kemakmuran masyarakat dan mengurangkan kemiskinan. Program pembangunan dari sumber pendapatan asli merupakan agenda penting dan utama yang dicanangkan pemerintah Aceh sesuai dengan pelaksanaan Syariat Islam untuk melahirkan negeri yang makmur dan sejahtera pasca penyelesaian konflik serta tsunami supaya masyarakat mendapat pendapatan yang bersesuaian dan keadilan sosial ekonomi yang merata.¹⁶⁴

Dalam melaksanakan pembangunan yang lebih baik dan tepat sasaran, pemerintah Aceh bertekad melakukan misi pengawasan dan pemantauan sumber anggaran dari pendapatan asli dari hasil pajak, retrebusi daerah dan hasil kekayaan Aceh yang selaras dengan ketentuan Islam dan prinsip dakwah, di mana pengawasan dilakukan dengan lebih ketat dan bertanggungjawab. Hal ini selaras dengan hasrat pemerintah Aceh agar para pemimpin formal dari level tertinggi dan terendah memperlihatkan keteladanan yang baik, taat beragama, hidup sederhana, menegakkan keadilan, taat pada hukum tidak melakukan korupsi, kolusi dan nepotisme dalam bentuk apapun sehingga memberi contoh teladan bagi masyarakat.¹⁶⁵

Menurut pengamatan penulis, dalam pelaksanaan pembangunan dan perlakuan ekonomi, tindakan pengawasan dan pemantauan masih lemah, korupsi masih tinggi, penyalahgunaan kekuasaan, pecah amanah masih terus terjadi, belum selaras dengan pelaksanaan Syariat Islam. Hal ini terjadi kerana lemahnya penguatkuasaan undang-

¹⁶⁴ Miswar, Ketua Bahagian Penyusunan Program Pembangunan Pejabat Gubernur Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, Temubual 30 November 2007.

¹⁶⁵ Pemerintah Aceh Tahun 2009, *Op. Cit.*, h. 11.

undang dan tindakan hukum yang masih lemah bagi pelaku korupsi, penyelewengan dan penyalah guna kuasa.

(b). Program Membangun Ekonomi dari Dana Perimbangan

Program dana perimbangan berasal dari bagi hasil pajak, sumber daya alam, bagi hasil minyak dan gas bumi sudah mendapat bahagian yang seimbang dan lebih besar bagi pemerintah Aceh yang ditetapkan dengan undang-undang seperti yang disebutkan dalam bab IV di atas. Dana perimbangan sudah mendapat peruntukan selaras dengan prinsip Islam dan agenda dakwah yang dilakukan secara baik dan dibagi secara adil dengan peratusan yang besar diterima pemerintah Aceh dari pertambangan minyak, gas, hasil hutan, pajak bumi dan bangunan dengan komitmen yang tinggi untuk membangun masyarakat. Pembahagian dana perimbangan yang lebih besar dari hasil bumi selaras dengan perjuangan masyarakat Islam di Aceh yang menuntut hak yang patut dan bersesuaian, hal ini telah terpenuhi dengan mendapat peratusan yang besar dan sesuai mengikut kekayaan alam Aceh untuk membangun masyarakat yang makmur dan sejahtera.

Mengikut hasil kajian mendapati, dana perimbangan merupakan dana yang telah lama diperjuangkan masyarakat Aceh untuk mendapat hak berdasarkan sumber kekayaan alamnya yang kini disetujui pemerintah untuk diberikan kepada pemerintah Aceh. Program dana perimbangan sudah mencapai matlamat membangun mengikut prinsip Islam dengan mendapat hasil yang memuaskan dengan bahagian seimbang selaras dengan kekayaan alam dan berdasarkan keadilan mengikut ajaran Islam. Dana perimbangan merupakan pendapatan kedua terbesar yang diterima pemerintah Aceh

yang mencercak sebanyak 2,2 trilion Rupiah pada tahun 2008 seperti terlihat dalam jualan di atas.

Dana perimbangan yang diterima pemerintah Aceh menjadi dana kedua terbesar menunjukkan nilai keadilan telah ditegakkan dan terlaksanakan secara nyata yang sesuai dengan matlamat dakwah sehingga menjadi rahmat dan menguntungkan masyarakat Aceh yang mampu melonjakkan perkembangan ekonomi dan meningkatkan pembangunan yang sebelumnya tidak mendapat pembahagian sebesar itu. Dana perimbangan yang diterima bersesuaian dan selaras dengan acuan Islam dan mengikut anjuran dakwah kerana mendapat hak yang lebih adil sesuai dengan hasil kekayaan, hak eksistensi daerah yang kaya dengan sumber alam semula jadi yang sangat wajar dikecapi dan dinikmati oleh masyarakat Aceh sehingga mampu mencapai matlamat pembangunan untuk menubuhkan negeri yang aman damai dan makmur.¹⁶⁶

Pembahagian hasil alam yang adil sangat sesuai perjuangan dakwah untuk kebaikan dan membangun kepentingan umat Islam yang membawa banyak manfaat dan memberi kesan yang berfaedah kerana dapat mendukung pertumbuhan ekonomi Aceh di pelbagai sektor kehidupan masyarakat. Pada tahun 2006 perekonomian tanpa minyak dan gas mampu tumbuh 7,70 % yang dipengaruhi oleh banyaknya program bantuan dalam rangka upaya rehabilitasi dan rekontruksi pasca gempa dan tsunami serta kondisi yang relatif lebih baik setelah ditanda tangani perjanjian damai antara pihak Gerakan Aceh Merdeka (GAM) dan pemerintah Republik Indonesia.¹⁶⁷

¹⁶⁶ Mirza Fitra, Asisten Fasilitator Pembangunan Kecamatan Bandar Dua Kabupaten Pidie Jaya, Temubual 2 Jun 2009.

¹⁶⁷ Badan Pusat Statistik dan Bappeda (2009), *Produk Domesti Regional Bruto Aceh 2005-2008*, Banda Aceh: Badan Pusat Statistil dan Badan Perancang Pembangunan Daerah Aceh, h. 16.

Perekonomian Aceh terus tumbuh dan berkembang lebih baik dengan adanya dana perimbangan telah menjadi teras utama untuk meningkatkan kemaslahatan yang dapat menaik taraf sosioekonomi masyarakat Aceh sesuai dengan misi dakwah seperti, membiayai pengajian, membantu aktiviti dakwah, membangun hal ehwal Islam dan dana ini diperuntukkan bagi membangun banyak kawasan masih tertinggal, meningkatkan infrastruktur asas yang masih mundur dan ketinggalan. Dana penerimaan yang berasal dari hasil kekayaan alam akan digunakan secara adil, efisien dan bertanggungjawab sesuai dengan matlamat dakwah untuk kesejahteraan dan kemakmuran seluruh masyarakat dan negeri Aceh.¹⁶⁸

Pendapat yang besar termasuk dana perimbangan telah diagihkan selaras dengan prinsip membangun dalam Islam dan mengadung elemen dakwah untuk membangun kepentingan masyarakat Aceh, keadaan ini dapat dibuktikan dengan menyantuni masyarakat miskin dengan membangun rumah yang layak untuk dihuni, meraikan ramai anak yatim akibat konflik bersenjata dan korban tsunami dengan memberikan santunan, banyak perempuan janda atau ibu tunggal telah mendapat faedah dari bantuan pemerintah. Masyarakat yang mengalami penderitaan akibat komplik seperti kematian anggota keluarga, kehancuran harta benda, rumah terbakar, cacat seumur hidup telah diberikan bantuan diyat sesuai dengan misi dakwah sebagai wang ikhsan untuk membangun kembali rumah dan memperbaiki kehidupan mereka. Bagi mereka yang trauma dan gangguan mental dan ramai yang terkoban jiwa ditelan bencana tsunami telah diberi bantuan dari dana asing dan biaya dari pemerintah Aceh.¹⁶⁹

¹⁶⁸ Pemerintah Aceh Tahun 2009, *Op. Cit.*, h. 14.

¹⁶⁹ Sulaiman Abdul Wahab, Ketua Bidang Pembangunan Industri, Pertambangan dan Lingkungan Pejabat Gubernur Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, Temubual 6 Desember 2009.

Dana perimbangan dari hasil alam dibagi mengikut panduan Islam sangat sesuai dengan keperluan masyarakat Aceh yang dilanda musibah, konflik bersenjata dan selaras dengan usaha dakwah untuk mengubah nasib dengan membangun kembali mangsa musibah bagi meningkatkan ekonomi, memperoleh kemakmuran, menikmati keamanan, mercu perpaduan dan keharmonian. Dana ini pula digunakan sesuai dengan matlamat dakwah yang mengandungi nilai-nilai kebajikan, hal ini dapat dilihat dana telah diperuntukkan pada pelbagai keperluan sektor awam, pendidikan dan membantu membangun sarana ibadah seperti Masjid, *Meunasah* atau Surau sehingga tempat ibadah kini telah memiliki keperluan asas yang lebih baik, teratur, lebih sempurna dan mencukupi. Dengan memiliki dana yang besar pemerintah Aceh telah dapat memberi insentif bulanan kepada khatib, imam Masjid, imam *Meunasah* dan ketua kampung untuk memperlancar aktiviti keagamaan dan program kemasyarakatan.¹⁷⁰

Menurut pengamatan penulis, aktiviti dari program pembangunan sudah mulai nampak perubahan, peningkatan dan setiap masyarakat sudah dapat menikmati perkembangan lonjakan ekonomi yang membawa kemakmuran serta dapat merasai bahang pembangunan di pelbagai daerah seperti membangun infrastruktur asas yang memadai, meningkatkan fungsi tempat ibadah dan membangun pelbagai keperluan asas untuk kesejahteraan masyarakat awam telah terlaksana. Nilai-nilai Islam terus dijadikan teras dan panduan dalam menjana program pembangunan yang menjurus kepada kebaikan, keadilan, kesejahteraan dan kemakmuran demi kepentingan kehidupan di dunia dan di akhirat.

(c). Program Membangun Ekonomi dari Dana Otonomi Khusus

¹⁷⁰ Abdurahman Puteh, Asisten I Pejabat Bupati Kabupaten Pidie Jaya, Temubual 10 September 2009.

Dana otonomi khusus seperti yang telah disebutkan dalam bab IV diterima pemerintah Aceh untuk jangka masa 20 tahun dari pemerintah Indonesia sebagai imbalan perjanjian damai sangat sesuai dengan misi dakwah dan prinsip Islam sebagai wang ikhsan untuk membangun kembali kepentingan masyarakat Islam di Aceh ke arah yang lebih baik. Penerimaan pertama, mulai tahun 2008 sampai tahun ke lima belas, penerimaan kedua dari tahun ke enam belas sampai tahun ke dua puluh.¹⁷¹ Penerimaan dana otonomi khusus sangat besar yang membawa impak yang sangat baik dan positif dalam membangun masyarakat Aceh. Perkembangan ini dapat dilihat pada tahun 2008 dana otonomi khusus mencapai 3,5 trilion Rupiah dan terus meningkat sehingga pada tahun 2011 penerimaan bagi pemerintah Aceh mencapai 4,5 trilion Rupiah.¹⁷²

Dana ini diperuntukkan bagi masyarakat Aceh sesuai dengan prinsip Islam sebagai imbalan perjanjian damai, di mana pemerintah pusat memikul amanah dan menggalas bertanggungjawab untuk membantu membangun kembali Aceh dari kehancuran dan kemunduran yang hampir 30 tahun dilanda konflik bersenjata. Anggaran yang besar ini memiliki nilai yang tinggi, memberi impak yang baik dan lebih besar dalam memacu ekonomi untuk membela nasib masyarakat mengikut prinsip Islam dan selaras dengan matlamat dakwah kerana ia digunakan pada tempat kebajikan yang telah diarahkan oleh pemerintah pusat supaya dana otonomi khusus dikhaskan untuk membangun infrastruktur, pemberdayaan ekonomi masyarakat, pengentasan kemiskinan, pendanaan pendidikan, sosial dan kesihatan.¹⁷³

Dana otonomi khusus yang telah diprogramkan sebagai prestasi strategik yang berpotensi besar dan sangat menguntungkan untuk membangun Aceh selaras dengan

¹⁷¹ Undang-Undang Tentang Pemerintahan Aceh No.11, *Op. Cit.*, Bab XXXIV, Pasal 183 (2), 2006).

¹⁷² *Serambi Indonesia*, Oktober 27, 2010, 4 “ DPR Sahkan Dana Otonomi Khusus Aceh Rp 4,5 Triliun”.

¹⁷³ Undang-Undang Tentang Pemerintahan Aceh No. 11, *Op. Cit.*, Bab XXIV, Pasal 183 (1), 2006).

matlamat dakwah bagi mewujudkan negeri yang makmur, aman dan sejahtera. Dana digunakan sesuai seperti diarahkan pemerintah pusat, di mana dana diperuntukan bagi meningkatkan keupayaan projek pembangunan, memastikan kelancaran infrastruktur asas, pendidikan, sosial, kesihatan dan sektor ekonomi. Program dana otonomi khusus untuk memastikan mampu melonjakkan kemajuan dan merancakkan pertumbuhan ekonomi untuk meningkatkan pendapatan masyarakat serta dana ini berada dibawah pemantauan dan pengawasan pemerintah pusat.¹⁷⁴

Penggunaan dana otonomi khusus dilakukan selaras dengan matlamat dakwah dapat memecahkan persoalan ekonomi masyarakat dan mengikut program dirancang dengan hasil yang positif dan kesan sangat baik untuk menjamin pertumbuhan ekonomi, dan memperbaiki tahap kehidupan, meningkatkan kesejahteraan dan kemakmuran. Penggunaan dana otonomi khusus dilakukan selaras mengikut konsep pembangunan dalam Islam untuk membangun keperluan pembangunan infrastruktur asas masyarakat yang masih ketinggalan dan keterpurukan, hal ini dapat terlihat seperti pembangunan jalan raya membuka kawasan terpencil, jambatan, irigasi dan saluran air telah dapat diperbaiki dan ditingkatkan ke arah yang lebih baik.¹⁷⁵

Mengikut hasil kajian mendapati, bantuan dana otonomi khusus telah mendapat kesan yang menonjol kerana digunakan sesuai dengan matlamat dakwah untuk kesejahteraan masyarakat, hal ini dapat dibuktikan seperti dalam bidang pendidikan, kini pemerintah Aceh telah melaksanakan pendidikan percuma tanpa bayaran mulai

¹⁷⁴ Tabrani, Staf Biro Perekonomian Pejabat Gubernur Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, Temubual 20 November 2009.

¹⁷⁵ Miswar, Ketua Bahagian Penyusunan Program Pembangunan Pejabat Gubernur Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, Temubual 30 November 2007.

dari sekolah rendah sampai sekolah menengah atas baik sekolah umum mahupun agama dan membiayai pendidikan belajar keluar negara bagi semua pelajar yang berpotensi.

Dalam bidang kesihatan dapat dilihat, pemerintah Aceh telah menaik taraf hospital di peringkat kabupaten dan kota, membangun pusat kesihatan masyarakat (puskesmas) di setiap Kecamatan (sub distrik) yang lebih baik dan menempatkan doktor yang sesuai mengikut keperluan masyarakat. Pemerintah Aceh sejak tahun 2010 telah melaksanakan pengubatan percuma tanap bayaran di hospital pemerintah bagi semua masyarakat yang memiliki kad pengenalan Aceh. Dana otonomi khusus yang digunakan pemerintah sesuai dengan misi dakwah kerana telah dapat membangun kualiti hidup masyarakat dan meningkatkan mutu kesihatan yang lebih baik.

Dana otonomi khusus diperuntukkan selaras dengan teori membangun dalam Islam, di mana digunakan untuk mempercepat mencapai kemakmuran, kesejahteraan, lebih berkembang dan maju terutama kabupaten dan kota, hal ini dapat dibuktikan dengan adanya peningkatan pelayanan awam, perubahan sistem dan kemudahan asas yang telah dibangun seperti arus komunikasi, transportasi dan perbaikan infrastruktur asas yang lebih baik dan meningkat di setiap kabupaten dan kota. Program pembangunan dana otonomi khusus dilaksanakan lebih terarah dan teratur, tanggungjawab pemerintah lebih besar dalam membangun serta pemantuan dan pengawasan lebih ketat dilakukan oleh pemerintah pusat, pemantau asing, NGO dan masyarakat dengan kritikan yang tajam dan positif telah mendapatkan hasil yang baik.

Pelaksanaan dan penggunaan dana otonomi khusus yang begitu besar di beberapa daerah masih terdapat penyimpangan yang tidak sesuai dengan ajaran Islam dan belum selaras dengan tujuan dakwah kerana terhambat oleh birokrasi dan pelbagai

aturan. Keadaan ini terjadi seperti di Dinas Pendidikan Aceh Utara, nyatanya realisasi dana otonomi khusus sangat rendah. Sebahagian projek tidak sempat dikerjakan, pelbagai upaya sudah dilakukan, sampai akhir tahun 2009, bahkan tidak ada pembangunan sama sekali dengan dana otonomi khusus. Bukan hanya pendidikan, banyak jalan provinsi dan jalan daerah juga tak selesai dengan dana otonomi khusus, maka harus dicari solusinya dan tidak merugikan daerah.¹⁷⁶

Penggunaan dana otonomi khusus belum mencapai sasaran di beberapa daerah disebabkan kelamahan dan ketidak mampuan pemerintah Aceh menggunakannya kerana keinginan provinsi menguasai dana akan tetapi kurang tenaga dalam menguruskannya. Dana yang melimpah dari otonomi khusus itu tidak dapat digunakan secara baik dan tepat sasaran. Pembangunan yang dikerjakan serampangan, sehingga impian Aceh menjadi lebih baik masih sulit untuk dicapai.¹⁷⁷ Kegagalan menggunakan dana otonomi khusus terjadi di beberapa daerah di Aceh, yang perlu kepada kebijaksanaan dan dievaluasi kembali penyalurannya. Gubernur harus melakukan evaluasi secara menyeluruh terkait penggunaan dana otonomi khusus, proses tender, proses birokrasi saja memakan waktu berbulan-bulan, kapan ingin melakukan tender, pembangunan dan sebagainya, hal ini tidak efektif.¹⁷⁸

Menurut pengamatan penulis, pendapatan pemerintah Aceh yang bersumber dari pendapatan asli, dana perimbangan dan dana otonomi khusus telah dapat membangun Aceh ke tahap yang lebih berkembang dan mampu meningkat ekonomi masyarakat, hal ini dapat dilihat dengan muncul perubahan dan pembaruan di pelbagai

¹⁷⁶ Masriadi (2009), "Gagalnya Realisasi Dana Otonomi Khusus Aceh Utara Jadi Korban" *Tabloid Berita Kontras*, No.521, Tahun XI, Desember 24-30, h. 8-9.

¹⁷⁷ *I b i d.*, h. 9.

¹⁷⁸ *Tabloid Berita Kontras*, No. 521 Tahun XI, Desember 24-30, 2009, 9 "Gubernur Harus Evaluasi Dana Otonomi Khusus".

daerah dengan semangat kembali membangun untuk mengisi harapan baru selaras dengan matlamat dakwah untuk menuju negeri yang aman dan makmur. Di samping itu aktiviti dalam pengelolaan ekonomi dan pelaksanaan pembangunan masih terjadi penyimpangan yang bercanggah dengan ajaran Islam dan prinsip dakwah, di mana biaya pembangunan yang begitu besar di Aceh dapat membuka peluang korupsi yang luas, penyalah guna kuasa dan penyelewengan dalam pengelolaan ekonomi masih tinggi. Hal ini terbukti sebahagian besar ketua daerah kabupaten dan kota yang memegang jawatan tinggi di Aceh bermasalah dan dituduh melakukan korupsi dan menyalah guna kuasa.

3). Program Membangun Ekonomi Dengan Menaik Taraf Wilayah

Program menaik taraf wilayah menjadi Kabupaten dan Kota sesuai dengan matlamat pembangunan, selaras dengan kepentingan masyarakat dan tujuan dakwah untuk lebih cepat memacu perkembangan ekonomi dan kemajuan pembangunan yang didukung oleh anggaran pembangunan Aceh yang meningkat. Dana pembangunan Aceh diperuntukkan 70 % untuk digunakan di Kabupaten/ Kota dan diberikan hak otonomi untuk mengatur dan membangun kawasan masing-masing agar lebih cepat mencapai kemakmuran dan kesejahteraan masyarakat di setiap negeri.

Penambahan kabupaten dan kota mengikut kepentingan masyarakat Islam dan memenuhi misi dakwah kerana setiap negeri dapat merancang, merumus dan menyelaras program pembangunan yang berkesan, mampu membangun daerah terpencil, memberi bantuan untuk masyarakat lebih tepat sasaran, dapat mengurangkan angka kemiskinan dan ikut memberi andil besar dalam pembangunan infrastruktur kampung di kawasan masing-masing negeri. Program menambah dan menaik taraf kabupaten dan kota sangat sesuai mengikut prinsip Islam untuk mempercepat

pembangunan dan memakmurkan masyarakat terutama golongan miskin disebabkan setiap kabupaten dan kota diberi amanah dan tanggungjawab yang lebih besar dalam merancang segala aspek pembangunan untuk memastikan hasil negeri Aceh dapat dinikmati seluruh masyarakat secara adil, merata dan seksama.¹⁷⁹

Dengan mendapat anggaran dari hasil minyak, gas dan otonomi khusus, lebih besar diperuntukan bagi kabupaten dan kota sudah selaras dengan prinsip Islam kerana terdapat unsur keadilan, terbentuk sikap keterbukaan dan kebijaksanaan yang sama rata sesuai dengan matlamat dakwah untuk membangun masyarakat. Penambah kabupaten dan kota sangat sesuai dengan kepentingan masyarakat Aceh, selaras dengan keperluan semasa dan mengandungi elemen dakwah kerana Bupati atau Walikota mempunyai hak mengatur daerah sendiri, berkewajipan menegakkan seluruh peraturan perundangan, menyelenggaraan pentadbiran pemerintahan, menegakkan pelaksanaan Syariat Islam, membina pendidikan, mengembangkan adat istiadat, sosial kebudayaan, memfungsikan peranan ulama dalam menetapkan kebijakan daerah dan meningkatkan kesejahteraan rakyat.¹⁸⁰

Bupati dan Walikota menggalas tanggungjawab dan menunai berkewajipan sesuai dengan prinsip Islam dalam melaksanakan pembangunan, menjalankan hukum Syariah, melaksanakan misi dakwah dan mengurus hal ehwal agama Islam seperti membentuk Majlis Ulama untuk membantu pemerintah tentang agama, membentuk mahkamah syar'iyah dan membentuk *Wilayatul Hisbah* untuk mengawasi pelanggaran Syariat Islam. Program menaik taraf wilayah selaras dengan matlamat dakwah dan

¹⁷⁹ Gade Salam, Bupati Kabupaten Pidie Jaya, Temubual 10 September 2009.

¹⁸⁰ Qanun Tentang Susunan, Kedudukan dan Kewenangan Kabupaten atau Kota Dalam Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam (Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam), 2003 (Qanun No. 2, Bab X, Pasal 1, 2003).

sesuai dengan intruksi gubener untuk memakmurkan Masjid dan *Meunasah*, di mana Bupati dan Walikota diwajibkan dan dianjurkan memberi bantuan kepada Masjid, *Meunasah* dan Surau melalui anggaran pendapatan biaya daerah kabupaten dan kota.¹⁸¹

Kabupaten dan kota kini memegang tanggungjawab sesuai dengan prinsip membangun dalam Islam kerana telah membiayai aktiviti keagamaan seperti gerakan dakwah, membantu biaya untuk pembangunan Masjid, *Meunasah*, membiayai tempat pengajian, sekolah, madrasah, *dayah*, memberi insentif kepada guru pengajian, guru *dayah* setiap bulan dan memberi biaya insentif bulanan kepada ketua kampung, imam Masjid, imam *Meunasah* dan timbalannya untuk kelancaran aktiviti keagamaan bagi setiap kampung. Program menaik taraf wilayah sudah nampak berubah dan kemajuan dengan peningkatan aktiviti keagamaan dan sosial dengan pembangunan yang lebih rancak menuju negeri makmur telah mulai ditata sampai ke daerah terpencil dan kawasan terisolir.¹⁸²

Anggaran pembangunan untuk kabupaten dan kota telah dibagi secara adil dan seksama sesuai matlamat dakwah untuk menjamin kesejahteraan dan kemaslahatan masyarakat yang digunakan untuk membangun keperluan asas. Situasi ini dapat dilihat pada rumah yang dibina untuk masyarakat miskin, jalan raya yang sudah dibuka, jalan kampung yang dibina dan dibaikpulih menjadi lebih sempurna, jambatan yang bagus, irigasi dengan saluran air yang baik, bekalan elektrik sudah ada setiap kampung. Kualiti hidup masyarakat yang mulai meningkat dengan membuka arus transportasi

¹⁸¹ Intruksi Gubernur Tentang Pembudayaan Kemakmuran Mesjid dan Meunasah Dalam Provinsi Daerah Istimewa Aceh (Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam), 2000 (Intruksi No. 05, 2000).

¹⁸² Sanusi, Staf Biro Ekonomi, Pejabat Gubernur Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, Temubual, 6 Desember 2009.

yang lebih lancar di pelbagai kawasan terpencil untuk meningkatkan ekonomi masyarakat menuju kemakmuran dan kesejahteraan.

Menaik taraf wilayah mengandung nilai kebajikan yang positif di mana kawasan yang dulunya terpencil dan terisolir sudah dapat dibangun menjadi daerah baru yang lebih berkembang dan maju selaras dengan matlamat dakwah untuk mensejahterakan dan memakmurkan masyarakat di setiap negeri. Daerah yang menjadi kabupaten baru memiliki pelbagai potensi untuk dikembangkan dan dikomersilkan yang dapat membawa manfaat dan faedah yang berguna bagi masyarakat dalam usaha meningkatkan pendapatan, sangat menguntungkan daerah untuk melonjakkan pembangunan, merangka kemajuan dan kemakmuran bagi masyarakat merupakan malamat dakwah yang ingin dicapai.¹⁸³

Bagi kabupaten baru, sentiasa menyusun program sesuai keperluan masyarakat Islam untuk menaik taraf kota yang ada menjadi ibu kota kabupaten telah menimbulkan impak yang baik dan positif untuk meningkatkan potensi ekonomi bagi kesejahteraan masyarakat dengan membangun infrastruktur kota baru seperti jalan kota, kedai dan pejabat pemerintah. Pejabat pemerintah yang diperlukan di peringkat kabupaten dan kota yang baru antaranya pejabat bupati, pejabat polis, tentara, pejabat dewan perwakilan rakyat dan dinas seperti dinas pendidikan, sosial, perhubungan, perpajakan, departemen agama, kesihatan, hospital dan lain-lain pejabat yang ditubuhkan untuk kepentingan awam telah membuka kesempatan mengembangkan ekonomi dan tersedia

¹⁸³ Zulkarnain, Ketua Bahagian Pembinaan Pembangunan Kabupaten dan Kota, Pejabat Gubernur Provinsi Nanggroe Aceh Darusalam, Temubual, 16 September 2009.

peluang pekerjaan untuk menjamin kesejahteraan masyarakat dan membangun negeri yang makmur merupakan matlamat dakwah.¹⁸⁴

Setiap kabupaten dan kota dengan memiliki otonomi dan pentadbiran tersendiri yang sentiasa berusaha meningkatkan pendapatan daerah masing-masing, mengembangkan sumber daya alam dan menggali potensi daerah untuk dikembangkan serta dikomersilkan menjadi sumber ekonomi yang menguntungkan masyarakat Islam sesuai dengan matlamat dakwah untuk mewujudkan kemakmuran dan kesejahteraan.¹⁸⁵

Anggaran yang besar diperuntukkan bagi kabupaten dan kota kadang-kadang digunakan belum selaras dengan kehendak ajaran Islam dan disebabkan anggaran besar membuka peluang korupsi, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa terbuka luas dan masih tinggi terjadi. Para pemegang jawatan dan birokrat di Aceh semua beragama Islam tetapi tidak konsisten dalam mentaati hukum syariah yang dapat dicontohi masyarakat, bermaharajalela rasuah, ketidak jujuran, terjadi praktik korupsi secara berjamaah yang sangat bertentangan dengan perilaku seorang muslim yang beriman.¹⁸⁶ Masyarakat Aceh cenderung kurang puas dengan realiti yang ada sebab proses mensyariatkan birokrasi di Aceh masih sebatas wacana, walaupun sudah dibentuk Dinas Syariat Islam mulai dari peringkat provinsi, kabupaten dan kota. Masyarakat amat menaruh perhatian pada sejumlah kasus korupsi yang melibatkan sejumlah petinggi pemerintah atau pemegang jawatan.¹⁸⁷

¹⁸⁴ Muhammad Ikbal, Pensyarah Fakulti Teknik Universiti Syiah Kuala Banda Aceh, Temubual, 5 September 2009.

¹⁸⁵ Abdurrahman Puteh, Asisten I, Pejabat Bupati Kabupaten Pidie Jaya, Temubual 10 September 2009.

¹⁸⁶ Zaki Fuad, Dr. (2007), *Op. Cit.*, h. 116.

¹⁸⁷ Misri A. Muchsin (2007), Penerapan Syari'at Islam Dalam Perspektif Historis, dalam Azman Ismail, Dr. et. al (eds.), *Syariat Islam di Nanggroe Aceh Darussalam*, Banda Aceh: Dinas Syariat Islam Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, h. 61

Menurut pengamatan penulis, menaikkan taraf wilayah ke peringkat yang lebih tinggi telah membawa banyak faedah dan manfaat serta telah dapat mendekatkan pembangunan kepada masyarakat, kerana setiap wilayah berhak membangun keperluan asas sendiri, dan berhak mendapat pembiayaan yang adil, maka kini nampak hasil pembangunan yang diagihkan kepada kabupaten telah banyak membawa kemaslahatan dan keberuntungan dalam pelbagai segi kehidupan masyarakat Islam di Aceh. Dalam pelaksanaan pembangunan praktik korupsi dan penyalahgunaan kuasa masih saja terjadi di pelbagai peringkat jawatan pemerintahan di Aceh. Situasi ini dapat dibuktikan bahawa kini lebih separuh Bupati dan Walikota yang berkuasa dan telah berkuasa bermasalah dituduh penyalahgunaan kuasa, kolusi dan korupsi untuk memperkaya diri.

4). Program Membangun Ekonomi Melalui Pemerintah yang Bersih

Program membangun pegawai pemerintah Aceh yang bersih dari unsur korupsi, rasuah dan penyalahgunaan kekuasaan merupakan suatu niat baik dan telus dari pemimpin pemerintah Aceh merupakan suatu perjuangan dakwah untuk mencegah kerusakan moral, kemunggaran, kejahilan dan kejahatan. Membangun pemerintah yang bersih sangat sesuai dengan ajaran dakwah dan selaras dengan hasrat pelaksanaan Syariat Islam di Aceh untuk melahirkan pemimpin yang adil, bersih, menjadi contoh teladan dan ikutan yang baik dengan mengamalkan dan menerapkan nilai-nilai Islam dalam segala perbuatan dan tindakannya. Untuk menciptakan pegawai yang bersih dari pelbagai kesalahan selaras dengan matlamat dakwah, di mana pemerintah Aceh berusaha memperbaiki kesejahteraan pegawai melalui pendapatan dan gaji yang layak

diutamakan serta memperbaiki sistem penerimaan pegawai yang bebas dari unsur kolusi, korupsi dan nepotisme.¹⁸⁸

Dalam usaha membanteras korupsi pemerintah dan swasta telah membentuk badan anti korupsi seperti Team Anti Korupsi Pemerintah Aceh (TAKPA), Gerakan Anti Korupsi Aceh (GERAK) Aceh, Komisi Pemberantasan Korupsi (KPK), Indonesia Corruption Watch (ICW) dan Satuan Anti Korupsi (SAK). Menurut pengamatan penulis, institusi pemberantasan korupsi dan rasuah di Aceh belum bertindak selaras dengan matlamat dakwah untuk melahirkan pemerintah yang bersih, adil dan jujur, mereka belum dapat bekerja secara maksimal dan belum berani mengungkapkan semua kes rasuah secara terbuka untuk mengheret mereka yang terlibat ke muka pengadilan terutama pegawai tinggi pemerintah.

5.3.3 Pengawasan dan Pemantauan

Peranan pendakwah dalam memantau dan mangawasi akidah dan ibadah masyarakat masih lemah, belum terdapat pendakwah yang mampu melakukan koreksi dan memperbaiki sikap masyarakat, belum ada pendakwah yang berwibawa dan disegani yang mampu membakar semangat masyarakat supaya bersungguh-sungguh dan berkeyakinan tinggi dalam mengamalkan ajaran Islam. Pemantauan dan pengawasan dari pendakwah belum dilakukan dengan penuh dedikasi yang tinggi, semangat menyeru yang makruf mencegah yang mungkar masih lemah dan semangat pengabdian pada masyarakat masih kurang, hal ini terlihat belum banyak perubahan untuk meningkatkan ibadah setelah dakwah diadakan.

¹⁸⁸ Pemerintah Aceh Tahun 2009, *Op. Cit.*, h.12

Pendakwah dan para ulama kurang sekali datang ke masyarakat untuk memantau, mengawasi, mengkaji dan menilai tingkat ibadah masyarakat yang rendah terutama di kampung yang memerlukan materi dan metode dakwah yang sesuai untuk disampaikan kepada mereka bagi memperbaiki kekurangan dan kelemahan masyarakat. Pemantauan dan pengawasan para pendakwah dan institusi dakwah belum sesuai dengan misi dakwah untuk membangun pengamalan ajaran Islam yang lebih baik, membentuk kualiti masyarakat Islam yang tinggi dan memperkuat usaha mencegah kemungkaran sehingga masyarakat tidak lagi berada dalam keadaan lemah iman dan meninggalkan ibadah. Pemantauan dan pengawasan pendakwah atau ulama perlu dilakukan secara jujur, bekerja keras, berdisiplin, bersemangat tinggi dan bertanggungjawab untuk memperbaiki tingkat pengamalan agama dalam masyarakat.

Pengawasan dan pemantauan pemerintah Aceh tentang perlakuan kanun akidah jarang dilakukan untuk melaksanakan fungsi dan kewajiban pemimpin Islam bagi membangun masyarakat yang penuh keimanan dan menghati Islam. Pemerintah dan pemimpin yang bertanggungjawab belum mampu memantau, jarang menilai situasi akidah masyarakat dan pengawasan yang tersusun rapi, bersepadu dan tegas tidak pernah terlaksana dengan baik untuk mencapai prestasi yang diinginkan walaupun telah membentuk kanun tentang akidah dan ibadah. Pengawasan dan pemantauan pemimpin Aceh yang lemah di bidang akidah dan ibadah dapat terlihat pada kedangkalan akidah masyarakat dan masih muncul ajaran sesat di Aceh yang merusakkan akidah dan masyarakat masih lemah dalam melakukan ibadah.

Pemantauan dan pengawasan pemerintah Aceh yang berkaitan tentang kanun hukum syariah terutama ibadah seperti mewajibkan setiap lelaki yang baliq

melaksanakan ṣalāt jum'at belum dilakukan sesuai aturan kanun. Pengawasan pemerintah yang lemah dapat dilihat, masih banyak orang lelaki yang meninggalkan ṣalāt jumaat tidak diambil tindakan yang wajar, demikian juga kanun mewajibkan ṣalāt lima waktu berjama'ah di *Meunasah* belum berjalan seperti yang diharapkan kerana kurang pemantauan dan pengawasa. Kewajiban dan tanggungjawab pemimpin di pelbagai peringkat belum mampu dilakukan secara maksimal untuk mengawasi dan menantau masyarakat secara cekap, berani membela yang benar, tepat sasaran dan sesuai tujuan dakwah, maka hasil dari peningkatan ibadah belum dapat di banggakan terutama bagi mengajak masyarakat kepada kebenaran untuk meningkatkan pengamalan ajaran Islam seperti memakmurkan Masjid dan *Meunasah* dengan aktiviti ibadah ṣalāt lima waktu.

Pengawasan dan pemantauan penerapan hukum syariah terutama di kota kini sudah nampak lebih baik yang dilakukan oleh *Wilayatul Hisbah* (WH) atau Polis Syariat Islam yang sentiasa melaksanakan tugas dakwah untuk memantau dan mengawasi masyarakat dengan memberi nasihat, bimbingan, peringatan dan teguran supaya tidak melanggar undang-undang Syariat Islam. Pengawasan dan pemantauan yang dilakukan oleh *Wilayatul Hisbah* sebagai institusi penyeru dan memperingatkan belum diambil tindakan bagi mereka yang meninggalkan ṣalāt wajib, hanya mengajak untuk meningkat pengamalan agama dalam masyarakat. *Wilayatul Hisbah* baru berfungsi di peringkat perkotaan yang menyeru masyarakat meningkatkan pengamalan ajaran Islam secara keseluruhan dan mereka belum berfungsi di peringkat kampung.

Pengawasan dan pemantauan para pemimpin dan ulama sebagai pewaris Nabi belum sesuai mengikut prinsip Islam dan belum selaras dengan pengawasan dan pemantauan para Rasul yang berhasil mengajak manusia kepada kebenaran serta menjauhkan diri dari kejahatan dan kemungkar. Pemantauan dan pengawasan para Rasul patut dijadikan contoh teladan, panduan dan ibarat oleh pemimpin Islam dan para ulama kerana para Rasul melakukan pemantauan dengan baik, berhasil dan bertanggungjawab yang perlu dilanjutkan oleh ulama sebagai perawis nabi.

Pengawasan dan pemantauan dalam pembangunan ekonomi masih lemah belum sesuai dengan pelaksanaan Syariat Islam di Aceh, dan belum sesuai dengan tanggungjawab pemantauan dari seorang pemimpin. Pengawasan dari pemimpin berada pada kedudukan yang lemah, hal ini nampak sebahagian pemegang kuasa di daerah terlibat dengan korupsi dan penyalah guna kuasa. Institusi pemantau dan pengawas yang dibentuk pemerintah dan swasta belum mampu berindak tegas untuk menghalang dan mengambil tindakan undang-undang kepada para pelaku korupsi sesuai dengan tugas dari pemimpin dan kewajiban badan pengawas belum selaras dengan matlamat dakwah untuk mewujudkan pemerintah yang bersih, jujur dan berwibawa.

Pengawasan pemimpin dalam membangun negara dan memantau masyarakat belum selaras dengan perintah ajaran Islam maka korupsi dan penyalahgunaan kekuasaan masih tinggi berlaku di Aceh. Pengawasan belum selaras dengan misi dakwah untuk mencegah kejahatan dan penyelewengan, hal ini disebabkan penguat kuasa undang-undang yang lemah, pemimpin tidak berwibawa, belum ada pemimpin yang menjadi contoh teladan dan sebagai panduan yang disanjung tinggi dalam mengawasi pemerintahan dan memantau masyarakat mengikut ajaran Islam. Pemimpin dalam melakukan pengawasan kurang beriman dan beramal sehingga tidak memiliki

keteladanan, kurang keberanian, kurang sifat kearifan, keadilan, kejujuran dan belum memiliki hakikat keperibadian seorang pemimpin Islam yang disegani dan berwibawa.

Pengawasan dan pemantauan pemimpin belum menjiwai sesuai ajaran Islam sebagaimana sikap pemimpin Islam yang sebenar seperti Khalifah Umar yang memantau rakyatnya kapan saja diperlukan termasuk diwaktu malam dalam mengawasi pembangunan negara. Pengawasan dan pemantauan pemimpin Islam kini jauh menyimpangan dari misi dakwah untuk mewujudkan pemimpin yang jujur dan amanah serta belum sesuai dengan pengawasan oleh nabi dan para rasul. Prestasi pengawasan dan pemantauan yang tonjolkan oleh Nabi Yusuf dalam pentadbiran dan pembendaharaan negeri mesir sangat menarik untuk dikaji, dapat dijadikan contoh teladan, model ikutan dan panduan bagi para pemimpin dalam mengawasi dan memantau pemerintahan suatu negara. Pengawasan dan pemantauan Nabi Yusuf suatu penghargaan, sebagai kewajiban dan amanah Allah yang mesti dipikul dengan penuh tanggungjawab untuk mencapai prestasi yang baik dan cemerlang. Ia mampu mengawasi dan pandai mentadbir dan memantau dengan baik, amanah, cekap, jujur, ikhlas dan bersifat adil kepada siapa saja rakyatnya sehingga negeri Mesir mendapat rahmat, hidup sejahtera, aman dan makmur.

Keteladanan dan contoh pengawasan para rasul dan pemantauan khalifah Islam patut dijadikan pedoman dan pegangan, apalagi dengan pelaksanaan Syariat Islam di Aceh diharapkan dalam jangka panjang korupsi dapat dihapuskan sehingga terbentuk pemerintah yang bersih, berwibawa dan disegani. Pengawasan yang terus dilakukan oleh pelbagai institusi, pelbagai pihak terutama NGO, pemerintah asing yang masih berada di Aceh dan niat pemerintah Aceh untuk melakukan pemerintah yang bersih akan dapat menyelamatkan ekonomi dari kebocoran dan ketirisan di masa akan datang.

5.4 Program Pembangunan Melalui Pendidikan

Pembangunan pendidikan telah diwujudkan di Aceh di pelbagai kawasan sebagai teras membangun modal insan dan intelektual yang merupakan suatu program untuk merangka agenda memperkasa ilmu dengan kaedah mengembangkan ilmu seperti dengan cara berfikir, membuat penyelidikan, membaca, menulis dan berinovasi yang semuanya menjadi aktiviti membangun ilmu pengetahuan kearah pencapaian kepakaran, memiliki keahlian dan penguasaan ilmu yang lebih profesional. Untuk mengembangkan ilmu dan membangun modal insan melalui pendidikan, maka dilakukan beberapa program antaranya:

5.4.1 Program Membangun Akidah Melalui Pendidikan

Akidah dapat dibina dan disemai melalui institusi pendidikan untuk melahirkan masyarakat yang sentiasa beriman sehingga dapat melaksanakan amal ibadah dengan baik dan sempurna. Salah satu cara yang dilakukan untuk memperoleh hasil yang baik dan berkesan dalam menanam akidah adalah mewujudkan pembelajaran melalui institusi pendidikan. Membangun akidah sudah dimulai dari sekolah Taman Pendidikan Kanak-Kanak (Tadika), sekolah rendah, sampai sekolah menengah dan pendidikan *dayah* atau pondok.

Kanak-kanak Tadika sentiasa diajarkan mata pelajaran yang mengandungi pesan yang baik dan terdapat elemen dakwah untuk menyemai asas Islam iaitu akidah seperti mengajar mengucapkan dua kalimah *shahādah*, memperkenalkan huruf *ijāyah*, membaca

ayat al-Qur'ān yang pendek, menghafal rukun iman dan menghafal nama Malaikat dan nama para Nabi sebagai usaha untuk memperkenalkan asas akidah kepada mereka.¹⁸⁹ Setiap pelajar Tadika memastikan sentiasa membaca bismillāh setiap mulai suatu aktiviti, mengajarkan tentang kebersihan, mencuci tangan jika hendak makan, mengajarkan pelbagai doa seperti doa makan minum, doa terang hati, doa keluar dan masuk rumah, doa masuk dan keluar tandas serta mengajarkan nyanyian yang berunsur Islam sesuai dengan misi dakwah untuk menanam akidah sejak usia dini.¹⁹⁰

Penumbuhan pendidikan Tadika setelah pelaksanaan Syariat Islam di Aceh sesuai dengan prinsip Islam dan selaras dengan matlamat dakwah untuk membantu pertumbuhan dan perkembangan jasmani dan rohani anak terutama untuk menanam dasar ajaran Islam dengan keimanan. Mengisi ajaran Islam dengan akidah selaras dengan jiwa anak yang masih bersih dan sesuai dengan misi dakwah untuk melahirkan anak yang beriman, jujur, cerdas dan pintar.

Pembinaan akidah juga dilakukan pada pendidikan sekolah rendah yang telah ditubuhkan secara formal dan juga di institusi *Meunasah* (surau) sebagai pendidikan agama informal yang kini disebut dengan Taman Pengajian al-Qur'ān (TPA) yang terdapat di setiap kampung di Aceh yang berorientasikan pada prinsip Islam terutama untuk memperkuat akidah Islamiah. Pendidikan *Meunasah* telah dapat menyerap nilai-nilai Islam selaras dengan matlamat dakwah iaitu untuk melahirkan belia yang beriman,

¹⁸⁹ Hayati Muhammad Gade, Guru Tadika Teungku Chik Uteun Bayu, Temubual, 26 Oktober 2009.

¹⁹⁰ Yusriati, Guru Besar Tadika Bungong Jeumpa Ulim Kecamatan Ulim, Temubual 26 Oktober 2009.

bersifat jujur, sentiasa berbuat kebajikan, mampu menjauhkan diri dari kemungkar, kejahatan dan kerusakan.¹⁹¹

Pelaksanaan Syariat Islam di Aceh telah membawa pengaruh pada pada Sekolah sekolah rendah dan sekolah menengah yang diijtiharkan menjadi sistem pendidikan Islami dengan dilakukan perubahan kurikulum, penambahan mata pelajaran agama Islam dan penambahan jam belajar agama termasuk mata pelajaran tauhid sudah ditingkatkan selaras dengan konsep pendidikan Islami. Penerapan pendidikan Islami merupakan suatu dakwah terutama yang banyak terserap melalui mata pelajaran agama Islam seperti tauhid, al-Qur'ān, ḥadīst, bahasa Arab, sejarah dan kebudayaan Islam. Penerapan pendidikan Islami yang dimulai dari sekolah rendah dengan menambah jam pelajaran akidah dilakukan sesuai dengan teori membangun akidah dalam Islam untuk meningkatkan pembelajaran mengenai asas keyakinan, memperkukuh kepercayaan kepada Allah s.w.t, memperkenalkan sifatNya, mengajar rukun iman yang harus dipahami dan diyakini oleh pelajar dalam kehidupan seharian.¹⁹²

Pendidikan sekolah baik rendah, menengah dan pendidikan *dayah* telah memikul bertanggungjawab dalam memberikan mata pelajaran akidah untuk meneruskan penyambungan keimanan umat Islam selaras dengan matlamat dakwah untuk membangun pelajar yang berkeimanan kokoh dan kuat sehingga melahirkan masyarakat yang bahagia di dunia dan akhirat kerana memiliki keimanan yang utuh dan teguh. Kewajiban sekolah dan *dayah* mendidik pelajar yang beriman sesuai dengan prinsip Islam sehingga dapat membangun pelajar yang kukuh dalam beriman, memiliki

¹⁹¹ Muhammad Ali Yusuf, Bekas Ketua Pejabat Urusan Agama Kecamatan Bandar Dua Kabupaten Pidie Jaya, Temubual 20 Disember 2008.

¹⁹² Nurdin, Guru Sekolah Dasar Negeri (SDN) Babah Krueng Kecamatan Bandar Dua Kabupaten Pidie Jaya, Temubual 1 Disember 2009.

sifat keikhlasan, kejujuran, keadilan, tetap penderian, memiliki kesabaran, sentiasa berbuat kebajikan dan mencegah kemungkaran.¹⁹³

Program pendidikan Islami yang dilaksanakan di Aceh sesuai dengan konsep Islam dan sama dengan tugas mengembangkan dakwah kerana berusaha menanam nilai-nilai akidah seperti pembelajaran tauhid di sekolah dan di *dayah* untuk melahirkan pelajar beriman yang dapat direalisasikan dalam tindakan beribadah dan beramal. Usaha menanam akidah dilakukan dengan menambah mata pelajaran agama Islam termasuk tauhid dalam pembelajaran untuk semua peringkat sekolah sudah dikembangkan mengikut prinsip dari al-Qur'ān, sunnah Nabi sebagai landasan dari ajaran Islam untuk mengangkat derajat manusia beriman keperingkat tinggi.¹⁹⁴

Mengikut hasil kajian mendapati kebanyakan responden menyatakan, program membangun akidah melalui pendidikan dan *dayah* dilakukan sesuai dengan konsep Islam dengan mempelajari rukun iman, memperkenalkan sifat Allah dan mengemukakan dalil tentang kewujudanNya. Pelajar mempelajari dan menghafal nama malaikat, para rasul, kitab, percaya kepada hari kiamat, beriman dengan kewujudan syurga dan neraka. Akidah yang dibina disekolah sesuai matlamat dakwah dengan keimanan yang benar dan bersih tanpa pengaruh syirik, mistik dan selaras dengan akal sihat, di mana keimanan yang dipelajari bersumber dari ajaran Islam yang wajib dipegangi oleh setiap muslim yang berasal dari al-Qur'ān dan sunnah nabi. Sekolah rendah dan menengah di

¹⁹³ Hamdani, Wakil Direktur Dayah Jeumala Amal Lueng Putu Kabupaten Pidie Jaya, Temubual 10 September 2009.

¹⁹⁴ Achmad Chozin, Guru Besar Sekolah Dasar (SD) Negeri 24 Banda Aceh, Temubual 4 Disember 2009.

Aceh telah memainkan peranan utama dalam membangun dan meningkatkan akidah untuk melahirkan pelajar yang beriman, bertawakkal dan tetap penderian.¹⁹⁵

Dalam penerapan untuk mempertinggi keimanan, persekitaran sekolah mulai ditanam dengan nilai akidah yang mengandungi elemen dakwah seperti memutar kaset pengajian al-Qur'ān dan selawat badar menyambut kedatangan pelajar dan memutar kaset instrumental dan lagu-lagu Islami pada jam istirahat selaras dengan program pendidikan Islami. Membuat persekitaran sekolah yang bersih, indah dan rapi supaya selaras dengan kehendak Islam menjaga kebersihan yang merupakan sebahagian dari keimanan sesuai dengan matlamat dakwah dan prinsip Islam untuk melahirkan masyarakat beriman, bersih, sihat dan sejahtera. Sekolah yang bersih akan nampak suasana persekitaran yang menarik, sihat, terpeliharakan, berpuas hati dan sentiasa melakukan aktiviti yang baik akan menjadi contoh yang dapat menyemai nilai keimanan bagi setiap pelajar.¹⁹⁶

Menurut pengamatan penulis, pendidikan sekolah dan *dayah* di Aceh telah menggalas tanggungjawab dan memikul kewajiban sesuai dengan matlamat dakwah dalam membangun akidah sehingga keimanan menjadi cermin dan kekuatan dalam membentuk ketakwaan, melahirkan nilai keperibadian pelajar yang baik dalam perbuatan dan pengamalan. Pendidikan sekolah dapat menolong dan membekali pelajar dalam membentuk keyakinan, menguatkan keimanan dan membangun ketakwaan sesuai dengan ajaran Islam.

¹⁹⁵ Irawati M. Gade, Guru Sekolah Menengah Atas (SMA) Negeri 5 Banda Aceh, Temubual 10 Disember 2009.

¹⁹⁶ Abdul Gani Yahya, Guru Besar Sekolah Menengah Atas Negeri (SMA) 8 Banda Aceh, Temubual 13 Oktober 2009.

5.4.2 Program Membangun Syariah Melalui Pendidikan

Penerapan nilai syariah telah di ajarkan mulai dari sekolah rendah, sekolah menengah dan *dayah* dalam mata pelajaran fiqah atau ibadah sesuai dengan prinsip Islam untuk membangun ibadah yang membawa kesejahteraan di dunia dan akhirat. Pendidikan sekolah rendah berkewajiban mengajar ajaran syariah selaras dengan konsep Islam yang terkandung dalam perintah menuntut ilmu untuk melahirkan pelajar yang mengamalkan ibadah dan menghayati hukum syariah.

Pelajaran yang sentiasa di ajarkan di sekolah rendah untuk membangun ajaran syariah adalah yang terkandung dalam rukun Islam dan hukum muamalah seperti mengucapkan dua kalimah syahadah, melaksanakan ṣalāt, zakat, puasa dan haji sehingga pelajar memahami rukun Islam sebagai undang-undang syariah dan mengetahui cara berinteraksi dengan masyarakat dan alam sekitar. Program membangun syariah pada sekolah rendah dilakukan sesuai dengan prinsip Islam di mana pelajar di ajarkan asas dalam beribadah seperti mengenal air yang suci, melakukan cara berwuduk, menghafal ayat yang dibaca dalam ṣalāt, menghafal sūrah al-Qur'ān yang pendek untuk dibaca dalam ṣalāt dan melakukan praktik ṣalāt. Ṣalāt merupakan salah satu hukum syariah yang wajib dilakukan, dosa bila ditinggalkan dan ia perlu diamalkan oleh pelajar dengan memahami syarat serta rukunnya, diajar tentang kewajiban berpuasa, mengetahui tentang hukum zakat dan rukun melaksanakan ibadah haji.¹⁹⁷

¹⁹⁷ Muhammad Nazar, Guru Sekolah Menengah Pertama (SMP) Negeri Neuheun Banda Aceh, Temubual 14 Disember 2008.

Penerapan ajaran syariah pada peringkat sekolah rendah yang mengandungi elemen dakwah Islam dapat dilihat pada pakaian, di mana mulai tahun 3 sampai tahun 6 pelajar perempuan diwajibkan memakai jilbab dan bagi pelajar lelaki memakai seluar panjang. Program mendidik dan membiasakan pelajar memakai pakaian yang menutup aurat dilakukan selaras dengan tuntutan hukum syariah. Bagi para guru wajib berbusana menutup aurat, tidak ketat, sopan dan rapi, sehingga dapat memberi contoh teladan dalam mengamalkan ajaran syariah kepada pelajar.¹⁹⁸ Sekolah menengah dan *dayah* berkewajipan membangun syariah sesuai dengan konsep Islam dengan mengajar mata pelajaran fikah untuk memperdalam tentang rukun Islam seperti kewajipan *ṣalāt*, berpuasa, zakat dan haji yang dikaji mengikut al-Qur'an dan al-Hadiṣ. Setiap hari Jumaat semua pelajar disuruh membaca *sūrah yāsīn* selama 30 menit dan semua pelajar lelaki diwajibkan *ṣalāt* Jumaat.¹⁹⁹

a. Program Mampu Membaca al-Qur-ān bagi Pelajar Sekolah Rendah

Pelaksanaan nilai syariah pada peringkat sekolah rendah di Aceh selaras dengan konsep Islam salah satunya yang sangat penting adalah dilakukan program mampu membaca al-Qur'ān bagi setiap pelajar yang tamat Sekolah Dasar (SD) dan Madrasah Ibtidaiyah (MI) harus mampu membaca al-Qur'ān dan akan mendapat sijil yang

¹⁹⁸ Aswani, Wakil Guru Besar Sekolah Dasar Negeri (SDN) Babah Krueng Kecamatan Bandar Dua, Temubual, 26 Oktober 2009.

¹⁹⁹ Anwar Sanusi, Guru Besar Sekolah Menengah Atas Negeri (SMA) 4 Banda Aceh, Temubual 12 Oktober 2009.

menyatakan bahawa dia telah mampu membaca al-Qur'ān dan pelajar yang tidak mampu membaca al-Qur'ān dengan baik tidak akan diberi ijazah SD/MI.²⁰⁰

Untuk melaksanakan program mampu membaca al-Qur'ān supaya berhasil baik, pihak sekolah harus bekerja keras, berkeyakinan dan bersungguh-sungguh mengajar agar setiap pelajar sekolah rendah mampu membaca al-Qur'ān. Mampu membaca al-Qur'ān dilakukan sesuai dengan konsep Islam dan matlamat dakwah untuk melahirkan modal insan yang berkualiti, memiliki kepakaran dalam membaca dan dapat mendalami ilmu al-Qur'ān bagi masa hadapan sebagai sumber hukum syariah. Sekiranya melalui jam pelajaran di sekolah tetap tidak mungkin mengajarkan mampu membaca al-Qur'ān kepada anak-anak, maka kerja sama dengan pendidikan *Meunasah*, Taman Pendidikan al-Qur'ān (TPA) yang mengajarkan cara membaca al-Qur'ān kepada anak perlu dibina secara lebih baik dan meyakinkan.²⁰¹

Program mampu membaca al-Qur'ān yang dimulai di sekolah rendah yang dicetuskan pemerintah Aceh sesuai dengan matlamat dakwah untuk dapat membangun pelajar yang boleh memahami ajaran Islam dan hukum syariah yang asasnya terdapat dalam al-Qur'ān. Konsep mampu membaca al-Qur'ān selaras dengan gagasan pendidikan Islami dan besesuaian dengan pelaksanaan Syariat Islam di Aceh. Setiap pelajar yang mampu membaca al-Qur'ān akan menjadi sebagai modal awal dan bekal untuk dapat memahami ajaran al-Qur'ān yang mengandung hukum syariah secara baik,

²⁰⁰ Al Yasa Abubakar (2006), Syari'at Islam di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, *Op. Cit.*, h. 186.

²⁰¹ *I b i d.*, 87.

benar dan sempurna sesuai prinsip Islam bagi melahirkan pelajar yang berpengetahuan luas, bertakwa, dapat beribadah dalam kehidupan peribadi, keluarga dan masyarakat.²⁰²

Program mampu membaca al-Qur'ān ini mengandung elemen dakwah untuk membangun keperibadian dan berusaha mendidik generasi muda Aceh untuk mampu membaca al-Qur'ān secara benar mengikut hukum tajwīd. Mampu membaca al-Qur'ān dilakukan sesuai dengan misi dakwah, di mana pemerintah Aceh bertanggungjawab atas generasi muda Islam bila mereka tidak mampu membaca kalamullah yang merupakan satu-satunya pedoman pegangan hidup serta sumber hukum Islam, maka tidak ada pilihan lain bagi pemerintah Aceh iaitu mewajibkan mampu membaca al-Qur'ān untuk mengatasi generasi muda yang buta huruf Qur'ān.²⁰³

Gagasan menerapkan program mampu membaca al-Qur'ān bagi pelajar sekolah rendah membawa mesej dakwah dan sesuai dengan teori membangun dalam Islam untuk memberi bimbingan, petunjuk jalan dan panduan awal bagi mendalami hakikat hukum syariah sehingga mampu melahirkan generasi yang taat dalam beribadah, berpengetahuan, cerdas, cekap, kreatif dan patuh pada ajaran Islam. Program mampu membaca al-Qur'ān mengandung elemen dakwah disebabkan al-Qur'ān sendiri kitab dakwah dan ajaran syariah maka mampu membacanya sesuai dengan prinsip Islam

²⁰² Nursiah AR, Guru Agama Pada Sekolah Dasar Negeri (SDN) Panteraja, Temubual 10 November 2007.

²⁰³ *Serambi Indonesia*, November 30, 2007, 13 “ Tidak Mampu Baca Qur'an Murid SD/MIN Tidak Akan Dapat Ijazah”.

untuk mengembangkan dakwah dan memahami syariah bagi memenuhi kewajiban mendidik anak yang dimulai sejak ia masih kecil lagi.²⁰⁴

Menurut hasil kajian, salah satu kemampuan anak dalam memahami Islam adalah mampu membaca al-Qur'ān di samping memberikan pelbagai nilai-nilai Islam yang lain yang wajib difahami oleh anak-anak. Program mampu membaca al-Qur'ān sebagai seruan dakwah yang dapat memberi kesan yang mendalam, menubuhkan motivasi, menarik minat bagi pelajar untuk belajar bersungguh-sungguh, menambah keyakinan mempelajari Syariat Islam. Hal ini telah mendorong kesungguhan ibu bapak untuk menolong mengajar anak memastikan mampu membaca al-Qur'ān dan untuk dapat melanjutkan pendidikan seterusnya.²⁰⁵

Program mampu membaca al-Qur'ān memperlihatkan salah satu ciri khas model sistem pendidikan Islami di Aceh. Peraturan ini diterapkan begitu ketat sehingga murid sekolah rendah yang tak mampu membaca al-Qur'ān tidak diberi sijil tanda tamat sekolah. Penerapan nilai syariah di sekolah merupakan usaha menyampaikan mesej dakwah untuk mempertinggi pemahaman dan pengamalan selaras dengan program pendidikan Islami dan sesuai dengan pelaksanaan Syariat Islam di Aceh.²⁰⁶

Penerapan nilai syariah di sekolah menengah antaranya dengan dilakukan peningkatkan kemampuan membaca al-Qur'ān selaras dengan misi dakwah untuk

²⁰⁴ Muhammad Yaziz, Guru Besar Sekolah Menengah Pertama (SMP) Negeri Ulee Gle Kecamatan Bandar Dua, Temubual 15 Disember 2009.

²⁰⁵ Nurdin, Guru Sekolah Dasar (SD) Negeri Babah Krueng Kecamatan Bandar Dua, Temubual 1 Disember 2009.

²⁰⁶ Irdayana, Guru Sekolah Dasar (SD) Negeri 24 Banda Aceh, Temubual 13 Oktober 2009.

meningkatkan potensi dan prestasi pelajar untuk mendalami dan menghayati ajaran al-Qur'ān sebagai kitab yang mengadung hukum syariah. Bagi pelajar sekolah menengah yang belum mampu membaca al-Qur'ān secara baik, pihak sekolah berusaha menubuhkan kelas tambahan untuk mengajar mereka yang lemah sampai mampu membaca al-Qur'ān. Kelas tambahan mampu membaca al-Qur'ān dilakukan di sekolah menengah sesuai dengan matlamat dakwah untuk mengajar pelajar sehingga mampu membaca al-Qur'ān secara fasih, lancar, benar mengikut kaedah ilmu *tajwīd* dan dapat mendalami ilmu al-Qur'ān sehingga suatu saat nanti boleh mengajar orang lain.²⁰⁷

b. Program Wajib Ṣalāt Berjama'ah di Sekolah

Program penerapan nilai syariah di sekolah menengah dan *dayah* telah dilakukan sesuai dengan konsep Islam di mana pemerintah Aceh mewajibkan pelajar ṣalāt berjama'ah di sekolah bila waktu tiba. Program ini menunjukkan niat baik pemerintah selaras dengan matlamat dakwah untuk membangun, mengamalkan hukum syariah, meningkatkan penghayatan, ibadah di kalangan pelajar sesuai dengan konsep pelaksanaan Syariat Islam dan selaras mengikut sistem pendidikan Islami di Aceh. Ṣalāt berjama'ah mengandungi elemen dakwah dan selaras dengan konsep membangun pendidikan Islami untuk dalam membentuk keperibadian, membina sikap pelajar seperti menghargai waktu, meningkatkan kesedaran dalam beribadah, dapat mengembangkan nilai dasar Islam dan dapat menunjukkan tingkat keimanan setiap pelajar.

²⁰⁷ Kasumi Sulaiman, Guru Besar Sekolah Menengah Pertama (SMP) Negeri 8 Banda Aceh, Temubual 14 Oktober 2009.

Untuk merealisasikan program ṣalāt berjamaah berjalan dengan baik, pemerintah Aceh terus berusaha membangunkan surau yang memadai di setiap sekolah untuk memudahkan pelaksanaan ibadah ṣalāt berjama'ah sesuai anjuran Islam. Pelaksanaan ṣalāt berjama'ah di sekolah bila waktu tiba sebagai misi dakwah untuk meningkatkan ibadah, sudah dapat dilaksanakan di banyak sekolah di perkotaan yang sudah membangun dan memiliki surau serta tersedia sarana untuk beribadah atau sekolah berdekatan dengan Masjid. Program ṣalāt berjama'ah di sekolah mengandung mesej dakwah untuk menegakkan hukum syariah dan sesuai dengan kewajiban beribadah yang dipundakkan atas setiap muslim dan muslimah.²⁰⁸

Dari hasil kajian mendapati ṣalāt berjama'ah di sekolah di luar bandar belum dapat dilakukan sepenuhnya seperti yang diharapkan disebabkan sarana tempat ibadah belum tersedia, belum ada Surau yang memadai, tempat berwuduk dan air yang diperlukan belum tersedia secukupnya. Program ini kadang-kadang belum dapat dilaksanakan disebabkan waktu ṣalāt zuhur dengan waktu keluar sekolah berdekatan, maka semua pelajar pulang dan melakukan ṣalāt di rumah. Oleh itu, sekolah yang belajar pagi belum dapat melakukan ṣalāt berjama'ah di sekolah, apa lagi jumlah pelajar ramai lelaki dan perempuan memerlukan surau yang lebih besar dan luas belum dapat terpenuhi. Program ṣalāt berjama'ah di institusi pendidikan *dayah* dapat dilakukan setiap waktu kerana pelajar *dayah* semuanya tinggal di *dayah*.²⁰⁹

²⁰⁸ Wardi Abdul Gani, Guru Sekolah Menengah Atas (SMA) PT. Pupuk Iskandar Muda Lhokseumawe Aceh Utara, Temubual 5 Disember 2009.

²⁰⁹ Rusydi M. Daud, Wakil Guru Besar Sekolah Menengah Atas (SMA) Negeri Bandar Dua, Temubual 26 Oktober 2009.

Sekolah yang belajar petang dapat melakukan ṣalāt zuhur dan asar berjama'ah di Surau atau Masjid berdekatan dan ṣalāt di sekolah biasanya dilakukan mengikut giliran kelas kerana terdapat sekolah yang keluasan surau terbatas. Program ṣalāt berjama'ah di sekolah sangat baik dilakukan kerana mengandungi mesej dakwah yang membawa suasana persekitaran sekolah lebih Islami dan memberi motivasi bagi pelajar untuk melakukan aktiviti ibadah secara berterusan dapat dipraktikkan dalam kehidupan sehari-hari.²¹⁰

Melakukan ibadah ṣalāt di sekolah menunjukkan salah satu ciri-ciri pendidikan Islami yang membawa nilai dakwah untuk dapat melahirkan pelajar yang taat dalam beribadah, menghargai waktu, memiliki kasih sayang, menyuburkan nilai persaudaraan, membina semangat kerja sama, meningkatkan perpaduan, mencegah kemungkar, terdapat bersifat terpuji sebagai bukti memperhambakan diri kepada Allah s.w.t. Ṣalāt berjama'ah memberi kesan yang menarik dan menjadi ukuran keberhasilan menerapkan strategi pendidikan yang berbasis nilai-nilai Islam kepada anak didik seperti ṣalāt tepat waktu, berperilaku jujur, adil, disiplin, suka menolong, ikhlas berbuat, suka berderma, hormat kepada orang yang lebih tua, suka menyeru kebajikan, menghindar dari perbuatan mungkar dan tercela.²¹¹

Menurut pengamatan penulis, program membangun hukum syariah telah dilakukan sesuai dengan prinsip Islam dengan sentiasa mengajar pelajaran fikah di sekolah. Program penerapan ajaran syariah dengan kewajiban ṣalāt berjama'ah di

²¹⁰ Abdul Gani Yahya, Guru Besar Sekolah Menengah Atas (SMA) Negeri 8 Banda Aceh, Temubual 13 Oktober 2009.

²¹¹ Hasballah Saad (2009), *Op. Cit.*, h. 30.

sekolah belum dapat dilakukan secara baik dan sempurna di semua sekolah terutama waktu zuhur, hal ini disebabkan waktu zuhur berdekatan dengan waktu keluar sekolah, setelah keluar sekolah mereka pulang dan ṣalāt zuhur di rumah. Untuk ṣalāt berjama'ah zuhur di kebanyakan sekolah belum dapat dilakukan disebabkan belum tersedia surau yang mampu menampung pelajar yang begitu ramai di setiap sekolah, maka program ṣalāt berjama'ah di sekolah belum mampu dilakukan sebagaimana diprogramkan.

5.4.3 Program Membangun Akhlak Melalui Pendidikan

Pendidikan di Aceh sentiasa menggalas kewajiban membina akhlak kepada pelajar sesuai dengan prinsip Islam untuk membangun masyarakat yang berakhlak mulia dan terpuji. Pemerintah Aceh bertanggungjawab membangun pendidikan sesuai dengan konsep Islam untuk melahirkan pelajar yang berakhlak. Kewajiban membangun akhlak disebutkan dalam kanun bahawa pemerintah Aceh perlu membangun dan memajukan institusi pendidikan yang dapat melahirkan manusia cerdas, beriman, bertakwa dan berakhlak mulia. Mengikut isi kanun ini pemerintah Aceh bertanggungjawab dan berkewajiban mendidik akhlak sangat baik sesuai dengan keperluan masyarakat dan selara dengan teori membangun akhlak dalam Islam untuk membentuk pelajar yang bersopan santun, memiliki sifat terpuji dan berakhlak mulia yang di bangun melalui institusi pendidikan.

Pendidikan berkewajiban membangun akhlak bagi pelajar sudah dimulai dari sekolah Tadika sesuai dengan prinsip Islam seperti mengajar tentang akhlak,

mengembangkan budaya kesopanan dan kemahiran lain yang membawa hasil yang positif. Nilai-nilai yang diajarkan di sekolah Tadika mengandung unsur akhlak sesuai dengan misi dakwah untuk membangun keperibadian anak seperti mengajar membaca sūrah al-Fātihah setiap pagi, anjuran memberi salam dan bersalaman dengan guru, masuk kelas dengan kaki kanan, membaca bismillāh ketika memulai sesuatu, makan dengan tangan kanan dan berdoa setiap mulai makan. Guru sentiasa mengajar nilai akhlak dan menyanyi lagu yang berunsur akhlak seperti sayang ibu bapak sayang guru sayang kawan sayang semuanya dan guru sering menceritakan kisah kehidupan para nabi yang mengandungi nilai akhlak mulia.²¹²

Pendidikan berkewajiban mengajar pelajaran akhlak kepada anak didik sesuai dengan prinsip Islam seperti membina keperibadian yang baik dalam berhubungan dengan Allah yang sentiasa melakukan ibadah. Mengajar akhlak bersopan santun, patuh pada ibu bapa, berbakti dan bertutur kata yang baik kepada kedua orang tua nya dalam kehidupan sehari-hari, berbuat baik dan sopan kepada guru, sopan santun kepada keluarga, kawan, tetangga dan masyarakat sehingga dalam bersikap menunjukkan akhlak yang mulia dan terpuji.²¹³

Menurut hasil kajian mendapati, pelajar sekolah rendah, menengah dan *dayah* sentiasa diajarkan dengan akhlak yang baik dan sifat terpuji seperti bersifat sabar, jujur, amanah, sopan santun, pemaaf, meminta maaf, rajin, hemat, rendah hati, dermawan, suka tolong menolong, menepati janji, setia, berterima kasih dan bertanggungjawab. Pelajar diajar untuk menjauhkan sifat yang buruk dan perbuatan tercela seperti cepat

²¹² Rahmaniari, Wakil Guru Besar Sekolah Taman Pendidikan Kanak-Kanak (Tadika) Ikatan Keluarga Logistik Banda Aceh, Temubual 13 Oktober 2009.

²¹³ Achmad Chozin, Guru Besar Sekolah Dasar (SD) Negeri 24 Banda Aceh, Temubual 4 Disember 2009.

marah, berdusta, dendam, dengki, kikir, boros, malas, iri hati, ingkar janji dan zalim. Membangun akhlak yang terpuji menjadi kewajiban sekolah dan *dayah* bagi mendidik pelajar sesuai anjuran Islam untuk dilakukan dan diamalkan dalam kehidupan sehari-hari seperti mengucapkan salam, berbahasa Islami, menghormati yang lebih tua, menyayangi yang muda dan berpakaian yang menutup aurat sehingga semua tindakan menunjukkan akhlak yang terpuji dan mulia.²¹⁴

Penerapan nilai akhlak pada pendidikan sekolah rendah dan menengah sesuai dengan teori membangun dalam Islam kerana dilakukan secara tersusun dan terancang mengikut kurikulum sehingga mampu menurunkan contoh dan teladan yang baik, menyampaikan pesan-pesan dakwah dan membekali nilai akhlak yang positif kepada anak didik secara lebih mendalam dan terarah yang dapat melahirkan keperibadian insan yang berkualiti dan berakhlak mulia. Para guru pula memainkan peranan penting dalam menunjukkan akhlak, contoh dan teladan yang baik sebagai usaha menyampaikan mesej dakwah untuk membina akhlak pelajar kerana guru memiliki profesionalisme dalam mengajar dan berkebolehan dalam menyeru, memberi petunjuk, menerangkan, membimbing dengan memiliki sifat terpuji. Guru dapat memberi pengertian dan arahan maka nasihat guru sentiasa dipatuhi, ia sebagai ikutan, menjadi idola, pembawa contoh teladan sehingga guru lebih mudah dan berkesan dalam menanam akhlak Islam kepada pelajarnya berbanding dengan aktiviti dakwah Islamiyah.²¹⁵

Menurut pengamatan penulis, pembangunan akhlak yang dilakukan melalui institusi pendidikan sekolah dan *dayah* sesuai dengan teori membangun akhlak

²¹⁴ Mahyeddin Gamcut, Guru Sekolah Menengah Atas (SMA) Negeri Ulee Gle Kecamatan Bandar Dua, Temubual 1 Disember 2009.

²¹⁵ Yusni Saby, Rektor Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Ar-Raniry Banda Aceh, Temubual 26 November 2008.

mengikut prinsip Islam sebagai suatu kewajiban kerana pendidikan akhlak masih diajarkan secara sistimatis, tersusun dan terancang dengan bepedoman pada kurikulum. Oleh itu, matlamat membina akhlak di sekolah dan *dayah* selaras dengan matlamat dakwah untuk membangun masyarakat yang berakhlak mulia dan terpuji.

5.4.4 Program Membangun Intelektual Melalui Pendidikan

Program menubuhkan institusi pendidikan untuk mengembangkan ilmu dan intelektual selaras dengan teori membangun dalam Islam dan merupakan usaha dakwah yang sesuai dengan keperluan pelaksanaan Syariat Islam untuk melahirkan masyarakat yang beriman, bermartabat, berwibawa, berpengetahuan dan miliki intelektual. Perkembangan ilmu pengetahuan melalui pendidikan sekolah dan *dayah* dilakukan sesuai dengan teori membangun modal insan untuk meningkatkan intelektual dan ilmu pengetahuan yang lebih tinggi, memperbaiki keperibadian, mempertinggi kualiti hidup, menguasai teknologi, mampu melakukan inovasi dan transformasi. Membangun intelektual melalui pendidikan di Aceh dilakukan antaranya:

a. Program Membangun Intelektual Melalui Pendidikan Menengah

Pendidikan merupakan suatu wadah untuk membangun intelektual yang mulai disemai dari sekolah rendah, menengah, pendidikan *dayah* dan pengajian tinggi. Pelajar lepasan sekolah menengah yang memiliki pengetahuan dan intelektual peringkat menengah telah banyak mengisi pasaran kerja seperti mengisi jawatan penjawat awam,

polis, tentara, ahli politik dan pemimpin daerah untuk memikul tanggungjawab dan mengembangkan nilai-nilai Islam seperti jujur, adil dan amanah dalam bekerja. Sekolah menengah vocational dengan pelbagai jenis sekolah yang membentuk intelektual dan mengembangkan pengetahuan khas diperingkat menengah telah melahirkan ramai pelajar menjadi juru rawat, penyuluh pertanian, perikanan, perkebunan, menjadi pertukangan, juru elektrik, elektronik, teknik mesin, juru kewangan, pemasaran, teknologi komputer, komunikasi dan informasi yang memikul tanggungjawab dalam penerapan ilmu mengikut ajaran Islam.²¹⁶

Membangun pendidikan selaras dengan prinsip Islam untuk mengubah nasib umat dengan mengembangkan ilmu pengetahuan dan membangun intelektual yang mendatangkan kesejahteraan, membawa kebahagiaan dan mempertinggi kualiti hidup masyarakat. Institusi pendidikan yang ditubuhkan di Aceh mulai dari sekolah rendah sampai perguruan tinggi dan *dayah* dengan tujuan untuk meningkatkan pemahaman ajaran Islam selaras mengikut mesej dakwah yang kini telah direalisasikan dengan program mengembangkan ilmu pengetahuan untuk membangun intelektual. Semua institusi sekolah telah memainkan peranan penting mengikut peringkat masing-masing sesuai dengan konsep Islam dalam usaha mengembangkan pelbagai tingkat pengetahuan, melaksanakan disiplin ilmu untuk mengisi keperluan mengembangkan intelektual dan memenuhi kewajiban menuntut ilmu dalam Islam.

b. Program Membangun Intelektual Melalui Pengajian Tinggi

²¹⁶ Sulaiman Ibrahim, Guru Besar Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) Negeri Bandar Dua, Temubual 19 November 2009.

Perguruan tinggi telah ditubuhkan di pelbagai daerah dan kawasan di Aceh selaras dengan prinsip Islam untuk membangun intelektual sehingga ilmu pengetahuan telah berkembang luas tanpa batasan dan sempadan yang merupakan sebagai usaha pengembangan dakwah secara lokal dan global. Pengajian tinggi dapat membawa kebaikan, kesejahteraan selaras dengan anjuran ajaran Islam bagi mengembangkan ilmu pengetahuan dan meningkatkan intelektual ketahap yang lebih tinggi untuk merangka program pembangunan yang dapat membawa kemakmuran dan kesejahteraan. Pengajian tinggi merupakan institusi untuk melahirkan intelektual berderajat tinggi yang mampu meneroka dan membangun bumi dengan menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran yang tinggi. Pengajian tinggi ditubuhkan sesuai dengan matlamat dakwah untuk membangun kualiti modal insan yang lebih tinggi, sebagai khalifah yang disegani, menguasai teknologi, mencetuskan inovasi dan melakukan transformasi dalam memakmukan bumi.

Penubuhan dan perkembangan pengajian tinggi seperti Universiti Syiah Kuala sebagai universiti umum yang bergengsi di Aceh dan Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Ar-Raniry sebagai pengajian Islam yang paling berpengaruh telah melakukan aktiviti sesuai dengan acuan Islam yang dapat melahirkan intelektual, pakar pendakwah yang mampu memenuhi dan mengisi keperluan masyarakat selaras dengan matlamat pendidikan Islam untuk memperbaiki kualiti masyarakat Islam. Pengajian tinggi yang diwujudkan di Aceh selaras dengan prinsip Islam yang mampu melahirkan intelektual sebagai pemimpin Islam, cendakiawan, ilmuan, para pendakwah, tokoh politik, pakar ekonomi, pakar pendidikan, usahawan dan para eksekutif yang memiliki pelbagai pengetahuan dan menguasai teknologi maklumat, mereka terlibat dalam pemerintahan

di Aceh dan mengisi pelbagai jawatan penting di peringkat daerah mahupun nasional untuk melaksanakan pembangunan.²¹⁷

Demikian juga dengan kewujudan universiti swasta yang tersohor di Aceh seperti Universiti Muhammadiyah, Universiti Abul Yatama, Universiti Malikussaleh dan lain-lain lagi telah banyak menyumbang dalam membangun intelektual dan modal insan di Aceh bagi meningkatkan kecerdasan dan mengembangkan ilmu pengetahuan yang mampu melahirkan pakar ilmunan dalam pelbagai bidang dan dapat membangun pendakwah mahir mengikut kemampuan masing-masing. Menurut hasil kajian dapat diketahui, pengajian tinggi dapat membangun intelektual dan ilmu pengetahuan sesuai dengan teori membangun dalam Islam yang dapat mengantar manusia memperoleh kedudukan yang mulia dan mendapat derajat yang tinggi sehingga berkebolehan memegang amanah sebagai khalifah yang berkemampuan membangun bumi untuk membawa kemakmuran dan kesejahteraan.

Membangun ilmu pengetahuan melalui pengajian tinggi di Aceh selaras teori mengembangkan ilmu pengetahuan dalam Islam sehingga dapat melahirkan intelektual tangguh dan utuh yang dapat menguasai teknologi, berkemahiran tinggi, boleh melakukan inovasi dan mencetuskan transformasi untuk merancang program pembangunan yang dapat memakmurkan bumi. Pelajar lepasan pelbagai perguruan tinggi berperanan sebagai intelektual, mereka boleh berdakwah mengikut kemampuan dan kepakaran masing-masing secara sistimatis, serius dan profesional, berdakwah dengan lisan dan tulisan seperti menulis buku-buku tentang Islam, menulis artikel dalam

²¹⁷ Darni Daud, Rektor Universiti Syiah Kuala Banda Aceh, Temubual 10 Disember 2008.

akhbar-akhbar dan buletin-buliten yang terbit khas di Aceh dan di Indonesia pada umumnya.²¹⁸

Kehadiran pengajian tinggi di Aceh sesuai dengan prinsip Islam dalam menggalas tanggungjawab untuk mencetak intelaktual, mengeluarkan modal insan yang berkualiti dan melahirkan cendakiawan muslim yang memiliki kepakaran dalam pelbagai ilmu pengetahuan yang dapat menyumbang dalam bidang dakwah, meneroka kemajuan dan merangka program pembangunan. Para intelektual lepasan pengajian tinggi mereka berperanan sebagai pendakwah berkualiti tinggi dan profesional, mampu berdakwah menurut kepakaran pengetahuan yang dimiliki sesuai dengan perkembangan semasa. Kini banyak intelektual lepasan pelbagai universiti yang mampu berdakwah dengan kepakaran dan keahlian masing-masing baik dengan lisan, tulisan, contoh teladan dan seni.

c. Program Membangun Intelektual Melalui Pendidikan *Dayah* (Pondok)

Pendidikan *dayah* di Aceh sebagai pendidikan Islam tradisional yang sejak dari dulu telah banyak melahirkan ulama, pendakwah dan mencetak intelektual Islam. Kedudukan *dayah* setelah pelaksanaan Syariat Islam di Aceh sudah mulai mendapat sentuhan transformasi dan mendapat perhatian serius dari pemerintah Aceh sehingga *dayah* diakui status sebahagian dari pendidikan daerah. Kini status *dayah* sudah mulai ditingkatkan sama dengan pendidikan sekolah sesuai dengan prinsip Islam untuk mengembangkan dan mempertinggi kualiti pengajian keislaman yang melahirkan ulama, intelektual yang dapat memperluas aktiviti dakwah dalam masyarakat.

²¹⁸ Syukri Nur Gani, Pensyarah Fakulti Dakwah Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Ar-Raniry Banda Aceh, Temubual 7 Disember 2009.

Pemerintah Aceh telah membangun *dayah*, dengan melakukan transformasi selaras dengan matlamat dakwah untuk mengadakan pembaharuan dan meningkatkan kemajuan dengan mengangkat martabat pendidikan *dayah* sama kedudukannya setingkat dan sejajar dengan sekolah atau pengajian tinggi untuk mengembangkan ilmu pengetahuan dan membangun intelektual. Pemerintah Aceh telah memberikan pelbagai bantuan untuk kemaslahatan *dayah* yang mengandungi elemen dakwah untuk meningkatkan kemajuan, dapat memperkasa modal insan, mempertinggi intelektual dan mengembangkan ilmu pengetahuan seperti memberi bantuan kewangan, pembaharuan kurikulum, perbaikan sistem pembelajaran, pembinaan santri, perbaikan pentadbiran, pelatihan komputer, penyediaan kitab dan peningkatan infrastruktur *dayah*.²¹⁹

Kemajuan yang telah berlaku di *dayah* sesuai dengan matlamat dakwah dapat dilihat dengan dibangun *dayah* moden atau *dayah* terpadu yang boleh mengembangkan ilmu agama dan ilmu umum dalam menyampaikan risalah Islam dengan memadukan sistem *dayah* dengan sekolah. Membangun *dayah* terpadu atau moden sesuai dengan konsep Islam dan perkembangan zaman untuk mencapai keseimbangan antara kepentingan dunia dan akhirat dalam mengembangkan pengetahuan dan membina pemuda berintelektual. Kewujudan *dayah* terpadu ternyata akhirnya telah menaruh minat yang luar biasa dan sangat menonjol dari masyarakat Islam di Aceh untuk berlomba belajar di *dayah* terpadu dengan pelbagai pengetahuan. Di antara *dayah* terpadu yang menonjol adalah Dayah Terpadu Ulumuddin Muara Dua Aceh Utara,

²¹⁹ Pemerintah Aceh Tahun 2009, *Op. Cit.*, h. 54.

Dayah Gontor IV cawangan Aceh, Bustanul Ulum Langsa Aceh Timur dan Dayah Jeumala Amal di Lung Putu Kabupaten Pidie.²²⁰

Beberapa lagi *dayah* tradisional telah mengadakan perubahan dan melakukan transformasi yang luar biasa selaras dengan teori membangun pengetahuan mengikut konsep Islam untuk kepentingan dunia dan akhirat seperti membuka sekolah rendah, menengah dan perguruan tinggi di persekitaran *dayah* untuk membangun intelektual dan mempertinggi kualiti modal insan. Antara *dayah* yang membangun sekolah seperti Dayah Mudi Mesra, Dayah Ummul Aiman di Samalanga Dayah Malikussaleh Panton Labu dan lain-lain lagi untuk disesuaikan dengan kemajuan masyarakat Islam dan keperluan semasa. Dengan keterlibatan pemerintah dalam memberi bantuan dan komitmen pemimpin *dayah* untuk berubah sesuai dengan matlamat dakwah yang telah mencetuskan pelbagai kemajuan, pembaruan dengan pembangunan lebih moden, terdapat *dayah* yang membuka sekolah tinggi di pesekitarannya telah melahirkan ramai intelektual, terdapat beberapa *dayah* yang sudah mengadakan konvokesyen bagi pelajar tamatan *dayah*.²²¹

Mengikut hasil kajian mendapati, pembaharuan di *dayah* sudah dilakukan sesuai dengan konsep Islam yang mulai tampak dengan tampilnya ulama dan lahir pelajar *dayah* sebagai intelektual berkepakaran sesuai dengan dunia moden yang mampu menulis karya ilmiah di koran dan buku seperti buku Pemikiran Ulama Dayah Aceh yang ditulis oleh ulama *dayah* Teungku Haji Daud Zamzami, *et al* dan buku Resolusi Konflik Dalam Islam yang ditulis oleh Teungku Ibrahim Bardan (Abu Panton)

²²⁰ Safwan Idris (1994), "Perkembangan Pendidikan Pasantren/Dayah Antar Tradisi dan Pembaruan" dalam Badruzzaman Ismail *et al.* (eds.), *Perkembangan Pendidikan di Daerah Istimewa Aceh*, Banda Aceh: Majlis Pendidikan Daerah Aceh, h. 86.

²²¹ Hamdani, Wakil Direktur Dayah Moden Jeumala Amal Lueng Putu Kabupaten Pidie Jaya, Temubual 10 September 2009.

pimpinan *Dayah Huda*. Buku tersebut diluncurkan di Kampus Universiti Syiah Kuala dan IAIN Ar-Raniry yang mendapat sambutan hangat di kalangan mahasiswa dan para pensyarah. Karya ilmiah sekarang sudah dapat dihasilkan oleh intelektual di kalangan *dayah* untuk muzakarah dan buku ilmiah yang dulu dihasilkan di universiti dan kini dapat dihasilkan oleh ulama *dayah*.

Pendidikan *dayah* telah mengalami perubahan dan transformasi selaras dengan kemajuan zaman terkini, sesuai perkembangan dakwah semasa untuk mendukung lahir ulama yang berkualiti dan membangun intelektual yang dapat menguasai teknologi moden maka kini *dayah* telah memiliki gedung bertingkat, terdapat infrastruktur asas yang lebih baik dan teratur. Balai pengajian dan asrama sudah dibuat dengan bangunan moden dan bertingkat, dulu asrama hanya dibuat dari kayu, kini semua *dayah* telah berubah wajah selaras dengan kepentingan masyarakat Islam dan kemajuan zaman. Perkembangan dan pembaharuan seumpama ini belum pernah terjadi sebelumnya, maka transformasi yang luar biasa telah terjadi dan terlaksana di persekitaran *dayah* di Aceh sehingga mampu mencetak intelektual, cendakiawan Islam sesuai keperluan semasa.²²²

Ulama dan pelajar *dayah* sentiasa mengembangkan dakwah untuk mempertinggi modal insan dan mampu membangun intelektual dan terlibat dalam aktiviti pelaksanaan ajaran Islam di setiap kampung bagi menyebarkan pengetahuan dan membangun pengetahuan masyarakat, mereka dijemput oleh masyarakat untuk melakukan misi keagamaan seperti dalam aktiviti ibadah, majlis kenduri, upacara kelahiran dan kematian, majlis perkahwinan, pada peringatan hari-hari besar Islam dan dalam penyelesaian pelbagai masalah yang dihadapi masyarakat. *Dayah* berperanan dalam

²²² Hasbi Amiruddin, Timbalan Rektor IV, Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Ar-Raniry Banda Aceh, Temubual, 21 Disember 2008.

mengalas tanggungjawab melahirkan intelektual dan ulama yang berilmu tinggi, disegani, mereka dijadikan idola, sebagai panutan dan ikutan masyarakat.²²³

Pendidikan *dayah* yang melahirkan ulama, mewujudkan pendakwah dan cendakiawan sebagai intelektual Islam yang memainkan peranan sesuai dengan prinsip Islam dalam membangun pengetahuan, membimbing umat, menjadi sumber rujukan, lambang perpaduan bagi masyarakat, ia tempat bertanya, meminta pendapat, memberi bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar dalam pelbagai masalah dan persoalan, mereka memegang posisi penting dalam masyarakat dan sentiasa menyampaikan mesej dakwah. Oleh itu, pendidikan *dayah* di Aceh mendapat prestasi yang baik dalam mengislamkan persekitarannya dan menyebarkan dakwah dalam masyarakat dengan posisi sebagai ulama dan intelektual Islam.²²⁴

Menurut pengamatan penulis, dengan dilakukan transformasi pendidikan *dayah* di Aceh, maka kewujudan *dayah* selaras dengan perkembangan masyarakat Islam semasa, untuk masa hadapan *dayah* akan membuka peluang yang lebih besar dan cerah bagi mengisi keperluan masyarakat dibidang agama dan kepentingan negara. Dengan dilakukan pembaharuan pelajar lepasan *dayah* menjadi ulama dan intelektual yang berpengetahuan luas, menjadi pendakwah, penceramah, imam di setiap kampung dan khatib Masjid sesuai keperluan samasa, kini lepasan *dayah* moden berpeluang menjadi tokoh politik, pemimpin negara dan cendakiawan Islam unggul yang disegani di peringkat lokal dan global.

²²³ Jamaluddin A. Latif, Pimpinan Dayah Yayasan Pendidikan Islam Bandar Dua Kabupaten Pidie Jaya, Temubual 15 Disember 2008.

²²⁴ Teungku Abdullah Ibrahim, Pimpinan Dayah Babul Ulum Kecamatan Bandar Dua Kabupaten Pidie Jaya, Temubual 16 Jun 2009.

5.4.5 Program Membangun Fizikal atau Material Melalui Pendidikan

Program membangun fizikal pendidikan sekolah telah dilakukan oleh pemerintah Aceh dan swasta bagi sekolah yang hancur akibat konflik bersenjata dan kemusnahan akibat dihentam tsunami telah dibangun dengan gedung baru. Kini prasarana fizikal sekolah yang hancur dan pelbagai sekolah lain telah di bangun dengan gedung yang lebih baik terutama di kota dan terdapat sekolah yang dibangun bertingkat untuk mengisi peluang dan memenuhi kewajiban menuntut ilmu mengikut ajaran Islam. Prasarana fizikal atau material sekolah telah mengikut keperluan dan peringkat sesuai dengan matlamat dakwah, di mana telah disediakan prasarana asas yang baik dan mencukupi yang dibangun di pelbagai kawasan untuk keperluan masyarakat Islam.²²⁵

Program membangun sekolah di Aceh, pemerintah telah menyediakan dana yang mencukupi dan sangat besar iaitu 30 % dari anggaran pembangunan termasuk untuk membangun fizikal atau material keperluan sekolah dan kelengkapan aktiviti pembelajaran. Walau bagaimanapun pembangunan fizikal sekolah belum memadai masih menuai pelbagai masalah. Permasalahan ini telah diungkapkan oleh ketua Dewan Perwakilan Rakyat (DPR) Aceh, bahawa banyak infrastruktur pendidikan yang belum memadai dan belum terbangun. Pembangunan gedung sekolah masih menuai masalah antaranya, lokasi yang tidak tepat, kualiti gedung kurang baik dan dana pemeliharaan fizikal yang tidak mencukupi.²²⁶

Setiap sekolah sentiasa berusaha memelihara fizikal gedung dan memecahkan pelbagai masalah supaya pembelajaran berjalan sesuai keperluan pelajar. Pihak sekolah

²²⁵ Achmad Chozin, Guru Besar Sekolah Dasar (SD) Negeri 24 Banda Aceh, Temubual, 4 Disember 2009.

²²⁶ *Serambi Indonesia*, Disember 24, 2009, 2 “Ketua DPRA: Sarana Pendidikan Belum Memadai”.

turut membangun fizikal tubuh badan pelajar dengan senaman dan aktiviti sukan yang dilakukan di sekolah untuk pertumbuhan pelajar yang sihat, cerdas pemikiran dan minda cemerlang. Membangun fizikal tubuh badan yang sihat di sekolah biasanya dilakukan melalui sukan bola sepak, voli ball, basket ball dan larian untuk melahirkan pelajar cergas, cekap dan pintar bagi memenuhi misi dakwah sehingga mampu menimba ilmu, mengembangkan pengetahuan dan memiliki intelektual.²²⁷

Pendidikan *dayah* setelah pelaksanaan Syariat Islam telah dinaikkan status dan diakui menjadi sebahagian dari pendidikan daerah Aceh sehingga sudah dapat peruntukan dana untuk membangun fizikal yang lebih baik dan sempurna. Dulu asrama tempat tinggal pelajar *dayah* dibuat dari kayu, kini bangunan fizikal pendidikan *dayah* sudah dibuat dari semen, terdapat bangunan yang bertingkat dan lebih moden sesuai dengan keperluan pelaksanaan Syariat Islam untuk penyebaran ilmu, meningkatkan pengamalan ajaran Islam dan mengembangkan dakwah Islamiyah. Membangun fizikal pendidikan *dayah* yang lebih baik, lebih moden, tersedia prasarana yang sempurna dan dilakukan transformasi dalam segala aspek mengandungi elemen dakwah untuk memacu kemajuan, meningkatkan keupayaan sesuai dengan kemajuan teknologi, perkembangan zaman dan keperluan semasa.²²⁸

Pembangunan fizikal dan material *dayah* sudah menjadi sebahagian tanggungjawab pemerintah Aceh di samping usaha *dayah* sendiri dengan memberi bantuan dan bimbingan supaya *dayah* lebih berdaya saing, terus berkembang dan lebih progresif. Membangun fizikal dan infrastruktur seperti asrama dan balai pengajian

²²⁷ Abdul Gani Yahya, Guru Besar Sekolah Menengah Atas (SMA) Negeri 8 Banda Aceh, Temubual 3 Disember 2009.

²²⁸ Teungku Jamaluddin A. Latif, Pimpinan Dayah Yayasan Pendidikan Islam Kecamatan Bandar Dua, Temubual 15 Disember 2008.

dayah dari ketinggalan dan tradisional merupakan usaha dakwah untuk membawa perubahan, pembaharuan dan kesejahteraan sehingga *dayah* dapat meningkatkan aktiviti, memperbaiki kualiti, lebih produktif dan berkompetitif sesuai dengan perkembangan dunia moden.

5.4.6 Program Membangun Sosial Melalui Pendidikan

Ilmu sosial sudah mulai diajarkan di peringkat sekolah menengah dengan memperkenalkan manusia sebagai makhluk sosial yang hidup bersama, berkelompok saling membantu, saling memerlukan dan kehidupan dalam pergaulan yang penuh kasih sayang yang menjadi ciri kehidupan manusia sebagai makhluk sosial. Program membangun kehidupan sosial mengandung nilai yang positif dan sesuai dengan ajaran Islam untuk membina kesejahteraan dan membangun kebahagiaan masyarakat. Manusia sebagai makhluk sosial hidup bermasyarakat, berorganisasi sehingga melahirkan dan membentuk kehidupan yang lebih teratur dan dapat membangun untuk mencapai kepentingan bersama selaras dengan matlamat dakwah. Melalui pendidikan diajarkan nilai-nilai sosial, norma-norma kehidupan, etika sosial keagamaan yang dipraktikkan dan dibina dalam segala aspek kehidupan sesuai dengan teori membangun kemakmuran dan kesejahteraan sosial dalam masyarakat mengikut ajaran Islam. Nilai sosial yang dikekalkan dalam masyarakat adalah bekerja sama, berorganisasi dan bergotong royong sebagai asas untuk mencapai kepentingan bersama.²²⁹

²²⁹ Zulkarnain, Guru Besar Sekolah Menengah Atas (SMA) Negeri 3 Banda Aceh, Temubual 2 Disember 2009.

Nilai sosial yang diajarkan di sekolah supaya pelajar memahami ilmu sosial yang berkenaan dengan kesejahteraan dan kepentingan masyarakat yang biasanya dilakukan oleh pemerintah, organisasi sosial dan masyarakat mengandung elemen dakwah yang membawa kabajikan dan kesejahteraan. Sosial bererti suka memperhatikan kepentingan masyarakat umum, sudi menolong dan membantu untuk memenuhi keperluan bersama yang merupakan asas dari ajaran Islam. Pembangunan sosial bermaksud untuk membangun kemakmuran, meningkatkan kesejahteraan, menciptakan kebahagiaan orang banyak dengan pelbagai bantuan dan pertolongan untuk memecahkan pelbagai permasalahan, meringankan kesulitan dan menyelesaikan persoalan yang dihadapi oleh masyarakat yang diajarkan di sekolah sesuai dengan misi dakwah.

Pendidikan ilmu sosial yang diajarkan di sekolah meliputi aspek terpenting dalam kehidupan sosial telah memenuhi tanggungjawab dan memiliki kewajiban Islam yang harus dilakukan untuk mencapai kemakmuran dan kesejahteraan bersama. Kepentingan sosial untuk membangun kehidupan bersama lebih diutamakan dari pada kepentingan peribadi dan keluarga selaras dengan seruan ajaran Islam. Kehidupan sosial sudah dipraktikkan di sekolah dengan kehidupan bersama dalam suatu kelompok yang memiliki toleransi yang kuat dalam mengembangkan budaya sosial melahirkan nilai yang baik dan saling menghargai selaras dengan matlamat dakwah untuk membangun akhlak Islam. Nilai sosial yang sentiasa dikembangkan di sekolah adalah sikap berkerja sama dan bergotong royong untuk membersihkan persekitaran sekolah bagi kepentingan dan keselesaan bersama.²³⁰

²³⁰ Kasumi Sulaiman, Guru Besar Sekolah Menengah Pertama (SMP) Negeri 8 Banda Aceh, Temubual 4 Disember 2009.

Interaksi sosial di sekolah terjalin dari sikap, keperibadian dan tingkahlaku yang baik menjadi persahabatan sehingga mengikat hubungan sosial yang kuat dan erat sesama pelajar mengandung mesej dakwah untuk membina persaudaraan Islam dan mengikat tali persahabatan. Hubungan persahabatan melahirkan rasa kasih sayang, saling bertoleransi dan bertolak angsur sebagai ikatan sosial di sekolah. Nilai sosial di peringkat sekolah di bangun dengan menjalin hubungan perhabatan dengan sekolah lain melalui sukan, kunjungan dan studi perbandingan dilakukan sesuai ajaran Islam untuk memperkuat ukhuwah Islamiah. Peranan sekolah dalam konteks kehidupan sosial dapat membina generasi muda dan dapat mengembangkan nilai-nilai Islam selaras dengan keperluan masyarakat. Pendidikan sekolah dapat mempertahankan aksi sosial, mengembangkan ilmu sosial dan mengikat kesatuan sosial merupakan misi dakwah untuk memperkuat dan meningkatkan interaksi antara pelajar, guru dan masyarakat.²³¹

Sekolah sebagai institusi pendidikan yang mengembangkan ilmu, membangun nilai sosial sentiasa membina hubungan yang baik, memerlukan sikap yang positif dan mendidik bertingkah laku pelajar sesuai dengan prinsip Islam dalam menghadapi kehidupan sosial dalam masyarakat. Kehidupan sosial masyarakat sebahagian sudah mengalami kehidupan yang baik dan sempurna, sebahagian lagi masih mengalami pelbagai permasalahan kehidupan sebagai penyandang masalah kesejahteraan sosial dan kemiskinan yang memerlukan bantuan, perlindungan dan memberikan pendidikan untuk merobah kehidupan.

5.4.7 Program Membangun Ekonomi Melalui Pendidikan

²³¹ Anwar Sanusi, Guru Besar Sekolah Menengah Atas (SMA) Negeri 4 Banda Aceh, Temubual 2 Disember 2009.

Membangun ekonomi melalui pendidikan dimulai di peringkat sekolah menengah atas dengan memperkenalkan asas ilmu ekonomi mengikut ajaran Islam iaitu mempelajari ilmu mengenai tentang aktiviti manusia dalam memenuhi keperluan hidupnya dan mendalami hubungan manusia dalam usaha mencapai kemakmuran dan kesejahteraan. Melalui pendidikan ilmu ekonomi mulai diajar di sekolah dengan memperkenalkan barang-barang yang bernilai ekonomi dan jasa pekerjaan yang dilakukan harus sesuai dengan prinsip Islam dalam usaha mencari nafkah untuk memenuhi keperluan hidup. Keperluan hidup yang utama dan mendasar disebut primer seperti makanan dan keperluan kedua disebut skunder seperti memerlukan pakaian, perumahan dan kenderaan.²³²

Perkembangan ekonomi sentiasa diajarkan dengan memperkenalkan mengenai pasar, peredaran wang dan penawaran barang mengikut ekonomi Islam. Dalam pasar berlaku hukum ekonomi, di mana terjadi penawaran dan permintaan sehingga membentuk nilai harga. Barang terdiri dari barang ekonomi, barang konsumsi dan barang produksi. Hukum ekonomi akan berlaku dan terbentuk di pasar, apabila permintaan meningkat harga akan naik dan bila permintaan berkurang harga akan menurun. Dalam penawaran dan permintaan barang pembeli menghendaki barang yang baik, penjual bersikap jujur sesuai dengan prinsip Islam dan harga berpatutan serta penjual menginginkan barang cepat laku dan mendapat keuntungan. Keuntungan dalam penjualan harus sesuai dengan ajaran Islam dengan cara berpatutan bukan keuntungan

²³² Abdul Gani Yahya, Guru Besar Sekolah Menengah Atas (SMA) Negeri 8 Banda Aceh, Temubual 3 Disember 2009.

berlipan ganda. Daya beli dalam pasar ditentukan oleh kekuatan pendapatan dan tingkat kemakmuran masyarakat.²³³

Perekonomian di sekolah diajarkan juga aktiviti ekonomi dalam perniagaan mengikut ajaran Islam, di mana dalam perniagaan wajib mengeluarkan zakat. Prinsip ekonomi dalam Islam memiliki kepercayaan semua benda, barang, alam dan rezki menjadi milik dan pemberian Allah s.w.t, manusia berkewajiban berusaha untuk mendapat rezki. Manusia sebagai khalifah yang diutus bagi memegang amanah sesuai dengan matlamat dakwah untuk menjaga, membangun dan memakmurkan bumi. Asas ekonomi Islam dibentuk mengikut hukum syariah yang terkandung dalam al-Qur'ān dan sunnah nabi sebagai pegangan dan rujukan masyarakat Islam. Pengendalian ekonomi harus berpedoman dan berpandukan pada ajaran syariat Islam dalam usaha mencapai kemakmuran dan kesejahteraan masyarakat secara adil dan merata. Ekonomi mesti diurus dan dimanfaatkan sesuai dengan ajaran Islam, di mana kekayaan diperoleh dengan cara sah, halal bukan dari sumber yang haram dan digunakan pada tempat yang bermanfaat untuk diri, keluarga dan masyarakat.²³⁴

Sistem ekonomi mengikut hukum syariah diajarkan kepada murid seperti tidak menipu kualiti barang antara yang baik dan bermutu rendah, dalam mengendalikan pasar tidak boleh mengurangkan timbangan dan sukatan sesuai dengan matlamat dakwah yang berlaku adil dan jujur. Ekonomi Islam diperkenalkan dengan penubuhan Bank Islam yang menyediakan alternatif kepada umat Islam untuk menggunakan khidmat bank mengikut syariat Islam dan menghindari masyarakat dari amalan riba

²³³ Rosmiati M. Ali, Guru Sekolah Menengah Pertama (SMP) Negeri I Kecamatan Ulim, Temubual 5 Disember 2009.

²³⁴ Basri, Timbalan Guru Basar Madrasah Aliyah (MA) Negeri Bandar Dua, Temubual 25 Disember 2008.

yang dilakukan oleh bank sekular. Keuntungan dalam Islam diperoleh dengan cara halal melalui usaha perniagaan dan koperasi. Sumber ekonomi mengikut hukum Islam diperoleh dari hasil yang sah dan halal seperti dari hasil pekerjaan, hasil bumi, pajak, zakat, sedekah dan wakaf yang dapat digunakan untuk kemakmuran masyarakat Islam. Penerapan dan pelaksanaan ekonomi di sekolah dilakukan dengan dibentuk koperasi sekolah, pelajar diseru berhemat dalam berbelanja dan menabung yang mengandung elemen dakwah untuk membangun kesejahteraan di masa hadapan.²³⁵

Membangun ekonomi melalui pendidikan dilakukan secara sistimatis dan tersusun mengikut kurikulum yang telah ditentukan sehingga pelajar dapat memahami dan mendalami ilmu ekonomi untuk digunakan dalam kehidupan. Ilmu ekonomi yang diajarkan di peringkat sekolah telah dikembangkan lebih mendalam ke peringkat yang lebih tinggi dengan ditubuhkan fakulti ekonomi yang dapat melahirkan pakar dalam bidang ekonomi yang dapat mengendalikan dan membangun ekonomi untuk kemakmuran dan kesejahteraan masyarakat.

5.4.8 Pemantauan dan Pengawasan

Pengawasan dan pemantauan pendidikan seperti di sekolah dan di *dayah* sentiasa dilakukan untuk melaksanakan fungsi dan kewajiban pemimpin sesuai dengan prinsip Islam bagi membangun pelajar yang penuh keimanan dan menghayati Islam. Pemantauan pendidikan terutama sekolah dilakukan oleh badan khas untuk mengawasi aktiviti pelaksanaan pendidikan di seluruh sekolah, sedangkan perlakuan di dalam setiap sekolah dilakukan pengawasan oleh guru besar semua aktiviti pembelajaran dan guru

²³⁵ Zulkarnain, Guru Besar Sekolah Menengah Atas (SMA) Negeri 3 Banda Aceh, Temubual 2 Disember 2009.

melakukan pengawasan tingkah laku pelajar. Pengawasan dan pemantauan di *dayah* lebih mudah dilakukan oleh pemimpin *dayah* terutama dalam bidang ibadah dan pengajian kerana semua pelajar tinggal di *dayah*.

Pendidikan sekolah sentiasa bertanggungjawab memantau dan mengawasi pelajar mengikut aturan dan disiplin sekolah yang telah ditetapkan. Pengawasan yang dilakukan di sekolah tersusun rapi, bersepadu, bertanggungjawab dan tegas untuk mencapai prestasi yang diinginkan. Pengawasan dan pemantauan di sekolah yang berdisiplin dan tegas dapat dilihat apabila pelajar melanggar aturan akan diambil tindakan yang wajar mengikut kesalahan yang dilakukan untuk membina sikap dan mendidik moral pelajar. Pengawasan yang dilakukan di kebanyakan sekolah di kota telah dilaksanakan dengan pemantauan yang lebih baik dan teratur dengan memasang sisi TV di setiap kelas untuk memantau aktiviti pembelajaran dan dapat mengawasi sikap pelajar di dalam kelas pada waktu istirahat.

Pemantauan dan pengawasan pendidikan di setiap peringkat sekolah di Aceh lebih bertanggungjawab dalam mengawasi pelajar melaksanakan kewajiban sebagai seorang pemimpin Islam, sebagaimana Khalifah Umar bin Khatab yang memikul kewajiban mengawasi masyarakat secara adil, benar dan sesuai ajaran Islam. Pengawasan Khalifah Umar yang digalas dengan penuh tanggungjawab dan amanah telah mencapai prestasi yang baik dan cemerlang dapat dijadikan contoh teladan dan ikutan oleh semua pihak. Demikian juga keberhasilan pemantauan yang ditunjukkan Nabi Yusuf dalam pentadbiran negeri Mesir sangat menarik untuk dikaji dan menjadi contoh teladan dan model ikutan bagi pemimpin Islam dalam mengontrol pemerintahan negara. Kini pemantauan terutama pemimpin negara di Aceh lemah dan pengawasan belum sesuai dengan misi dakwah, hal ini terbukti pemimpin belum mampu

meningkatkan akidah masyarakat untuk mengajak kepada kebajikan dan mencegah kemungkaran, hal ini terlihat masih banyak masyarakat yang meninggalkan ibadah wajib kerana lemah iman.

5.5 Kesimpulan

Program pembangunan akidah, syariah dan akhlak di bawah pelaksanaan Syariat Islam yang dikuatkan dengan dikeluarkan kanun telah dapat meningkatkan pengamalan ajaran Islam dengan keimanan yang kukuh dan ibadah yang meningkat sehingga mampu memperbaiki kualiti kehidupan masyarakat dengan mengamalkan akhlak yang terpuji dan mulia. Program pelaksanaan Syariat Islam yang dilakukan secara berperingkat mengikut kesiapan masyarakat telah dapat meningkatkan kesejahteraan kehidupan beragama di Aceh seperti meningkatkan fungsi tempat ibadah dengan memakmurkan Masjid dan *Meunasah*, mempertinggi pengamalan ajaran Islam dan mengembangkan dakwah Islamiyah. Pembangunan intelektual dan ilmu pengetahuan dapat meningkatkan kualiti modal yang lebih baik dan melaksanakan kewajiban menuntut ilmu pengetahuan mengikut ajaran Islam menuju ke tahap yang tinggi dan lebih berkembang.

Pembangunan ekonomi telah mampu mewujudkan kemakmuran, mengurangkan kemiskinan, meningkatkan kesejahteraan masyarakat dan pemerataan pendapatan mengikut prinsip keadilan dengan menjunjung nilai-nilai Islam. Program pembangunan sosial telah berhasil meningkatkan kesejahteraan sosial dengan menubuhkan klinik kesihatan, panti asuhan, perbaikan kerja-kerja sosial yang dikembangkan mengikut ajaran Islam. Pembangunan fizikal dan infrastruktur telah dapat meningkatkan kemakmuran, memperbaiki kesejahteraan dan tersedia infrastruktur asas yang lebih baik

sudah dapat memenuhi kepentingan dan keperluan masyarakat. Pelbagai program pembangunan yang dilaksanakan dalam masyarakat selaras dengan ajaran Islam dan sesuai mengikut perspektif dakwah dalam usaha meningkatkan kemakmuran dan membawa kesejahteraan masyarakat Islam di Aceh.